

*Buku Program*

# SEMINAR PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT

**PERINGKAT KEBANGSAAN**



12-13  
JULAI

Tema

**"MEMARTABATKAN PENYELIDIKAN PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT DALAM TVET"**

Anjuran

JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI (JPPKK)

Kelolaan

KOLEJ KOMUNITI LEDANG

Dengan kerjasama

POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI ZON SELATAN

Perkara	Mukasurat
<b>Kata-kata Aluan Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti Penaung SPSH 2021</b>	<b>1</b>
<b>Kata-kata Aluan Pengarah Pusat Penyelidikan dan Inovasi Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti Penasihat SPSH 2021</b>	<b>2</b>
<b>Kata-kata Aluan Pengarah Kolej Komuniti Ledang Pengerusi SPSH 2021</b>	<b>3</b>
<b>Latar Belakang Program</b>	<b>4</b>
<b>Panel Penilai</b>	<b>7</b>
<b>Panel Pembentangan</b>	<b>9</b>
<b>Panel Juri</b>	<b>10</b>
<b>Moderator</b>	<b>11</b>
<b>Aturcara Program</b>	<b>12</b>
<b>Sesi Pembentangan</b>	<b>13</b>
<b>Abstrak Latihan dan Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH)</b>	<b>24</b>
<b>Abstrak Penyelidikan dalam Pengajaran dan Pembelajaran</b>	<b>36</b>
<b>Abstrak Keusahawanan / Perniagaan / Ekonomi dan Perakaunan</b>	<b>57</b>
<b>Abstrak Hal Ehwal Pelajar dan Psikologi</b>	<b>61</b>
<b>Abstrak Pengurusan Organisasi dan Sistem Pentadbiran</b>	<b>68</b>
<b>Ringkasan <i>Best Practice</i></b>	<b>75</b>
<b>Jawatankuasa</b>	<b>81</b>

# KATA ALUAN



**Ts. ZAINAB BINTI AHMAD  
KETUA PENGARAH**

## **JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI PENAUNG SPSH 2021**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Setinggi-tinggi kesyukuran kepada Allah swt kerana dengan limpah kurniaNya Seminar Pembelajaran Sepanjang Hayat 2021 dapat dilaksanakan dengan jayanya buat kali ke-5 secara telesidang. Syabas dan tahniah diucapkan kepada Jawatankuasa Kerja Seminar Pembelajaran Sepanjang Hayat (SPSH 2021) di atas sumbangan tenaga dalam menjayakan SPSH 2021 walaupun masih berada di dalam situasi norma baharu.


Seminar yang dianjurkan ini dilihat sebagai satu wadah untuk semua penyelidik bertemu dan saling berkongsi hasil penyelidikan di antara satu sama lain. Perkongsian sebegini juga dapat meningkatkan mutu keilmuan dalam kalangan ahli akademik seraya menyemai pembudayaan aktiviti penyelidikan di institusi pengajian tinggi terutamanya di Politeknik dan Kolej Komuniti Malaysia.

Sehubungan dengan itu, penemuan hasil penyelidikan baharu melalui platform sebegini diharap dapat memberikan manfaat kepada ramai pihak dalam merungkai permasalahan melalui pendekatan yang telah dikaji atau diteroka oleh penyelidik. Bertepatan dengan perlaksanaan seminar ini, hasil kajian diharap dapat menyumbang kepada peningkatan ilmu untuk bidang teknikal, keusahawanan mahupun perkhidmatan.

Bertepatan dengan situasi semasa yang sedang dilalui negara, pelaksanaan seminar pada kali ini telah dilaksanakan dengan mematuhi prosedur norma baharu. Seminar telah dilaksanakan secara telesidang dan telah disertai oleh peserta dari pelbagai institusi dan lokaliti. Ini secara langsung menunjukkan bahawa, tiada halangan yang dapat memberikan kesan langsung kepada ahli akademik dari pelbagai tempat untuk saling berkongsi hasil penyelidikan. Ternyata, perlaksanaan seminar dalam norma baharu ini masih memberikan manfaat atau kebaikan kepada semua.

Akhir kata, saya menyeru agar usaha sebegini dapat diteruskan bagi memastikan pembudayaan penyelidikan sentiasa mekar dalam melahirkan insan yang berinovasi tinggi, kreatif dan berdaya saing.

Sekian, terima kasih.



# KATA ALUAN

**DR ISHAK BIN MOHAMAD  
PENGARAH  
PUSAT PENYELIDIKAN DAN INOVASI  
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI  
PENASIHAT SPSH 2021**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah swt kerana dengan limpah dan kurniaNya, Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) dengan kerjasama Kolej Komuniti Ledang dan Politeknik serta Kolej Komuniti Zon Selatan telah berjaya menganjurkan Seminar Pembelajaran Sepanjang Hayat 2021 (SPSH 2021) buat kali yang ke-5. Penganjuran tahun ini adalah penganjuran tahun kedua secara telesidang dengan mengambilkira situasi semasa negara.

Dengan tema “Memartabatkan Penyelidikan Pembelajaran Sepanjang Hayat dalam TVET”, diharapkan SPSH 2021 dapat dijadikan platform utama oleh pensyarah di Politeknik dan Kolej Komuniti khususnya untuk membentangkan hasil penyelidikan, perbincangan dan percambahan idea serta perkongsian amalan baik mengenai Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) dan bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal & Vokasional (TVET) untuk dimanfaatkan bersama.

Seminar yang dianjurkan ini juga merupakan medium perkongsian maklumat yang relevan dan penting sebagai pencetus idea dalam sebarang aktiviti sumbang saran bagi merangka perancangan, memperkuatkannya agenda dan keberkesanan program berkaitan PSH di peringkat organisasi. Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) berperanan besar dalam menggilap kemampuan dan mencapai kecemerlangan TVET dan diiktiraf sebagai teras ketiga pembangunan modal insan, selepas pendidikan sekolah dan pendidikan tertiar. PSH merupakan wadah terbaik dalam meningkatkan lagi potensi seseorang individu dan kita semua perlu disedarkan tentang penyemaian budaya ilmu yang boleh diterokai tanpa batasan usia, masa dan tempat.

Akhir kata, sekali lagi saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan, ucapan syabas dan tahniah kepada seluruh warga kerja SPSH 2021 dan Kolej Komuniti Ledang selaku tuan rumah serta Politeknik dan Kolej Komuniti Zon Selatan di atas kejayaan menganjurkan SPSH 2021. Jutaan terima kasih juga kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan seminar SPSH 2021 pada kali ini. Komitmen serta sokongan padu semua yang terlibat amatlah dihargai. Diharapkan hasil penganjuran seminar kali ini dapat meningkatkan pengetahuan dan menjadi pemangkin ke arah kecemerlangan Pendidikan TVET serta bakal mencorak aliran pendidikan yang lebih berkualiti di masa akan datang.

Sekian, terima kasih.



# KATA ALUAN

**EN.MD.NOR BIN ABDUL HALIM  
PENGARAH  
KOLEJ KOMUNITI LEDANG  
PENGERUSI SPSH 2021**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabaratuh dan Salam Sejahtera

Terlebih dahulu, saya dengan rasa berbesar hati ingin melafazkan setinggi - tinggi rasa penuh kesyukuran kepada Allah kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya maka Seminar Pembelajaran Sepanjang Hayat Peringkat Kebangsaan 2021 (SPSH 2021) berjaya dilaksanakan secara telesidang. Ucapan tahniah dan syabas kepada warga kerja Kolej Komuniti Ledang serta Politeknik dan Kolej Komuniti Johor kerana berjaya menganjurkan seminar kali ini. Saya juga berbesar hati kerana Kolej Komuniti Ledang telah diberi kepercayaan sekali lagi untuk menjadi tuan rumah penganjuran seminar setelah nTrends'20 pada tahun lalu.

Seminar penyelidikan kali ini dilihat dapat membudayakan penyelidikan, menjadi platform interaksi, perkongsian dan pengembangan idea serta memberi peluang dalam menghasilkan penyelidikan seterusnya menjadi platform pembentangan dan membina jaringan kolaborasi antara warga Politeknik dan Kolej Komuniti.

Seminar PSH kali ini berjaya mengumpulkan sebanyak 89 kertas penyelidikan daripada warga Jabatan Politeknik Dan Kolej Komuniti (JPPKK), Politeknik, Kolej Komuniti, Universiti Putra Malaysia, Universiti Teknologi MARA dan sekolah. Perkongsian idea ini diharap dapat meningkatkan pengetahuan dan pemangkin kearah kecemerlangan pendidikan TVET selaras dengan tema seminar pada tahun ini "**Memartabatkan Penyelidikan Pembelajaran Sepanjang Hayat Dalam TVET**". Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) adalah bertujuan untuk meningkatkan produktiviti dan peluang pekerjaan tetapi ianya juga dapat memperkayakan jiwa dan minda melalui ilmu pengetahuan untuk melahirkan generasi (modal insan) yang cemerlang.

Seminar ini turut memberikan penghargaan kepada semua pembentang dan penyelidik yang terlibat secara langsung atau tidak langsung. Syabas dan tahniah kepada semua peserta seminar pada kali ini yang banyak memberikan sumbangan dalam bidang penyelidikan. Saya berharap agar warga JPPKK dapat meneruskan lagi penyelidikan mereka bukan sahaja di dalam bidang ini malah di dalam pelbagai bidang dalam memberikan idea dan juga pengetahuan baru yang dapat digunakan bersama hasil daripada kajian yang dibangunkan.

Tidak lupa ucapan penghargaan dan terima kasih kepada pihak urusetia yang bertungkus lumus menjayakan seminar pada kali ini. Tahniah dan syabas juga kepada ahli jawatankuasa pelaksana dan pihak yang terlibat secara langsung maupun tidak langsung dalam penganjuran seminar pada kali ini.

Akhir kata, semoga seminar seumpama ini diteruskan dan dapat dijadikan platform kepada warga JPPKK untuk terus bersama-sama membudayakan penyelidikan.

Sekian, terima kasih.




# LATAR BELAKANG PROGRAM

## *Pengenalan*

Seminar Pembelajaran Sepanjang Hayat (SPSH) 2021 Peringkat Kebangsaan Kali Ke- 5 merupakan anjuran Jabatan Pendidikan Politeknik Dan Kolej Komuniti (JPPKK) dengan kerjasama Politeknik dan Kolej Komuniti Zon Selatan dengan kelolaan Kolej Komuniti Ledang sebagai tuan rumah. Ia bertemakan ‘Memartabatkan Penyelidikan Pembelajaran Sepanjang Hayat dalam TVET’. Lima skop persidangan SPSH 2021 iaitu Latihan dan Pembelajaran Sepanjang Hayat, Penyelidikan dalam Pengajaran dan Pembelajaran, Keusahawanan / Perniagaan / Ekonomi / Perakaunan, Hal Ehwal Pelajar dan Psikologi dan Pengurusan Organisasi dan Sistem Pentadbiran. SPSH 2021 turut membawakan 8 amalam terbaik yang telah dilaksanakan dalam memacu PSH ke arah kecemerlangan TVET menerusi slot pembentangan Best Practice.

Seminar Pembelajaran Sepanjang Hayat Kebangsaan (SPSH) 2021 menjadi satu wadah untuk setiap penyelidik mengkaji secara sistematik apa sahaja bidang mahupun pengajaran dan pembelajaran demi meningkatkan kualitinya dalam tuntutan norma baharu yang perlu dipatuhi ekoran faktor pandemik Covid-19. Program ini juga memberi peluang kepada para pendidik membentangkan hasil penyelidikan mereka serta diketengahkan untuk tujuan pembangunan organisasi dan membantu semua pihak menuju ke arah kecemerlangan secara kreatif dan meyokong ekosistem inovasi yang menjadi teras kelima Pelan Strategik Jabatan Politeknik dan Kolej Komuniti.



# LATAR BELAKANG PROGRAM

## *Objektif*

- i. Membudayakan penyelidikan di kalangan warga Politeknik dan Kolej Komuniti ke arah kecemerlangan diri dan kerjaya.
- ii. Menjadi platform kepada peserta seminar membentangkan hasil kajian berkaitan pengajaran dan pembelajaran teknik dan vokasional.
- iii. Mewujudkan platform interaksi, perkongsian dan pengembangan idea baru bagi penyelidikan yang berimpak dalam kalangan peserta seminar.
- iv. Membina jaringan antara warga Politeknik dan Kolej Komuniti dalam meningkatkan pengetahuan dan pencambahan idea.
- v. Memberi peluang dalam menghasilkan penyelidikan serta menyumbang kepada transformasi Kolej Komuniti.

# LATAR BELAKANG PROGRAM

## *Skop Persidangan*

# 1

Latihan dan  
Pembelajaran  
Sepanjang Hayat

# 2

Penyelidikan  
dalam Pengajaran  
dan Pembelajaran

# 3

Keusahawanan /  
Perniagaan /  
Ekonomi /  
Perakaunan

# 4

Hal Ehwal Pelajar  
dan Psikologi

# 5

Pengurusan  
Organisasi dan  
Sistem Pentadbiran



# PANEL PENILAI

## SKOP LATIHAN DAN PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT

BIL	NAMA	INSTITUSI
1.	Dr. Diana binti Ahmad Busra	Politeknik Port Dickson
2.	Dr. Yusni bin Mohamad Yusak	
3.	Ts. Dr. Ros Eliana binti Ahmad Zuki	Institut Perguruan Kampus Temenggung Ibrahim
4.	Ts. Dr. Erita Mazwin binti Mazlan	Politeknik Melaka
5.	Dr. Khairul Azhar bin Meerangani	Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka
6.	Dr. Azilahwati binti Adam	Kolej Komuniti Jasin

## SKOP PENYELIDIKAN DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

7.	Dr. Mohd Mokhzani bin Ibrahim	Universiti Pendidikan Sultan Idris
8.	Dr. Mohamad Termizi bin Borhan	
9.	Dr. Mohammad Fahmi bin Abdul Hamid	Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka
10.	Dr. Muhammad Helmi bin Abu Bakar	Kolej Komuniti Segamat 2
11.	Dr. Sharifah Nadiyah binti Razali	Kolej Komuniti Selandar
12	Dr Fizatul Aini binti Patakor	Politeknik Merlimau
13	Dr. Habsah binti Haji Mohamad Sabli	Politeknik Mukah Sarawak
14	Dr. Muhammad Razuan bin Abdul Razak	Kolej Komuniti Pasir Salak



# PANEL PENILAI

## SKOP PENYELIDIKAN DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

BIL	NAMA	INSTITUSI
15.	Dr. Annafatmawaty binti Ismail	Politeknik Sandakan Sabah
16.	Dr. Hanifah binti Jambari	Universiti Teknologi Malaysia
17.	Ts Dr. Hj. Zunuwanas bin Mohamad	Politeknik Bagan Datuk
18.	Dr. Noordini binti Abdullah	Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
19.	Dr. Baharuddin bin Mustapha	
20.	Dr. Asnizah binti Sahekhaini	IPG Kampus Darulaman
21.	Ts. Dr. Aizul Fared bin Mansor	

## SKOP KEUSAHAWANAN / PERNIAGAAN / EKONOMI / PERAKAUNAN

22.	Dr. Asliza binti Yusoff	Politeknik Sultan Azlan Shah
23.	Dr. Dzulkarnain bin Musa	Politeknik Tuanku Syed Sirajudin

## SKOP HAL EHWAL PELAJAR DAN PSIKOLOGI

24.	Dr. Ahmad Rosli bin Mohd Nor	Universiti Teknologi MARA, Cawangan Melaka (Kampus Bandaraya Melaka)
25.	Ts. Dr. Maria binti Mohammad	Politeknik Merlimau
26.	Dr. Noor Watee binti Rahman	Politeknik Melaka
27.	Dr. Nursafra binti Mohd Zhaffar	Universiti Teknologi MARA Cawangan Negeri Sembilan

## SKOP PENGURUSAN ORGANISASI DAN SISTEM PENTADBIRAN

28.	Dr. Aspalila binti Main	Politeknik Merlimau
29.	Ir. Dr. Mohd Rizal bin Lias	Kolej Komuniti Kluang
30.	Dr. Zuraidah binti Ahmad	Politeknik Port Dickson
31.	Dr Mazura binti Mansor	Politeknik Sultan Idris Shah


# PANEL PEMBENTANGAN

BIL	NAMA	INSTITUSI
1.	Dr. Diana binti Ahmad Busra	Politeknik Port Dickson
2.	Dr. Yusni bin Mohamad Yusak	
3.	Dr. Zuraidah binti Ahmad	
4.	Ts. Dr. Ros Eliana binti Ahmad Zuki	Institut Perguruan Kampus Temenggung Ibrahim
5.	Ts. Dr. Erita Mazwin binti Mazlan	Politeknik Melaka
6.	Dr.Hjh. Rosnani Binti Affandi	
7.	Dr. Azilahwati binti Adam	Kolej Komuniti Jasin
8.	Dr. Muhammad Helmi bin Abu Bakar	Kolej Komuniti Segamat 2
9.	Dr. Habsah binti Haji Mohamad Sabli	Politeknik Mukah Sarawak
10.	Dr. Muhammad Razuan bin Abdul Razak	Kolej Komuniti Pasir Salak
11.	Dr. Annafatmawaty binti Ismail	Politeknik Sandakan Sabah
12.	Ts. Dr. Hj. Zunuwanas bin Mohamad	Politeknik Bagan Datuk
13.	Dr. Noordini binti Abdullah	Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
14.	Ts. Dr. Aizul Fared bin Mansor	IPG Kampus Darulaman
15.	Dr. Ahmad Rosli bin Mohd Nor	Universiti Teknologi MARA, Cawangan Melaka (Kampus Bandaraya Melaka)
16.	Ts. Dr. Maria binti Mohammad	Politeknik Merlimau
17.	Dr. Aspalila binti Main	



# PANEL JURI

BIL	NAMA	INSTITUSI
1.	Dr. Hjh. Rosnani binti Affandi	Politeknik Melaka
2.	Dr. Mohammad Fahmi bin Abdul Hamid	Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka
3.	Ir. Dr. Mohd Rizal bin Lias	Kolej Komuniti Kluang
4.	Dr. Irdayanti binti Mat Nashir	Universiti Pendidikan Sultan Idris



BIL	NAMA	INSTITUSI
1.	Pn. Zarina binti Yunus	Kolej Komuniti Ledang
2.	Pn. Suzila binti Abdul Latiff	
3.	Pn. Siti Fatimah binti Ahmad	
4.	Pn. Nur Fadhilah binti Rosidee	
5.	Pn. Noorashikin binti Shaari	
6.	Pn. Sulaiha binti Sape'e	
7.	En.Khairul Anwar bin Johari	
8.	Pn. Nur Fatihah binti Norizam	
9.	Ts. Amier Hafizun bin Ab.Rashid	Kolej Komuniti Segamat 2
10.	Ts. Rashidah binti Lip	Kolej Komuniti Muar
11.	Pn. Noor Fardzilawati binti Md Nasir	
12.	Pn. Noor Haslinda binti Baidari	Kolej Komuniti Tg Piai
13.	En. Mohd Azuan bin Ali	Kolej Komuniti Jasin
14.	Pn. Muziah binti Muhammad	
15.	Pn. Ida Harianti binti Hasan@Talib	
16.	Pn. Intan Shazila binti Samsudin	Kolej Komuniti Selandar
17.	Pn. Siti Normah binti Suib	Kolej Komuniti Batu Pahat





# ATURCARA PROGRAM

## HARI PERTAMA ( 12 JULAI 2021 - ISNIN )

Masa	Aktiviti
8.00pg - 9.00pg	Persiapan dan persediaan platform <i>online Best Practice</i>
9.00pg - 1.00ptg	<i>Best Practice</i>
1.00tgh - 2.30ptg	Rehat / Solat
2.30ptg - 5.00ptg	Sidang Selari 1
5.00 ptg	Bersurai

## HARI KEDUA ( 13 JULAI 2021 - SELASA )

8.00pg - 9.00pg	Persiapan dan persediaan platform <i>online</i>
9.00pg-1.00ptg	Sidang Selari 2
1.00ptg-2.00ptg	Rehat / Solat
2.00ptg -2.30ptg	Persiapan dan persediaan platform <i>online</i> untuk Majlis Perasmian Penutup Seminar Pembelajaran Sepanjang Hayat Tahun 2021
2.30ptg - 4.00ptg	Nyanyian lagu Bangsa Johor Nyanyian lagu Negaraku Bacaan Doa Ucapan Aluan Penggerusi Seminar Pembelajaran Sepanjang Hayat Tahun 2021 Ucapan Perasmian Penutup Tayangan Montaj dan Gimik Pengumuman Pemenang Seminar Penyelidikan i.Kertas Kajian Terbaik ii. Pembentang Terbaik iii. Video <i>like</i> Terbanyak
4.00 ptg	Bersurai



SIDANG SELAR BILIK 1

Bilik 1 (12 Julai 2021)

Bil	Paper ID	Tajuk	Pembentang	Institusi
1	[456183]	Tahap Kemenjadian Murid Berkeperluan Khas Melalui PSH Bermodul Di Kolej Komuniti Arau	Nurdiyanah Fatin Binti Ruslan	Kolej Komuniti Arau
2	[433175]	Satu kajian keberkesanan pelakasanaan kursus Bahasa Mandarin di Kolej Komuniti Kepala Batas dengan menggunakan Modal Servqual	James Khor Haan Khaun	Kolej Komuniti Bayan Baru, Pulau Pinang
3	[457379]	Kesan Pelaksanaan "Program Urutan di Spa Kayangan" Kolej Komuniti Ledang	Zarina Binti Samin	Kolej Komuniti Ledang
4	[577205]	Tahap Kesediaan Di Kalangan Pelajar Semester 3 Sijil Terapi Kecantikan Dan SPA Untuk Menempuh Latihan Industri Sesi Mac 2021	Nur Farhana Binti Misno	Kolej Komuniti Tampin
5	[739908]	Sumbangan PSH Dalam Membantu Enrolmen Keseluruhan Program SMN KKS Dengan Instrumen AFTES	Ts Mohd Azaharuddin Bin Mohd Nadzri	Kolej Komuniti Segamat
6	[371721]	Senario Pelaksanaan Program Pembelajaran Sepanjang Hayat di Kolej Komuniti Malaysia Pasca Pandemik COVID-19	Firdaus Bin Hassan	JPPKK / Kolej Komuniti Sandakan
7	[928029]	Impak Pandemik Terhadap Pelaksanaan Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) di Kolej Komuniti: Perbezaan Penyertaan dan Kursus Tahun 2019 dan 2020	Fadzlunsara Binti Fajri	Kolej Komuniti Bandar Tenggara / JPPKK
8	[918765]	Faktor Kerjaya Dan Pendapatan Dalam Persepsi Peserta Latihan Khas Kluster Pengkomputeran	Nurul Husna Binti Saarani	Kolej Komuniti Masjid Tanah / Kolej Komuniti Arau



# SESI PEMBENTANGAN

*Skop Latihan dan Pembelajaran  
Sepanjang Hayat*



Bilik 1 (12 Julai 2021)

SIDANG SELAR BILIK 1

Bil	Paper ID	Tajuk	Pembentang	Institusi
9	[760509]	Isu Dan Cabaran E-Pembelajaran Dalam Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) Di Kolej Komuniti	Suzana Binti Zainol Abidin	Kolej Komuniti Hulu Langat / Kolej Komuniti Marudu
10	[929977]	Persepsi Peserta Terhadap Kursus Pendek Pemasaran Digital Facebook Ads dan Instagram Ads; Satu Kajian Kes	Azliza Binti Yusop	Kolej Komuniti Kuantan
11	[822519]	Aplikasi Solar PV dalam Pembelajaran bagi Meningkatkan Kemahiran Reka Bentuk Sistem Bekalan Kuasa Solar Fotovoltaik	Mazlan Bin Karim @ Hussein	Politeknik Ibrahim Sultan

Bilik 1 (13 Julai 2021)

Bil	Paper ID	Tajuk	Pembentang	Institusi
1	[775975]	Pengaruh Budaya Dalam Penyertaan Pelajar Dewasa Di Dalam Aktiviti Pembelajaran Sepanjang Hayat	Nursakinah binti Md Salleh	JPPKK / Kolej Komuniti Gerik
2	[378023]	Minat Peserta Kursus Pembelajaran Sepanjang Hayat Terhadap Kluster Kursus Di Kolej Komuniti Bandar Penawar Sebelum Dan Selepas Penularan Penyakit Coronavirus 2019	Mohamad Nazir Bin Baharudin	Kolej Komuniti Bandar Penawar
3	[388804]	Pelaksanaan Program Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) Bermodul: Satu Tinjauan Di Kolej Komuniti Zon Tengah	Thilagavathi A/P Malayandy	Kolej Komuniti Ampang / Kolej Komuniti RTC Gopeng
4	[555674]	Kajian Tahap Keberkesanan Program Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) Bermodul Kredit Dalam Kalangan Pelajar Tahfiz Di Kolej Komuniti Segamat	Norhamizah Binti Rusli	Kolej Komuniti Segamat



# SESI PEMBENTANGAN

*Skop Latihan dan Pembelajaran  
Sepanjang Hayat*



SIDANG SELARI BILIK 1

Bilik 1 (13 Julai 2021)

Bil	Paper ID	Tajuk	Pembentang	Institusi
5	[777141]	Cabar dan Strategi Pemerkasaan Program Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) di Kolej Komuniti Wilayah Sabah: Satu Penelitian Awal	Ahmad Al-Munzir Bin Ridzuan	Kolej Komuniti Lahad Datu
6	[297734]	Tinjauan Terhadap Keberkesanan Pelaksanaan Program Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) Bermodul (Kredit) di Kolej Komuniti Malaysia	Rosmaizura Binti Mohamad Radzuan	JPPKK
7	[186841]	Keberkesanan Transformasi Sekolah (TS25) dan Hubungannya dengan Amalan di Sekolah Sarawak	Dr Ling Song Kai	JPN Sarawak
8	[848278]	Persepsi Penggunaan Aplikasi MobAs@PSH dalam Pemantauan Pencapaian Prestasi PSH di Kalangan PPPT Kolej Komuniti	Norolizah Binti Abu Hassan	Kolej Komuniti Kuala Pilah
9	[472062]	Kerelevenan Kursus Pendek Fotografi (DSLR) berbanding Kursus Fotografi Mobile di Musim Pandemik	Noorhaslina Binti Zulkifli	Kolej Komuniti Paya Besar / Kolej Komuniti Pekan
10	[614436]	Tahap Penerimaan Usahawan Terhadap Perlaksanaan Kursus Instagram Secara Atas Talian Di Kolej Komuniti Selendar	Nurhidayati Binti Mad Noh	Kolej Komuniti Selendar



# SESI PEMBENTANGAN

## Skop Penyelidikan dalam Pengajaran dan Pembelajaran



SIDANG SELARI BILIK 2

Bilik 2 (12 Julai 2021)

Bil	Paper ID	Tajuk	Pembentang	Institusi
1	[123230]	Aplikasi Inovasi Model Wrap Cap Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Kursus Terapi Kulit Muka	Siti Salwa Binti Kusairi	Kolej Komuniti Kluang
2	[928113]	Persepsi Pelajar Sijil Pengoperasian Perniagaan (SPP) Kolej Komuniti Bagan Serai (KKBSE) Terhadap Aplikasi I-Learning Classroom	Shuriyani Binti Abdul Rahim	Kolej Komuniti Bagan Serai
3	[663275]	Templat Menggulung Popiah Dan Samosa: Intervensi Bagi Pelajar Berkeperluan Khas	Nurul Sabrina Binti Khairuddin	Kolej Komuniti Ledang / SMK Tengku Mahmud Iskandar
4	[965572]	P TRACE Pemudah Cara Untuk Kelas Hiasan Kek Bagi Pelajar Berkeperluan Khas	Sulaiha Binti Sape'e	Kolej Komuniti Ledang
5	[288199]	Tahap Penguasaan 'Cooking Terminology' dalam Kalangan Pelajar Sijil Kulinari bagi semester 2 dan 3 Kolej Komuniti Bukit Beruang, Melaka	Hairina Binti Zainal	Kolej Komuniti Bukit Beruang
6	[923440]	Tahap Pemahaman Warga Kolej Komuniti Pagoh Terhadap Simbol Penjagaan Pakaian Dan Fabrik	Junita Binti Shaari	Kolej Komuniti Pagoh
7	[517228]	Kajian Pengetahuan Dan Penguasaan Bacaan Asas Solat Dalam Kalangan Pelajar Kolej Komuniti	Siti Nurul Atikha Binti Rasol	Kolej Komuniti Muar / Kolej Komuniti Ledang / Kolej Komuniti Bandar Tenggara
8	[222487]	Penilaian Kualiti Modul Do-STEM: Aspek Kesahan Dan Kebolehpercayaan	Nordin Bin Zakariah	Politeknik Ibrahim Sultan
9	[782763]	Tahap Keberkesanan Penggunaan Aplikasi Smart Notes Oleh Pelajar Semester Tiga DKA3D Jabatan Kejuruteraan Awam, Di Politeknik Kota Bharu, Kelantan	Nik Noorafieda Binti Wan Azraen	Kolej Komuniti Ampang
10	[846859]	Persepsi di Kalangan Pelajar Mengenai Keberkesanan Pembelajaran Berasaskan Simulasi Dalam Pembelajaran Pengurusan Gudang	Khairunnisa Binti Yahaya	Politeknik Nilai



# SESI PEMBENTANGAN

*Skop Penyelidikan dalam Pengajaran dan Pembelajaran*



SIDANG SELARI BILIK 2

Bilik 2 (13 Julai 2021)

Bil	Paper ID	Tajuk	Pembentang	Institusi
1	[550868]	GP Ruler: Pemudah Cara PdP Kelas Pembuatan Kek	Normah Binti Musa	Kolej Komuniti Ledang
2	[330633]	Tahap Pencapaian Pelajar Bagi Kursus Matematik (SSM1022) Berdasarkan Analisis Hasil Pembelajaran Kursus (HPK)	Salina Binti Mohmed	Kolej Komuniti Kuala Terengganu
3	[676909]	Information Seeking Behaviors Of Hospitality Students At Community College, Malaysia	Noor Azurah Binti Abd Jalil	Kolej Komuniti Selayang
4	[756156]	Keberkesanan Penggunaan Inovasi Helaian Amali Dengan Teknologi Realiti Bertambah Berasaskan Web (HWebAR) Terhadap Pelajar Di Kolej Komuniti Bagan Datuk	Norzalina Bin Mohd Yusof	Kolej Komuniti Bagan Datuk
5	[217077]	Kesan Aktiviti Kokurikulum Sukan Terhadap Pembinaan Kesedaran Emosi Pelajar	Suraya Hani binti Kamarolzaman	Kolej Komuniti Kota Melaka
6	[678405]	Keberkesanan Aplikasi Pembelajaran Mobil PeLaWe Dalam Kursus Pembangunan Laman Web di Kolej Komuniti	Nurraihan Binti Md Ramly	Kolej Komuniti Arau
7	[905734]	Anxiety In Oral Presentation Among Students In Politeknik Merlimau Melaka	Nor Fazila Binti Shamsuddin	Politeknik Merlimau
8	[266606]	Keberkesanan Aircond Smart Controller Dalam Modul Pendawaian Motor Elektrik AT & AU Fasa Tunggal, Sijil Teknologi Elektrik	Khairul Hisham Bin Karim	Kolej Komuniti Sungai Siput
9	[107579]	Pelaksanaan Pembelajaran Atas Talian Kursus Electronic Computer Aided Design (ECAD) Sepanjang pandemik Covid-19: Perspektif Pelajar	Zaharudin Bin Md Dawam	Politeknik Ibrahim Sultan



## Skop Penyelidikan dalam Pengajaran dan Pembelajaran



SIDANG SELARI BILIK 3

Bilik 3 (12 Julai 2021)

Bil	Paper ID	Tajuk	Pembentang	Institusi
1	[213077]	Aplikasi Teknologi Realiti Maya Dalam Pembelajaran Untuk Kursus Teknologi Pembinaan Bagi Pelajar Program Sijil Teknologi Senibina	Noor Azah Binti Abdul Raman	Kolej Komuniti Jasin / Politeknik Ibrahim Sultan
2	[507433]	Pengurusan Lean: Penambahbaikan dalam Pengajaran Lipatan Napkin bagi Modul Basic Food and Beverage Skills	Siti Syazana Binti Muhammad Saufi	Kolej Komuniti Bukit Beruang
3	[490349]	Kesediaan Pelajar Kolej Komuniti Paya Besar Terhadap Pendekatan Pembelajaran Teradun	Noorasmahwati Binti Md Diah	Kolej Komuniti Paya Besar
4	[975027]	Keberkesanan Penggunaan Aplikasi Flipaclip dalam Sesi Pembelajaran Atas Talian Bagi Pelajar Program Sijil Animasi 2D di Kolej Komuniti Segamat	Nik Fatin Nadirah Binti Nik Mohamad Saberi	Kolej Komuniti Segamat
5	[633672]	Tahap Pemahaman Pelajar Terhadap Pembaharuan Amali Menggunakan Simulasi Circuitverse Bagi Kursus Digital Electronics	Suzeyhareda Binti Abd Hamid	Politeknik Merlimau
6	[603459]	Persepsi Pelajar Terhadap Pengajaran Dan Pembelajaran Secara Online Menggunakan Aplikasi Edpuzzle Di Kolej Komuniti Pasir Salak	Mohd Nabil Bin Burhanudin	Kolej Komuniti Pasir Salak
7	[268823]	Tahap Kesediaan Pensyarah Melaksanakan Pengajaran Dan Pembelajaran Kursus Pendek Secara Dalam Talian Di Kolej Komuniti Rompin	Noor Azhar Bin Abd Wahab	Kolej Komuniti Rompin
8	[840575]	Persepsi Pelajar Terhadap Lawatan Industri Dalam Proses Pembelajaran	Umikalthum Binti Zulkefly	Politeknik Nilai
9	[147415]	Kesediaan Pelajar Terhadap Revolusi Industri 4.0 Dalam Kalangan Pelajar Kolej Komuniti Malaysia	Siti Fatimah Binti Dzulkifli	Kolej Komuniti Selayang
10	[686559]	Tahap Kepuasan Pelajar Terhadap Kemudahan Fizikal dan Sumber Pendidikan Pengajaran dan Pembelajaran bagi Pelajar Program Teknologi Elektrik di Kolej Komuniti Sungai Siput	Hasnorliza Binti Abdul Hamid	Kolej Komuniti Sungai Siput



# SESI PEMBENTANGAN

*Skop Penyelidikan dalam Pengajaran  
dan Pembelajaran*



SIDANG SELARIS BILIK 3

Bilik 3 (13 Julai 2021)

Bil	Paper ID	Tajuk	Pembentang	Institusi
1	[358108]	Impak Pembelajaran Atas Talian Terhadap Kualiti Pembelajaran Dan Pengajaran (PDP) Kursus DTM 10103 Tourism Geography Dalam Kalangan Pelajar Semester 1, Diploma Pengurusan Pelancongan Di Politeknik Metro Betong Sarawak (PMBS)	Emiliana Binti Barayan	Politeknik Metro Betong
2	[805317]	Tahap Kesediaan Pelajar Kolej Komuniti Paya Besar Terhadap Kaedah Pembelajaran Mobile	Nurul Najihah Binti Mohammad	Kolej Komuniti Paya Besar
3	[576505]	Cabaran Pelajar Kolej Komuniti Tasek Gelugor Terhadap Pelaksanaan Pembelajaran Dan Pengajaran Dalam Talian (PdPDT) Berikutan Pandemik COVID-19	Nurdzifazura Binti Dziyauddin	Kolej Komuniti Tasek Gelugor
4	[614928]	Exploring the Impact of Slang Words used on Social Media on ESL Learner's Writing Skills: A Case Study of Bagan Datuk Community College	Muhammad Afiq Bin Norazman	Kolej Komuniti Bagan Datuk
5	[695554]	Pengamalan Inovasi Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Dikalangan Pensyarah Kolej Komuniti Jasin Ke Arah Revolusi IR 4.0	Mohd Hafiz Bin Hashim	Kolej Komuniti Jasin / Politeknik Ibrahim Sultan
6	[312259]	Keberkesanan Pembelajaran dan Pengajaran Atas Talian Bagi Kursus DPM10013 Principles Of Marketing Sesi Jun 2020	Jessica Anak Jawa	Politeknik Metro Betong
7	[159572]	Implikasi Pengajaran dan Pembelajaran (PDP) Dalam Talian Terhadap Afektif Pelajar Kolej Komuniti Jasin	Normadiah Binti Mohamad	Kolej Komuniti Jasin
8	[401839]	Persepsi Pelajar Terhadap Pembelajaran Secara Atas Talian Di Kolej Komuniti Jempol	Umi Halawati Binti Ahbarruddin	Kolej Komuniti Jempol
9	[941683]	Mengkaji Gaya Pembelajaran yang Dominan di Kalangan Pelajar Teknikal di Kolej Komuniti Masjid Tanah	Haslina Binti Hashim	Kolej Komuniti Masjid Tanah / Politeknik Sultan Ahmad Shah / Politeknik Port Dickson



# SESI PEMBENTANGAN

*Skop Keusahawanan / Perniagaan / Ekonomi / Perakaunan*



SIDANG SELARIS BILIK 4

Bilik 4 (12 Julai 2021)

Bil	Paper ID	Tajuk	Pembentang	Institusi
1	[130891]	Kertas Konsep Kaedah Pembelajaran Dan Pemudahcaraan (PDPC) dalam Prinsip Perakaunan di Sekolah	Afaf Binti Ahmad Jalaludin	Universiti Putra Malaysia
2	[309826]	Persepsi Pelajar Kolej Komuniti Kota Tinggi Terhadap Penerapan Keusahawanan	Hanirah Binti Mohamad Nur	Kolej Komuniti Kota Tinggi
3	[921021]	Status Kerjaya Keusahawanan Dalam Kalangan Graduan Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin	Mohd Zahir @ Mohd Zaid Bin Abdul Kadir	Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin
4	[185061]	Tahap Kesediaan Mencebur Bidang Keusahawanan Dalam Kalangan Pelajar Kolej Komuniti Ledang	Khairul Anwar Bin Johari	Kolej Komuniti Ledang
5	[794340]	Tahap Kepuasan Pelajar Terhadap Perkhidmatan Koperasi Kolej Komuniti Segamat Berhad	Mohd Hisham Bin Sidi Ahmad	Kolej Komuniti Segamat



# SESI PEMBENTANGAN

*Skop Hal Ehwal Pelajar  
dan Psikologi*



SIDANG SELARI BILIK 4

Bilik 4 (12 Julai 2021)

Bil	Paper ID	Tajuk	Pembentang	Institusi
1	[659648]	Efikasi Kendiri Terhadap Pemilihan Kerjaya dalam Kalangan Lulusan Kolej Komuniti	Yunisra Binti Yusof	Kolej Komuniti Masjid Tanah
2	[8677791]	Tahap Pencapaian Pelajar Latihan Industri Sijil Teknologi Elektrik di Kolej Komuniti Bandar Darulaman	Rosmawati Binti Dahaman	Kolej Komuniti Bandar Darulaman / Universiti Utara Malaysia
3	[815311]	Faktor Pemilihan Politeknik dan Diploma Dalam Kalangan Pelajar Politeknik Metro Johor Bahru	Mohd Ghadafi Bin Shari	Politeknik Metro Johor Bahru
4	[106571]	Kajian Kepuasan Pelajar Terhadap Pengurusan Biasiswa, Bantuan Kewangan, Insurans, Penginapan dan Aduan di Kolej Komuniti Pagoh	Fariza Binti Mohd Hatta	Kolej Komuniti Pagoh
5	[508591]	Isu Perlindungan Data Peribadi Dan Tahap Kesedaran Kepada Golongan Pengguna Muda	Nor Sarina Binti Osman	Politeknik Merlimau



# SESI PEMBENTANGAN

## Skop Hal Ehwal Pelajar dan Psikologi



SIDANG SELARI BILIK 4

**Bilik 4 (13 Julai 2021)**

Bil	Paper ID	Tajuk	Pembentang	Institusi
1	[419930]	Kajian Faktor-Faktor yang mempengaruhi Kepuasan Majikan Terhadap Pelajar Latihan Industri Kolej Komuniti Masjid Tanah	Nurul Hidayah Binti Ahmad Alemi	Kolej Komuniti Masjid Tanah
2	[852834]	Hubungan Personaliti Pelajar Kolej Komuniti Dalam Aktiviti Kokurikulum	Muhamad Firdaus Bin Ismail	Kolej Komuniti Batu Pahat / Kolej Komuniti Muar / Kolej Komuniti Bandar Tenggara
3	[162178]	Kajian Terhadap Kepuasan Mengikuti Pengajian Sijil Teknologi Elektrik : Dari Perspektif Graduan Kolej Komuniti Sungai Siput	Suzzana Binti Noordin	Kolej Komuniti Sungai Siput
4	[997229]	Kajian Kepuasan Majikan Terhadap Graduan Kolej Komuniti Lipis 2016	Mohd Ridzuan Bin Abdul Rashid	Politeknik Jeli / Kolej Komuniti Lipis
5	[649597]	Persepsi Pelajar Terhadap Penubuhan Artgeng KKS Sebagai Tapak Permulaan Pelajar Kolej Komuniti Segamat Berkarya	Sahirda Ithnain	Kolej Komuniti Segamat
6	[646203]	Kajian Kebolehpasaran Graduan Diploma Kejuruteraan Mekanikal (Pembuatan) Di Politeknik	Mohd Zahir @ Mohd Zaid bin Abdul Kadir	Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin



# SESI PEMBENTANGAN

## Pengurusan Organisasi dan Sistem Pentadbiran



Bilik 5 (12 Julai 2021)

Bil	Paper ID	Tajuk	Pembentang	Institusi
1	[607320]	Persepsi Kakitangan Kolej Komuniti Kuantan Terhadap Aktiviti Kecergasan Fizikal	Cik Siti Nor Suhaila Binti Che Amat	Kolej Komuniti Kuantan / Politeknik Kota Bharu
2	[737552]	Keberkesanan Penggunaan OSC@KKBDA Dalam Kalangan Staf Kolej Komuniti Bandar Darulaman	Mazuin Binti Staphah @ Salleh	Kolej Komuniti Bandar Darulaman
3	[439924]	Analisa Pemahaman Sasaran Kerja Tahunan (SKT) Dan Laporan Nilaian Prestasi Tahunan (LNPT) Serta Penggunaan Rubrik Penilaian Di kalangan Pegawai Kolej Komuniti Kuala Pilah	Normazlina Binti Othman	Kolej Komuniti Kuala Pilah
4	[852228]	Pengaruh Kepuasan Kerja Terhadap Prestasi Kerja: Satu Kajian Ke Atas Pensyarah Akademik	Dr Mohammad Firdaus Ani	Kolej Komuniti Taiping
5	[757159]	Tahap Kepuasan Bekerja Dalam Kalangan Kakitangan Kolej Komuniti Paya Besar & Kolej Komuniti Cawangan Maran	Mohd Hasrizam Bin Hasan	Kolej Komuniti Paya Besar
6	[763673]	Hubungan Governan Terhadap Pembangunan Inovasi dan Pengkomersialan di Kolej Komuniti	Utami Hidayah Binti Abdul Aziz	Kolej Komuniti Kuala Langat / JPPKK
7	[405541]	Kecenderungan Menjalankan Penyelidikan dan Inovasi di Kalangan Pensyarah: Satu Kajian di Kolej Komuniti Segamat	Muhammad Zuhairy Bin Zulkifli	Kolej Komuniti Segamat
8	[151647]	Kepuasan Bekerja Staf Akademik Jabatan Kejuruteraan Perkapalan Politeknik Bagan Datuk, Perak Tahun 2020	Ts Dr Hj Zunuwanas bin Mohamad	Politeknik Bagan Datuk
9	[585431]	Cabar Dan Cadangan Penambahbaikan Terhadap Peningkatan Pencapaian Key Performance Indicator (KPI) Jabatan Pendidikan Politeknik Dan Kolej Komuniti (JPPKK) Politeknik Merlimau	Noraihan Binti Isa	Politeknik Merlimau
10	[909684]	Persepsi Pensyarah Terhadap Pelaksanaan Bekerja Dari Rumah (BDR) Dalam Tempoh Pandemik Covid-19	Fairulnizar Bin Rahmat	Kolej Komuniti Bandar Penawar

The background of the page is a photograph of a modern skyscraper with a glass and steel facade, set against a blue sky with white clouds. The image is overlaid with several large, overlapping geometric shapes in yellow and blue, creating a dynamic and modern feel.

# **ABSTRAK LATIHAN DAN PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT**

## Pengaruh Budaya Dalam Penyertaan Pelajar Dewasa Di Dalam Aktiviti Pembelajaran Sepanjang Hayat

Nursakinah binti Md Salleh<sup>1</sup> dan Siti Rohani binti Rahmad<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, sakinah.salleh13@gmail.com

<sup>2</sup>Kolej Komuniti Gerik, sitirohanikkgp@gmail.com

### Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti pengaruh budaya dalam penyertaan pelajar dewasa di dalam aktiviti pembelajaran sepanjang hayat. Seramai enam belas orang peserta yang aktif menyertai kursus pendek pada tahun 2016 telah ditemui bual secara mendalam. Peserta-peserta ini dipilih daripada dua buah kolej komuniti iaitu Kolej Komuniti Hulu Langat yang mewakili kawasan bandar dan Kolej Komuniti Pasir Salak yang mewakili kawasan luar bandar. Pendekatan temu bual mendalam yang dijalankan adalah melalui kaedah Biografi (*Biographical Method*) yang membolehkan individu untuk berkongsi kisah hidup dalam mengaitkannya dengan penyertaan mereka dalam aktiviti pembelajaran. Kaedah analisis berdasarkan tema digunakan bagi mendapatkan dapatan kajian dan dibantu oleh perisian *Microsoft Excel*. Dapatan kajian menunjukkan dua pengaruh budaya utama yang mendorong penyertaan peserta dalam aktiviti pembelajaran. Pertama, perubahan peranan gender dalam budaya masyarakat di Malaysia, iaitu keperluan untuk wanita terlibat secara lebih aktif dalam mencari pendapatan untuk keluarga. Kedua, kecenderungan untuk belajar secara berkumpulan dan bersemuka berbanding belajar secara individu dalam talian. Dapatan kajian ini diharapkan dapat membantu penyedia pembelajaran pembelajaran sepanjang hayat, khususnya untuk pelajar dewasa bagi merancang aktiviti pembelajaran yang bersesuaian dengan keperluan pelajar dewasa.

**Kata kunci:** Pembelajaran sepanjang hayat; pelajar dewasa; kolej komuniti; budaya

## Satu kajian keberkesaan pelakasanaan kursus bahasa mandarin di Kolej Komuniti Kepala Batas dengan menggunakan Modal Servqual

James Khor Haan Khaun<sup>1</sup>, Nur Izyana Binti Shari<sup>2</sup>,

<sup>1</sup> Kolej Komuniti Bayan Baru, Pulau Pinang, jameskhk@hotmail.com

<sup>2</sup> Kolej Komuniti Kepala Batas, Pulau Pinang, nurizyanashari@gmail.com

### Abstrak

Pada dasarnya, atribut pembelajaran sepanjang hayat melambangkan perkembangan yang berkaitan dengan pendemokrasi pendidikan, proses yang lazimnya melibatkan pemerolehan pengetahuan, peningkatan kemahiran dan tahap kecekapan. Dengan munculnya globalisasi yang mencetuskan pelbagai keperluan, suasana sedemikian telah memaksa individu untuk sentiasa mengejar untuk mendapatkan ilmu pengetahuan baru. Selaras dengan perspektif penubuhan kolej komuniti, Kolej Komuniti Kepala Batas mengambil langkah untuk menangani permasalahan yang berlaku dan melancarkan budaya pembelajaran berterusan dengan menjalankan pelbagai jenis kursus pendek. Salah satu kursus pendek yang ditawarkan ialah Bahasa Mandarin Komunikasi, kursus ini memberikan tumpuan khasnya kepada kumpulan masyarakat setempat seperti lepasan sekolah, pekerja kilang dan juga kakitangan kerajaan. Objektif utama kertas kajian ini adalah untuk mengenalpasti tahap perkhidmatan yang disampaikan oleh Kolej Komuniti Kepala Batas dari segi kemudahan, tenaga pengajar, keperihatinan penyelaras, tempoh kursus dan keberkesaan kursus. Penilaian terhadap tahap kekuatan dan kelemahan kualiti perkhidmatan diukur dengan menggunakan paradigma Servqual. Manakala tahap kepuasan pelanggan dikenalpasti berdasarkan ciri-ciri yang diperkenalkan oleh Model Kano. Hasil dapatan Analisa deskriptif menunjukkan 11 item dari 16 item kualiti perkhidmatan Servqual berada pada kedudukan kuat. Manakala kedudukan tahap kepuasan pelanggan berada pada peratus 92.65%. Ini menunjukkan Kolej Komuniti Kepala Batas telah berjaya meningkatkan set pengetahuan dan kemahiran peserta selepas mereka menghadiri kursus pendek.

**Kata kunci:** Pembelajaran Sepanjang Hayat, Kolej Komuniti Kepala Batas, Bahasa Mandarin



## Kesan Pelaksanaan “Program Urutan di Spa Kayangan” Kolej Komuniti Ledang

Zarina Samin<sup>1</sup>, Md Nor Abdul Halim<sup>2</sup>,

<sup>1</sup>Kolej Komuniti Ledang, zarina@lecturer.kklej.edu.my

<sup>2</sup>Kolej Komuniti Ledang, mdnorhalim@yahoo.com.my

### Abstrak

Pada masa kini perkhidmatan urutan sering menjadi pilihan kepada individu bagi keperluan kesihatan, kecantikan dan berkembang seiring dengan rawatan moden. Kolej Komuniti Ledang melalui Spa Kayangan menjalankan kursus separuh masa Program Urutan kepada komuniti setempat. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti kesan pelaksanaan Program Urutan di Spa Kayangan Kolej Komuniti Ledang dan cadangan penambahbaikan program pada masa hadapan. Kajian ini berbentuk kajian tindakan yang menggunakan kaedah pemerhatian dan temubual. Peserta kursus Program Urutan Spa Kayangan terdiri daripada peserta kursus akaun amanah latihan khas. Data dianalisis dengan cara kualitatif dengan membincangkan tema yang wujud di dalam kajian. Berdasarkan dapatan kajian mendapati kesan Program Urutan di Spa Kayangan ialah perubahan kognitif, psikomotor dan afektif kepada peserta. Selain itu, terdapat cadangan penambahbaikan peserta berkenaan kursus urutan di Spa Kayangan Kolej Komuniti Ledang pada masa hadapan. Diharap kajian ini membantu Kolej Komuniti Ledang melalui Spa Kayangan menjalankan kursus yang relevan kepada keperluan masyarakat dan menambahbaik perkhidmatan dari semasa ke semasa dan dapat memberi latihan serta kemahiran kepada komuniti setempat dengan sempurna.

Kata kunci: Kesan, Program Urutan, Spa Kayangan

## Sumbangan PSH Dalam Membantu Enrolmen Keseluruhan Program SMN KKS Dengan Instrumen AFTES

Mohd Azaharuddin Mohd Nadzri<sup>1</sup>, Firdaus Bachok<sup>2</sup> dan Mohd Hisham Sidi Ahmad<sup>3</sup>

<sup>1</sup>Kolej Komuniti Segamat azaharuddin@kkseg.edu.my

<sup>2</sup>Kolej Komuniti Segamat asad83my@yahoo.com

<sup>3</sup>Kolej Komuniti Segamat mohdhisham@kkseg.edu.my

### Abstrak

Masalah enrolmen pelajar sepenuh masa SMN (FT) di Kolej Komuniti Segamat (KKS) setiap tahun turut memberi kesan kepada *Key Performance Index* (KPI) norma pengambilan KKS. Pemutihan pensyarah atau program serta menjumudkan program yang tidak popular di kolej komuniti berkenaan merupakan akibat yang terpaksa ditanggung disebabkan tidak mencapai sasaran norma pengambilan setiap tahun. Sejak penubuhan KKS pada tahun 2001, selain program sepenuh masa untuk pelajar lepasan SPM, program PSH turut ditawarkan kepada komuniti setempat. Pendekatan kualitatif digunakan dengan tertumpu kepada analisis dokumen melalui data sekunder. Data kursus PSH program SMN dari tahun 2015 hingga tahun 2020 dianalisis secara diskriptif dengan instrumen AFTES. Objektif kajian adalah menentukan penglibatan pelajar bukan sepenuh masa dalam kursus-kursus PSH program SMN (kursus teknikal/kursus bukan teknikal) di KKS dan mengira kesetaraan pelajar bukan sepenuh masa dengan pelajar sepenuh masa melalui instrumen AFTES. Keputusan AFTES menunjukkan nilai kesetaraan seperti berikut mengikut tahun iaitu 14 orang (tahun 2015), 17 orang (tahun 2016), 7 orang (tahun 2017), 16 orang (tahun 2018), 17 orang (tahun 2019) dan 7 orang (tahun 2020). Peratusan pencapaian keseluruhan enrolmen program SMN (AFTES + FT) telah menunjukkan usaha ini berjaya mencapai sasaran > 85% untuk tahun 2017, 2019 dan 2020 berbanding tanpa AFTES. Hasil kajian mendapati secara purata sumbangan PSH dalam membantu pencapaian keseluruhan enrolmen program SMN adalah 20%. Dengan ini dapatlah disimpulkan bahawa sumbangan kursus PSH kendalian program SMN telah membantu kepada pencapaian norma pengambilan pelajar dan menjadikan program SMN di KKS kekal relevan seiring Visi dan Misi Kolej Komuniti.

Kata kunci: Pelajar Bukan Sepenuh Masa, Pelajar Sepenuh Masa SMN (FT), Annual Full Time Equivalent Time (AFTES), Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH)

## Tahap Kesediaan Di Kalangan Pelajar Semester 3 Sijil Terapi Kecantikan Dan Spa Untuk Menempuh Latihan Industri Sesi Mac 2021

Nur Farhana Binti Misno<sup>1</sup>, Nurul Johanna Binti Jemain<sup>2</sup>, Nur Aznadia Binti Abdul Aziz<sup>3</sup>  
Kolej Komuniti Tampin

### Abstrak

Latihan industri merupakan satu daripada kurikulum pendidikan kolej komuniti di Malaysia. Pelajar di kolej komuniti diwajibkan untuk menjalani latihan industri di sektor swasta ataupun kerajaan yang berkaitan dengan bidang pengajian. Namun begitu, pandemik COVID-19 yang melanda dunia sejak tahun 2020 sedikit sebanyak memberi cabaran bukan sahaja kepada industri. Bahkan, para pelajar juga turut merasa cabarannya apabila berlaku pelbagai perubahan terutamanya kaedah penyampaian pendidikan. Kajian ini tertumpu di kalangan pelajar-pelajar semester 3 Sijil Terapi Kecantikan dan Spa bagi 5 buah kolej komuniti terpilih iaitu Kolej Komuniti Tampin, Kolej Komuniti Kota Melaka, Kolej Komuniti Muar, Kolej Komuniti Pasir Gudang dan Kolej Komuniti Kluang yang bakal menjalani latihan industri pada sesi Mac 2021. Aspek yang dikaji ialah tahap kemahiran generik, kemahiran teknikal dan faktor utama yang mempengaruhi Tahap Kesediaan peserta-peserta kajian. Dapatkan dari kajian menunjukkan bahawa tahap kesediaan para pelajar terlibat adalah tinggi di saat pandemik COVID-19 melanda dunia. Walaupun begitu, penekanan terhadap komunikasi dalam Bahasa Inggeris perlu ditingkatkan bagi menambah keyakinan para pelajar ketika berada di lapangan. Secara keseluruhannya, para pelajar cenderung untuk menamatkan pengajaran berpandukan tempoh masa yang ditetapkan dan menganggap halangan yang bakal ditempuh sebagai cabaran yang mematangkan mereka kelak.

Katakunci: Kesediaan, Latihan Industri

## Senario Pelaksanaan Program Pembelajaran Sepanjang Hayat di Kolej Komuniti Malaysia Pasca Pandemik COVID-19

Firdaus Hassan<sup>1</sup>, Chang.V.S.W<sup>2</sup>,

<sup>1</sup>Jabatan Pendidikan Politeknik & Kolej Komuniti, firdaus.hassan@mohe.gov.my

<sup>2</sup>Kolej Komuniti Sandakan, wilson@kksk.edu.my

### Abstrak

Dewasa ini, Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) semakin ditekankan sebagai salah satu aspek penting dalam kehidupan. PSH memainkan peranan penting dalam meningkatkan kualiti hidup dan menjana pembangunan modal insan. Melalui PSH, setiap individu dalam sesebuah komuniti mempunyai peluang dan ruang untuk memperolehi pengetahuan serta kemahiran secara berterusan. Kendatipun PSH memberi tumpuan dalam aspek meningkatkan ekonomi dan kualiti hidup, ia juga memfokuskan pembangunan kendiri yang dinamik bagi seseorang individu dan komuniti. Namun begitu, tidak dinafikan bahawa dalam merealisasikan pelaksanaan PSH ini, kita akan berdepan dengan pelbagai cabaran, halangan dan masalah yang maha hebat. Pengisytiharan pandemik COVID-19 oleh World Health Organization (WHO) pada Mac 2020 telah memberi impak besar ke atas sektor pendidikan. Pelaksanaan program PSH di kolej komuniti sebelum pandemik adalah secara bersemuka. Serangan wabak COVID-19 dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) telah mencatutkan pelaksanaan PSH. Justeru itu, kajian rentas keratan telah dijalankan melalui pensampelan berperingkat yang mana seramai 1,068 staf daripada 103 buah kolej komuniti dan 1,170 komuniti bagi meninjau pelaksanaan program PSH secara dalam talian. 75.47% responden positif bagi pelaksanaan kursus pendek melalui teknologi digital. Namun begitu, pelbagai cabaran dan kekangan dari pihak pengajur seperti kepakaran teknikal dan pekerjaan hakiki seperti Pembelajaran dan Pengajaran (PdP) pelajar sepenuh masa secara dalam talian. Statistik menunjukkan penurunan penyertaan program PSH hampir 50% pada tahun 2020 berbanding tahun sebelumnya. Penurunan ini cenderung kepada pelaksanaan pelbagai PKP di seluruh negara dari Mac hingga Disember 2020. Kajian ini menyimpulkan bahawa, pelaksanaan program PSH secara bersemuka lebih berkesan memandangkan penguasaan kemahiran *hands-on* dan teknikal yang amat diperlukan oleh peserta PSH.

Kata kunci: PSH; Pandemik COVID-19; Kolej Komuniti

## **Impak Pandemik Terhadap Pelaksanaan Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) di Kolej Komuniti: Perbezaan Penyertaan dan Kursus Tahun 2019 dan 2020**

Fadzlunsara Fajri<sup>1</sup>, Roswani Ab Rahman<sup>2</sup>

Kolej Komuniti Bandar Tenggara, fadzlunsara.fajri@gmail.com

Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, roswani.rahaman@mohe.gov.my

### **Abstrak**

Pengisytiharan Covid-19 sebagai satu ancaman pandemik kepada dunia telah diisyiharkan oleh WHO pada 11 Mac 2020. Akibat daripada pandemik ini telah melumpuhkan kebanyakkan aktiviti pendidikan selain daripada aktiviti ekonomi di Malaysia dan negara-negara serata dunia. Objektif kajian ini adalah untuk melihat impak pandemik terhadap pelaksanaan pembelajaran sepanjang hayat (PSH) di kolej komuniti melalui analisis perbezaan penyertaan peserta tahun 2019 dan 2020 dan perbezaan jumlah kursus yang dilaksanakan sepanjang tahun 2019 dan 2020. Kajian ini adalah kajian kualitatif yang mana data kajian diperolehi melalui fail sumber primer dalam rekod kursus pelaksanaan PSH di kolej komuniti sepanjang tahun 2019 dan 2020 sahaja. Data dianalisis menggunakan perisian SPSS versi 23.0. Dapatkan kajian menunjukkan kedua-dua hipotesis null ditolak dan menerima hipotesis alternatif. Kesimpulannya, terdapat impak pandemik terhadap pelaksanaan PSH di kolej komuniti berdasarkan perbezaan yang signifikan pada data 2019 dan 2020.

**Kata Kunci:** PSH Kolej Komuniti ; Impak pandemik; Penyertaan PSH; Kursus PSH

## **Faktor Kerjaya Dan Pendapatan Dalam Persepsi Peserta Latihan Khas Kluster Pengkomputeran**

Najdiah Aris<sup>1</sup>, Raudhah Noora'ariffah Abu Bakar<sup>2</sup>, Nurul Husna Saarani<sup>3</sup>

<sup>1</sup> Kolej Komuniti Masjid Tanah, najdiah@kkmt.edu.my

<sup>2</sup> Kolej Komuniti Masjid Tanah, raudhah@kkmt.edu.my

<sup>3</sup> Kolej Komuniti Arau, nurulhusna.kkap@celt.edu.my

### **Abstrak**

Kajian ini merupakan lanjutan kajian yang dilakukan bagi mengkaji persepsi peserta kursus dalam membantu menjana pendapatan dan memberi pendedahan bidang keusahawanan. Mengenalpasti perbezaan persepsi peserta berdasarkan kerjaya, hubungan persepsi dengan kerjaya dan aspek sosio ekonomi peserta merupakan objektif kajian. Data melibatkan 111 responden yang terdiri daripada pelajar sekolah, peserta dari sektor kerajaan, swasta dan bekerja sendiri dianalisis menggunakan SPSS versi 23.0. Ujian ANOVA sehala dan korelasi pearson dijalankan bagi mengenalpasti perbezaan persepsi dan hubungan. Kajian faktor kerjaya memberi perbezaan signifikan bagi persepsi peserta yang merangkumi aspek kepimpinan komuniti, pendidikan, ekonomi dan sosial. Dapatkan menunjukkan hanya aspek ekonomi yang mempunyai perbezaan signifikan persepsi peserta dari segi faktor kerjaya iaitu nilai  $p=0.19$ . Terdapat hubungan korelasi di antara persepsi peserta dengan kerjaya akan tetapi nilai diperoleh ( $r=0.299$ ) menghampiri julat sederhana. Selain itu wujud hubungan pada tahap yang lemah diantara persepsi peserta latihan dengan aspek sosio ekonomi kerana nilai  $r$  yang diperolehi antara julat korelasi  $-0.201$  hingga  $-0.268$ . Ini jelas membuktikan bahawa Latihan Khas (Kluster Pengkomputeran) di Kolej Komuniti Masjid Tanah melihat faktor kerjaya memberikan persepsi yang berbeza dari segi aspek ekonomi di mana terdapat mereka yang hadir kursus ingin meningkatkan kemahiran bagi menjana pendapatan terutama bagi mereka yang bekerja sendiri manakala bagi yang bekerja di dalam sektor swasta dan kerajaan bertujuan meningkatkan ilmu pengetahuan, memajukan diri dalam bidang teknikal terutama pengkomputeran. Bagi pelajar sekolah pula, menyatakan kursus yang dihadiri membantu mereka dalam menyiapkan kerja khusus yang diberi.

**Katakunci:** Kluster Pengkomputeran, Kolej Komuniti, kerjaya

## Isu Dan Cabaran E-Pembelajaran Dalam Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) Di Kolej Komuniti

Suzana Binti Zainol Abidin<sup>1</sup>, Zulkurnain Bin Hassan<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Kolej Komuniti Hulu Langat, suzanazainol@gmail.com

<sup>2</sup>Kolej Komuniti Kota Marudu, zulkurnainhassan@gmail.com

### Abstrak

Pandemik Covid-19 telah banyak mengubah lanskap kehidupan manusia pada hari ini. Dengan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), setiap individu yang tidak mempunyai peranan khusus dalam perkhidmatan utama perlu berada di rumah masing-masing, kurangkan pergerakan, kurangkan bersentuhan dan dengan penjarakan fizikal. Disebabkan kesan pandemik Covid-19 tidak dapat dielakkan maka, masyarakat perlu bergerak seiring dengan perubahan yang dibawa oleh pandemik Covid-19 itu sendiri. Walaupun terdapat pelbagai kekangan terutama pergerakan, penguasaan ilmu dan pengetahuan baru masih boleh dilakukan melalui pembelajaran sepanjang hayat (PSH). Pembelajaran secara bersempua kini telah berubah kepada konsep ruang siber institusi pendidikan secara maya. Ia juga menyediakan persekitaran pembelajaran secara jarak jauh atau dalam talian dengan bantuan alat teknologi maklumat dan komunikasi bagi membolehkan pelajar mengalami pengalaman pembelajaran sebenar dan dapat berinteraksi dengan individu lain tanpa perlu bersempua. Kemudahan ini menjadi agen sosialisasi terbaik yang menuntut individu sentiasa mengemaskini ilmu, pengetahuan dan kemahiran sepanjang hayat mereka. Namun kajian mendapati masih terdapat isu dan cabaran yang perlu ditangani dengan bijak seperti keberkesanannya infrastruktur, pelan pembangunan latihan, kewangan, kualiti modul dan lain-lain selain jaringan internet sebelum dapat dilaksanakan sepenuhnya. Oleh itu kertas konsep ini meneroka faktor kritikal yang mempengaruhi penggunaan e-pembelajaran dan cabaran e-pembelajaran terhadap PSH di kolej komuniti.

**Kata kunci:** Pembelajaran Sepanjang Hayat, E-Pembelajaran, kolej komuniti, Covid-19

## Persepsi Peserta Terhadap Kursus Pendek Pemasaran Digital *Facebook Ads dan Instagram Ads; Satu Kajian Kes*

Azliza Yusop

Kolej Komuniti Kuantan, azlizayusop@yahoo.com

### Abstrak

Kursus pendek pemasaran digital Facebook Ads dan Instagram Ads antara kursus kluster keusahawanan yang telah dilaksanakan di Kolej komuniti Kuantan. Kursus ini diperkenalkan kepada usahawan-usahawan yang mempunyai perniagaan tetapi kurang berkemahiran untuk memasarkan produk dan perkhidmatan dengan menggunakan platform medium pemasaran digital. Permintaan penyertaan terhadap kursus pendek ini melonjak tinggi berikutan negara kita dalam situasi pandemik Covid 19 membawa perubahan daripada perniagaan secara offline kepada online. Peserta didedahkan dengan penggunaan pengiklanan melalui Facebook Ads dan Instagrams Ads sebagai platform utama untuk memasarkan produk dan perkhidmatan mereka selain dari platform media sosial lain yang telah digunakan oleh usahawan digital masa kini. Fokus kajian ini adalah untuk melihat sejauhmana persepsi peserta kursus terhadap keberkesanannya kursus pendek Facebook Ads dan Instagram Ads ini membantu dalam pemasaran produk dan perkhidmatan usahawan. Instrumen yang digunakan ialah soal selidik yang diedarkan kepada 80 orang usahawan yang telah menyertai kursus pendek FB Ads dan Instagram Ads serta mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran yang diperolehi. Hasil dapatan yang diperolehi melalui borang soal selidik yang diedarkan kepada usahawan adalah 97 peratus maklumbalas menyatakan peningkatan jualan melalui platform Facebook Ads dan Instagram Ads sebagai medium pemasaran digital yang lebih interaktif. Manakala 95 peratus ianya boleh menjangkau pasaran yang luas dan melebarkan pasaran produk dan perkhidmatan perniagaan mereka. 96 peratus responden dapat mengurangkan kos pengiklanan mereka. Secara keseluruhannya pengetahuan dan kemahiran dari Kursus Facebook Ads dan Instagram Ads yang telah disertai dapat membantu usahawan mengendalikan perniagaan secara atas talian dengan lebih baik terutamanya dalam situasi negara kita yang berdepan dengan cabaran pandemik Covid 19 ini. Secara tidak langsung usahawan-usahawan lebih bersemangat untuk mempertingkatkan jualan mereka menerusi pemasaran digital yang efektif. Pelaksanaan Kursus Pendek pemasaran digital Facebook Ads dan Instagram Ads di Kolej Komuniti Kuantan ini dapat membantu usahawan meningkatkan jualan dan dapat memberi kesedaran tentang keberkesanannya media sosial sebagai platform pemasaran digital terhadap perniagaan mereka.

**Kata kunci:** Persepsi peserta; kursus pendek pemasaran digital; Facebook Ads dan Instagram Ads

## Aplikasi SolarPV dalam Pembelajaran bagi Meningkatkan Kemahiran Reka Bentuk Sistem Bekalan Kuasa Solar Fotovoltaik

Mazlan Karim @ Hussein

Politeknik Ibrahim Sultan, mazlankarim@pis.edu.my

### Abstrak

Manuskrip ini memperihalkan tentang aplikasi SolarPV dalam pembelajaran bagi meningkatkan kemahiran reka bentuk sistem bekalan kuasa solar fotovoltaik. Objektif kajian ini adalah untuk (i) Membangunkan satu aplikasi untuk memudahkan proses reka bentuk sistem bekalan kuasa solar fotovoltaik, (ii) Mengenal pasti persepsi peserta kursus Sistem Solar Fotovoltaik Tidak Tersambung Grid terhadap aplikasi SolarPV. Seramai 16 orang peserta kursus dari salah sebuah taman perumahan di Pasir Gudang, Johor telah terlibat dalam kajian ini. Penyelidikan secara kuantitatif dan kualitatif dijalankan untuk pengumpulan data dan maklumat serta penerangan terperinci melalui soal selidik berbentuk terbuka. Hasil kajian mendapati satu aplikasi SolarPV menggunakan perisian Microsoft Excel telah dibangunkan. Penggunaan aplikasi SolarPV boleh membantu peserta kursus menguasai konsep reka bentuk sistem solar fotovoltaik dan mengatasi ketidakupayaan pengiraan matematik dalam jangka masa yang ditetapkan dalam kelas. Aplikasi SolarPV juga dapat membangkitkan motivasi peserta kursus dan meningkatkan kebolehupayaan serta membantu proses pembelajaran dalam menguasai kemahiran reka bentuk sistem bekalan kuasa solar fotovoltaik.

**Kata kunci:** Sistem Bekalan Kuasa, Solar Fotovoltaik, OGPV, Kemahiran Reka Bentuk

## Tahap Kemenjadian Murid Berkeperluan Khas Melalui PSH Bermodul Di Kolej Komuniti Arau

Nurdiyanah Fatin binti Ruslan<sup>1</sup>, Husna binti Ibrahim<sup>2</sup>, Rosliah binti Abu Bakar<sup>3</sup>

<sup>1</sup>Kolej Komuniti Arau, nurdiyanahfatin@kkarau.edu.my

<sup>2</sup> Kolej Komuniti Arau, husnayazid@gmail.com

<sup>3</sup>Kolej Komuniti Arau, rosliah5670@gmail.com

### Abstrak

Kemenjadian Murid adalah satu konsep yang diperkenalkan dalam sistem pendidikan di Malaysia. Melalui konsep ini, murid dinilai dalam aspek sahsiah, akademik dan kokurikulum. Kemenjadian murid adalah salah satu keutamaan dalam dasar Transformasi Nasional (TN50) bagi mewujudkan generasi yang berkemahiran tinggi untuk mengisi keperluan negara (Muhibah et.al, 2018). Selain TN50, Transformasi Sekolah 2025 (TS25) juga menitikberatkan kemenjadian murid. Melalui Program TS25 ini, Sekolah Menengah Kebangsaan Tunku Bendahara dan Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Baru Sintok mengikuti program Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) secara PSH Bermodul. Kajian ini bertujuan untuk mengukur tahap kemenjadian Murid Berkeperluan Khas (MBK) melalui PSH Bermodul. Tiga objektif kajian iaitu (i) mengenalpasti tahap pengetahuan, kefahaman dan kemahiran dengan kemenjadian murid melalui PSH Bermodul, (ii) mengenalpasti tahap kemenjadian murid dalam kalangan guru melalui PSH Bermodul, (iii) mengenalpasti tahap kemenjadian murid dalam kalangan pihak pengurusan melalui PSH Bermodul. Seramai 27 orang responden yang terdiri daripada 10 orang pihak pengurusan, 6 orang guru, dan 11 orang MBK terlibat dalam kajian ini. Kajian ini dilakukan melalui dua kaedah iaitu edaran soal selidik dan temubual. Hasil dapatan dianalisis menggunakan SPSS versi 27.0 untuk mendapatkan nilai min bagi menentukan tahap pengetahuan, kefahaman, kemahiran dan kemenjadian murid. Hasil kajian terhadap MBK mendapati tahap pengetahuan dan kefahaman berada pada tahap tinggi dengan masing-masing adalah ( $M=3.84$ ,  $SP=0.23$ ), ( $M=3.78$ ,  $SP=0.28$ ). Manakala tahap kemahiran dan kemenjadian murid melalui PSH bermodul berada pada tahap sederhana dengan masing-masing adalah ( $M=3.47$ ,  $SP=0.43$ ) dan ( $M=3.27$ ,  $SP=0.56$ ). Keputusan yang diperoleh bagi tahap kemenjadian murid dalam kalangan guru dan pihak pengurusan melalui PSH Bermodul berada pada tahap yang tinggi dengan masing-masing adalah ( $M=3.92$ ,  $SP=0.08$ ) dan ( $M=3.97$ ,  $SP=0.07$ ). Kesimpulannya, program PSH Bermodul ini dilihat dapat memberikan kesan yang positif terhadap kemenjadian MBK. Kursus yang dilaksanakan dalam program ini sangat berguna kepada MBK khususnya, guru amnya. Diharapkan program ini akan diteruskan kepada murid dan guru sekolah yang lain pula.

**Kata kunci:** Pembelajaran Sepanjang Hayat; PSH Bermodul; Kemenjadian Murid; Murid Berkeperluan Khas, Transformasi Sekolah 2025

## **Minat Peserta Kursus Pembelajaran Sepanjang Hayat Terhadap Kluster Kursus Di Kolej Komuniti Bandar Penawar Sebelum Dan Selepas Penularan Penyakit Coronavirus 2019**

Mohamad Nazir Bin Baharudin<sup>1</sup>, Faeizah Binti Mohd Lajim<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Kolej Komuniti Bandar Penawar, quloi1977@gmail.com

<sup>2</sup>Kolej Komuniti Bandar Penawar, faeizah780126@gmail.com

### **Abstrak**

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji persepsi peserta program Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) di Kolej Komuniti Bandar Penawar (KKBP) terhadap minat peserta bagi kursus PSH yang dijalankan sebelum dan selepas penularan penyakit coronavirus 2019 (ncovid19). Reka bentuk kajian ini melalui penganalisaan data statistik laporan tahunan PSH Kolej Komuniti Bandar Penawar dari tahun 2015 hingga tahun 2020. Hasil laporan tahun PSH mendapat bahawa kluster sebelum ncovid-19 yang di minati oleh peserta kursus PSH adalah Kluster Katering dan Sajian pilihan pertama, diikut dengan Kluster Perniagaan dan Keusahawan adalah pilihan kedua dan Kluster Pembangunan Diri dan Motivasi merupakan pilihan ketiga. Mana kala selepas atau semasa ncovid19 peserta kursus PSH meminati Kluster Perniagaan dan Keusahawan merupakan pilihan utama dan diikuti dengan Kluster Katering dan Sajian adalah pilihan kedua. Manakala pilihan ketiga adalah Kluster Kerohaninan dan Keagamaan. Ini menunjukkan bahawa peserta kursus PSH memerlukan kestabilan ekonomi dan emosi bagi mengatasi ancaman Pandemik nCovid19 di Malaysia.

**Kata Kunci:** PSH, KKBP, nCovid-19

## **Pelaksanaan Program Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) Bermodul: Satu Tinjauan Di Kolej Komuniti Zon Tengah**

Thilagavathi a/p Malayandy<sup>1</sup>, Rozaimi binti Rasi<sup>2</sup>, Norhidayah binti Jamaludin<sup>3</sup>

<sup>1</sup>Kolej Komuniti Ampang, thila@staf.kkampang.edu.my

<sup>2</sup>Kolej Komuniti Ampang, rozaimi@staf.kkampang.edu.my

<sup>3</sup>Kolej Komuniti RTC Gopeng, nor.hidayah@kkrtcg.edu.my

### **Abstrak**

Program Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) Bermodul merupakan salah satu kategori program PSH yang diperkenalkan di kolej komuniti bermula tahun 2016. Program ini adalah modul latihan kemahiran jangka pendek yang diadaptasikan daripada program Sijil Kolej Komuniti (SKK). Kelebihan program ini adalah ia memberi pilihan kepada peserta untuk mengikuti mana-mana kursus dalam sesuatu modul dan seterusnya menerima Sijil Kursus (SK) atau melengkapkan kesemua kursus dalam modul tersebut untuk mendapatkan Sijil Modul (SM) secara *mode anyone, anywhere and at any time*. Memandangkan Program PSH Bermodul lebih unik berbanding kursus pendek biasa dan juga mempunyai KPI khas bagi setiap kolej, kajian kuantitatif berbentuk tinjauan ini dilaksanakan bagi mengenalpasti tahap pelaksanaan program ini di 21 buah kolej komuniti di Zon Tengah, serta untuk mengetahui faktor yang mempengaruhi pelaksanaan program ini di peringkat kolej. Borang soal-selidik yang telah diedarkan kepada semua ketua unit PSH dan penyelaras PSH di kolej komuniti Zon Tengah dianalisa menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Science* (SPSS) versi 25.0. Dapatan kajian menunjukkan bahawa walaupun sebahagian besar Kolej Komuniti Zon Tengah telah melaksanakan Program PSH Bermodul, namun penerimaan komuniti dan kerjasama staf di institusi masih agak kurang memberangsangkan. Majoriti respondan juga bersetuju bahawa perancangan Program PSH Bermodul merupakan satu cabaran bagi unit PSH di institusi mereka. Justeru, langkah penampaikan perlu diambil di peringkat institusi dan juga oleh Unit PSH Bahagian Kurikulum, Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti bagi memastikan Program PSH Bermodul dapat dijalankan secara efisien dan seterusnya memberi manfaat kepada komuniti serta institusi itu sendiri.

**Kata kunci:** PSH Bermodul; Kolej Komuniti; Cabaran

## Kajian Tahap Keberkesanan Program Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) Bermodul Kredit Dalam Kalangan Pelajar Tahfiz Di Kolej Komuniti Segamat

Norhamizah Rusli<sup>1</sup>, Nazila Masdor<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Kolej Komuniti Segamat, norhamizah@kkseg.edu.my

<sup>2</sup>Kolej Komuniti Segamat ,nazila@kkseg.edu.my

### Abstrak

Program Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) Bermodul Kredit merupakan modul latihan kemahiran jangka pendek berasaskan kerja sebenar yang ditambah baik dari program Sijil Kolej Komuniti (SKK). Kolej Komuniti Segamat, Johor telah berkolaborasi bersama Maahad Tahfiz At-Ta'zim, Segamat Johor dalam program PSH Bermodul Kredit ini pada tahun 2020 bertujuan untuk melahirkan generasi huffaz yang mempunyai kemahiran dalam bidang Pendidikan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET). Program ini melibatkan 37 orang pelajar tahfiz yang mengikut empat modul kursus dalam Program Penyelenggaraan Bangunan iaitu Bahan dan Binaan, Lukisan Binaan Bangunan, Pemasangan Paip dan Injap dan Pendawaian Litar Lampu. Maka, kajian ini dilaksanakan bertujuan untuk mengenal pasti impak dan keberkesanan program PSH Bermodul Kredit ini dari segi aspek pengetahuan, kemahiran, keyakinan diri dan ciri-ciri usahawan dalam kalangan pelajar tahfiz yang terlibat. Data kajian diperoleh secara kuantitatif iaitu melalui edaran soal selidik yang melibatkan 37 responden. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan *Statistical Package For The Social Sciences* (SPSS) dan dinyatakan dalam bentuk analisis deskriptif. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa skor nilai purata tertinggi adalah aspek pengetahuan pelajar iaitu sebanyak 4.22. Aspek kemahiran pelajar menunjukkan skor nilai purata kedua tertinggi sebanyak 3.96. Aspek keyakinan diri menunjukkan skor nilai purata sebanyak 3.85 manakala yang terendah adalah dari aspek ciri-ciri keusahawanan pelajar iaitu 3.70. Ini menunjukkan bahawa ke semua aspek yang dinilai memberikan skor nilai purata pada aras interpretasi yang tinggi. Kesimpulannya, pelaksanaan program latihan kemahiran PSH Bermodul Kredit ini dapat membantu pelajar tahfiz meningkatkan pengetahuan, kemahiran, keyakinan dan juga dapat menerapkan ciri-ciri keusahawanan.

**Kata kunci :** Tahfiz; TVET; Program Penyelenggaraan Bangunan; PSH Bermodul Kredit

## Cabar dan Strategi Pemerkasaan Program Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) di Kolej Komuniti Wilayah Sabah: Satu Penelitian Awal

Ahmad Al-Munzir Ridzuan, Rozita Mohd Jamil<sup>2</sup>, Zunaedah Sahrul<sup>3</sup>

Kolej Komuniti Lahad Datu, munzir5059@gmail.com

<sup>2</sup> Kolej Komuniti Lahad Datu, roxitamohdjamil@yahoo.com

<sup>3</sup> Kolej Komuniti Lahad Datu, junsahrul3000@gmail.com

### Abstrak

Agenda pembelajaran sepanjang hayat (PSH) merupakan agenda utama negara bagi memastikan masyarakat mendapat peluang pendidikan merentasi batasan demografi dan geografi. Ia merupakan satu usaha untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang kompetatif dan berdaya saing dengan negara-negara maju yang lain. Salah sebuah institusi pendidikan yang dipertanggungjawabkan untuk merealisasikan hasrat ini ialah kolej komuniti. Secara asasnya, tujuan penubuhan kolej komuniti adalah sebagai hub yang menyediakan keperluan pendidikan, latihan dan kemahiran kepada semua peringkat dan lapisan masyarakat. Sehingga kini, terdapat sebanyak lapan buah kolej komuniti di wilayah Sabah yang menawarkan program PSH iaitu Kolej Komuniti Tawau, Kolej Komuniti Semporna, Kolej Komuniti Lahad Datu, Kolej Komuniti Sandakan, Kolej Komuniti Tambunan, Kolej Komuniti Beaufort, Kolej Komuniti Penampang dan Kolej Komuniti Kota Marudu. Walau bagaimanapun, penelitian mendapati bahawa penyertaan masyarakat dalam program PSH adalah masih kurang memberangsangkan berbanding dengan populasi masyarakatnya. Justeru, melalui pemerhatian dan dokumentasi, pengkaji berusaha untuk meneliti cabaran yang dihadapi seterusnya mengemukakan strategi bagi memperkasa program PSH di wilayah Sabah. Hasil penelitian mendapati bahawa terdapat 5 cabaran dalam memperkasakan program PSH dan 4 strategi bagi memperkasakan program PSH di kolej komuniti di wilayah Sabah.

**Kata Kunci:** Cabaran, strategi, pembelajaran sepanjang hayat, kolej komuniti wilayah Sabah.

## Lifelong Learning (LLL): Interrelation with TVET and Higher Learning Institutions (HLIs)

Adiba Amanina Shaharuddin<sup>1</sup>, Mumtaz Mokhtar<sup>2</sup>, Badrul Isa<sup>3</sup>

<sup>1</sup> Faculty of Art & Design, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Shah Alam, Selangor, ninashaharuddin@gmail.com

<sup>2</sup> Faculty of Art & Design, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Shah Alam, Selangor, mumtazmikael@gmail.com

<sup>3</sup> Faculty of Education, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Shah Alam, Selangor, badrul010@uitm.edu.my

### Abstract

TVET establishment has filled in numbers since the early of 19th century and keep on growing. There are numerous institutions including public and private, succeeding with the industrial demands and mushrooming worldwide (Megat, 2021). Along with the year-by-year quick development of Malaysian higher education system, the progression moving forward over the past few decades (MOE, 2015). The conversion of HLIs gives a big impact on the administration of tertiary education (Blackman and Kennedy, 2009). Primary and secondary education, Higher education and Lifelong learning are the three elements in Malaysia Education System and lifelong learning is one of the crucial pillars of Human Capital Development (MOHE, 2011). Lifelong learning entrenched in the adjustment, which is in line with learning and living concept that encompasses people of all ages of learning activities in real life broad context through varied educational approaches that match the needs and demands of learning (UNESCO, 2016). Education system that encourages lifelong learning will benefit all individuals on the provision of learning opportunities. Equally important to ensure the comprehensiveness, education's quality and lifelong learning action should be taken together to strengthen national education system along with Technical and Vocational Education and Training (TVET) and Education for all (EFA) (UNESCO, 2017). This paper highlighted Malaysia Education System on the educational structure and the latest. Further to that, addressing on Technical and Vocational Education and Training (TVET) and Higher Learning Institutions (HLIs). TVET look into the implementation, relevance and initiative of TVET, High-End Technical and Vocational Education and Training (HETVET), Ruang Cikgu Technical and Vocational Education and Training (RCTVET) and also HLIs. The interrelation between TVET and HLIs towards lifelong learning implication will be discussed and reviewed thorough and in detail throughout this paper.

**Keywords:** Technical and Vocational Education and Training (TVET), Higher Learning Institutions (HLIs), Lifelong Learning (LLL)

## Tinjauan Terhadap Keberkesanan Pelaksanaan Program Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) Bermodul (Kredit) di Kolej Komuniti Malaysia

Rosmaizura Mohamad Radzuan<sup>1</sup>, Nurul Zaitul Aizan Mohamad Jahis<sup>2</sup>, Nadia Rajat<sup>3</sup>

<sup>1</sup> Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, rosmaizura@mohe.gov.my

<sup>2</sup> Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, zaitulaizan@mohe.gov.my

<sup>3</sup> Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, nadia.rajar@mohe.gov.my

### Abstrak

Pandemik COVID-19 yang kini telah menjangkau dua tahun memperlihatkan kesan terhadap pengecutan ekonomi negara khususnya. Ramai dikalangan masyarakat hilang pekerjaan. Secara positifnya pandemik telah mencetuskan trend pendigitilan dalam arena pekerjaan. Ini menjadi benih kepada perkembangan ekonomi gig yang mengalih cara bekerja secara bebas tanpa ikatan kontrak dan jangka pendek. Kajian tinjauan ini bertujuan melihat keberkesanan pelaksanaan program dari sudut kesediaan kolej komuniti dan impak kepada pelajar setelah mengikuti program ini. Kajian kualitatif dengan kaedah *triangulation* melibatkan lawatan pemantauan, temuduga dan analisa sistem. Dapatkan kajian mendapati kolej komuniti mempunyai fasiliti dan hubungan rapat dengan komuniti setempat bagi menawarkan program ini. Peserta pula berpuas hati terhadap pembelajaran secara separuh masa, *micro-credential* dan mempunyai laluan untuk peningkatan kerjaya mahupun pendidikan. Kesimpulannya, masyarakat perlu menambah kemahiran yang pelbagai melangkaui bidang.

**Kata kunci:** Ekonomi gig, Pembelajaran sepanjang hayat, *Micro-credential*, Laluan.

## Keberkesanan Transformasi Sekolah (TS25) dan Hubungannya dengan Amalan di Sekolah Sarawak

Ling Song Kai, PhD; Khalid bin Bujang, Omar bin Hj Mahli

Sektor Pengurusan Sekolah, Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak

### Abstrak

Program Transformasi Sekolah 2025 (TS25) merupakan insiatif Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk meningkatkan kemenjadian murid di sekolah melalui kepimpinan yang berwawasan, guru yang berkualiti serta komitmen Komuniti luar. Namun demikian, kajian lepas menunjukkan peratusan komitmen pemimpin dan guru di beberapa buah sekolah di Malaysia masih pada tahap sederhana. Salah satu faktor penurunan komitmen pemimpin dan guru berpunca daripada kepimpinan yang lemah dalam kalangan pentadbir terhadap organisasi kepimpinannya. Sehubungan dengan itu, artikel ini bertujuan untuk mencari dapatan kajian amalan TS25 dan hubungannya dengan amalan di beberapa buah sekolah di Sarawak yang terlibat dengan Program Transformasi Sekolah 2025 (TS25). Teknik persampelan rawak telah digunakan bagi memastikan kebarangkalian semua responden terpilih sebagai sampel kajian tanpa bias. Soal selidik diedarkan di lima buah sekolah yang mempunyai populasi guru seramai 22 orang. Skor min telah digunakan untuk mengenalpasti keberkesanan di antara amalan TS25 dan tahap pelaksanaan TS25. Analisis menggunakan SPSS 22.0 menunjukkan item kepimpinan adalah pada tahap sederhana ( $\min = 1.71$ ). Manakala item PdPc pada tahap tinggi ( $\min = 1.8$ ). Justeru dapatan kajian awal ini wajar diperluaskan ke sekolah rendah dan menengah Program Transformasi Sekolah 2025 (TS25) di seluruh Sarawak bagi menguji keberkesanan kepimpinan dalam kalangan pentadbir sekolah untuk meningkatkan tahap Program TS25 di Sarawak.

**Kata Kunci:** Kepimpinan; Pentadbir sekolah; Amalan TS25

## Persepsi Penggunaan Aplikasi MobAs@PSH dalam Pemantauan Pencapaian Prestasi PSH di Kalangan PPPT Kolej Komuniti

Norolizah Abu Hassan<sup>1</sup>, Normazlina Othman<sup>2</sup>, Noor Ajuma Mat Hassan<sup>3</sup>

1 Kolej Komuniti Kuala Pilah, norolizah@gmail.com

2 Kolej Komuniti Kuala Pilah, normazlina@kkkp.edu.my

3 Kolej Komuniti Kuala Pilah, , ajuma@kkkp.edu.my

### Abstrak

Perlaksanaan program Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) adalah merangkumi aspek peningkatan kemahiran kerja, pemberian sahsiah diri dan penambahan ilmu pengetahuan. Menerusi program tersebut peserta akan dapat memanfaatkan kemahiran yang diperolehi untuk menjana pendapatan sampingan seterusnya menyumbang kepada peningkatan tahap ekonomi keluarga. Kolej Komuniti merupakan salah satu institusi TVET yang berperanan sebagai hub pembelajaran sepanjang hayat di Malaysia. Sehubungan itu, setiap Kolej Komuniti dipertanggungjawab untuk menjayakan agenda kerajaan ini dan prestasi perlaksanaannya diukur dan dipantau dari semasa ke semasa oleh ibu pejabat. Bagi memastikan Kolej Komuniti Kuala Pilah dapat mencapai sasaran prestasi PSH yang telah ditetapkan, maka satu kaedah pemantauan pencapaian PSH iaitu penggunaan Aplikasi MobAs@PSH di kalangan warga institusi telah dilaksanakan. Pencapaian sasaran prestasi PSH pada tahun 2020 adalah sebanyak 131%, iaitu melebihi daripada sasaran yang ditetapkan. Ini membuktikan keberkesanan penggunaan aplikasi MobAs@PSH dalam usaha mencapai prestasi PSH melalui pemantauan perlaksanaan yang lebih cepat dan efektif. Oleh itu kajian bertujuan untuk mengenalpasti kecepatan dan keberkesanan aplikasi ini terhadap PPPT di Kolej Komuniti. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif yang mana soal selidik dipilih sebagai instrument kajian. Seramai 20 orang responden digunakan untuk mengisi serta menjawab pernyataan dalam borang soal selidik berkenaan. Pengkaji menggunakan kaedah analisis data secara analisis statistik deskriptif dengan menggunakan perisian Microsoft Excel. Hasil kajian mendapat aplikasi ini sangat mesra pengguna, mudah dan ringkas untuk digunakan, serta akses kepada data cepat dibandingkan dengan pemantauan menggunakan web-based system. Aplikasi MobAs@PSH ini juga memudahkan pihak pengurusan untuk menyemak data pencapaian terkini dan membuat pelaporan pencapaian PSH secara terus tanpa perlu merujuk kepada pegawai yang dipertanggungjawabkan. Aplikasi MobAs@PSH juga berperanan sebagai satu kaedah pemantauan prestasi yang lebih berstruktur dan seterusnya tindakan perlaksanaan program PSH boleh dirancang dengan lebih berfokus dan cepat bagi memastikan prestasi tercapai bersesuaian dengan cabaran Pandemik Covid 19 yang dihadapi seluruh dunia ketika ini.

**Kata kunci:** Aplikasi, Pemantauan, Mudah, Ringkas, Cepat

## Kerelevan Kursus Pendek Fotografi (DSLR) berbanding Kursus Fotografi Mobile di Musim Pandemik

<sup>1</sup>Noorhaslina binti Zulkifli <sup>1</sup>, Basliza binti Mohamad Noor <sup>2</sup>, Mohammad Azwan bin Jaafar <sup>3</sup>,

<sup>1</sup>Kolej Komuniti Paya Besar, noorhaslinazulkifli@yahoo.com

<sup>2</sup>Kolej Komuniti Paya Besar, basliza2002@gmail.com

<sup>3</sup>Kolej Komuniti Pekan, azwanjaafar2013@gmail.com

### Abstrak

Pandemik covid-19 memberi impak kepada kursus jangka pendek di Kolej Komuniti Paya besar kerana penangguhan semua kursus secara bersemuka. Di Kolej Komuniti Paya Besar pada tahun 2019 telah menjalankan 265 kursus pendek dan pada tahun 2020 sebanyak 167 kursus dijalankan. Kursus Fotografi adalah antara kursus yang mendapat sambutan hangat sejajar dengan keperluan masa kini. Objektif kertas kajian ini bertujuan bagi mengkaji adakah kursus fotografi *Digital Single Lens Reflex (DSLR)* ini masih relevan sebagai kursus pilihan berbanding Kursus fotografi Mobile di Kolej Komuniti Paya Besar seiring dengan keperluan semasa. Kajian ini dilakukan secara diskriptif dengan menggunakan satu set borang soal selidik sebagai instrumen kajian. Hasil dapatan telah dibuat melalui soal kaji selidik yang diedarkan kepada peserta dan dianalisis secara kuantitatif menggunakan perisian SPSS. Seramai 33 responden telah menjawab borang soal selidik yang telah diedarkan yang terdiri daripada peserta kursus pada tahun 2020. Dapatkan hasil kajian menunjukkan kedua kursus tersebut fotografi (DSLR) dan fotografi mobile tetap relevan dan diminati ramai. Namun begitu, kepentingan dalam memastikan urusan tadbir urus dan kecemerlangan dalam organisasi tetap perlu diambil berat untuk memastikan kualiti pengurusan pendidikan sentiasa terjamin. Oleh itu, ini menunjukkan impak pandemik Covid-19 tidak menganggu kepada kursus Fotografi DSLR dan juga kursus fotografi mobile atau lebih dikenali sebagai *mobilegraphy*. Bagi meningkatkan tahap pengetahuan dan kesediaan masyarakat terhadap kemahiran dengan norma baharu, dicadangkan agar pihak kolej dapat membuat hebahan kursus kemahiran yang sesuai melalui media sosial kepada mereka.

**Kata Kunci:** *Fotografi, Impak pandemik Covid-19, mobile*

## Tahap Penerimaan Usahawan Terhadap Perlaksanaan Kursus Instagram Secara Atas Talian Di Kolej Komuniti Selendar

Nurhidayati Binti Mad Noh<sup>1</sup>, Azwa binti Abdul Halim<sup>2</sup> dan Norzalifah binti Abu<sup>3</sup>

<sup>1</sup>Kolej Komuniti Selendar, nurhidayatikksl@gmail.com

<sup>2</sup>Kolej Komuniti Selendar, azwa.abdulhaliml@gmail.com

<sup>3</sup>Kolej Komuniti Selendar, norzalifah@kkselendar.edu.my

### Abstrak

Cabarannya getir pada tahun 2020 bagi semua penduduk dunia adalah berdepan dengan kemelut Pandemik Covid-19. Bagi kebanyakan usahawan, menjalankan perniagaan atas talian menggunakan platform media sosial Instagram adalah sangat berketepatan. Kajian ini dilaksanakan untuk mengukur tahap penerimaan dan keberkesanan pelaksanaan Kursus Instagram yang dijalankan secara dalam talian terhadap usahawan di Kolej Komuniti Selendar. Kajian ini dilakukan pada 37 orang usahawan tempatan di dalam Malaysia yang mengikuti Kursus Instagram di Kolej Komuniti Selendar selama dua bulan. Kursus Instagram yang dikaji merupakan kursus pertama yang dilaksana secara dalam talian anjuran Unit Pembelajaran Sepanjang Hayat Kolej Komuniti Selendar, Melaka. Penyelidikan kuantitatif digunakan di mana usahawan diminta untuk menjawab soal selidik tinjauan. Semua data yang diperoleh melalui Google Forms telah dianalisis menggunakan perisian Statistical Package for Social Science (SPSS) dan diinterpretasi dalam dapatan frekuensi, peratusan dan min skor. Hasil kajian menunjukkan tahap penerimaan usahawan terhadap pelaksanaan Kursus Instagram secara dalam talian adalah pada tahap tinggi dengan nilai keseluruhan min skor adalah 3.532. Manakala, kajian ini telah menunjukkan tahap keberkesanan Kursus Instagram yang dilaksanakan secara dalam talian masih berada pada tahap sederhana dengan nilai keseluruhan min skor adalah 3.432. Kajian mendapati tahap penerimaan usahawan terhadap pelaksanaan Kursus Instagram secara dalam talian adalah sangat baik. Hasil maklumat yang diperolehi dari maklum balas usahawan telah menunjukkan Kursus Instagram ini mempunyai permintaan yang tinggi dalam meneraju pemasaran bagi industri perniagaan. Kursus ini telah berjaya membantu meningkatkan kemahiran kerjaya usahawan dan telah membantu perniagaan usahawan dalam aspek pemasaran secara digital menggunakan aplikasi Instagram Perniagaan. Hasil dapatan dengan jelas telah membuktikan Kursus Instagram yang disertai oleh usahawan telah berjaya membantu mereka mengembangkan perniagaan.

**Kata kunci :** Pemasaran digital, Media sosial, Instagram

The background of the page features a large, modern skyscraper with a glass and steel facade, viewed from a low angle looking up. The sky is blue with some white clouds. Overlaid on the right side are several abstract geometric shapes: a large yellow triangle pointing left, a blue rectangle above it, and a smaller yellow triangle pointing right at the top right corner. The main title text is positioned within these shapes.

**ABSTRAK  
PENYELIDIKAN  
DALAM  
PENGAJARAN  
DAN  
PEMBELAJARAN**

## Aplikasi Inovasi Model Wrap Cap Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Kursus Terapi Kulit Muka

Siti Salwa Kusairi

Unit Terapi Kecantikan dan Spa, Kolej Komuniti Kluang, sitisalwakusairi@gmail.com

### Abstrak

Pengajaran memerlukan sesuatu pemudahcara untuk mudah disampaikan, manakala pembelajaran pula memerlukan rangsangan untuk memudahkan penuntut menerima isi pelajaran. Berdasarkan pengalaman dalam latihan amali kursus terapi kulit muka, alatbantu mengajar ketika proses pengajaran dan pembelajaran sangat penting. Alatan merupakan media yang mampu mewujudkan rangsangan dan yang kemudiannya akan bertindak memperkembangkan kecerdasan, meningkatkan motivasi dan menjadi pengalaman pembelajaran. Kajian ini bertujuan untuk mengukur aplikasi keberkesanan inovasi model *wrap cap* dalam pengajaran dan pembelajaran dan mendapatkan maklum balas dan cadangan daripada responden terhadap penggunaan *wrap cap*. Melalui maklum balas, keberkesanan semasa menggunakan model inovasi boleh diterima secara langsung seterusnya dapat meningkatkan kualiti produk yang dihasilkan sebagai alatbantu mengajar. Dalam kajian ini, pemilihan sampel kajian adalah bertepatan dengan etika kajian yang berdasarkan prinsip kesanggupan atau kerelaan hati sampel untuk melibatkan diri dalam sesuatu kajian. Responden yang dipilih adalah penuntut berdasarkan kemahiran dalam latihan amali kursus terapi kulit muka, Program Terapi Kecantikan dan Spa (STK) telah dipilih untuk menggunakan *wrap cap* ini didalam kelas. Skala Likert digunakan sebagai mengenalpasti aras persetujuan responden bagi setiap pernyataan dan soal selidik diedarkan secara atas talian menggunakan *google form*. Kesimpulannya, motivasi penuntut meningkat dengan suasana pembelajaran yang kondusif. Proses pengajaran dan pembelajaran akan lebih efisien selaras dengan visi kolej komuniti menjadi peneraju Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET). Produk inovasi ini sesuai diaplikasi didalam kursus terapi kulit muka, Kolej Komuniti Malaysia dan pengusaha spa serta seterusnya dapat merangsang anjakan sistem pendidikan untuk melahirkan pensyarah dan pelajar yang berfikiran kreatif dan inovatif serta inventif yang mana dapat menyelesaikan suatu masalah dengan menghasilkan idea yang kreatif sama ada dalam bentuk produk maupun proses.

**Kata kunci:** alatbantu mengajar, kursus terapi kulit muka, STK, TVET.

## Persepsi Pelajar Sijil Pengoperasian Perniagaan (Spp) Kolej Komuniti Bagan Serai (KKBSE) Terhadap Aplikasi *I-Learning Classroom*

Shuriyani binti Abdul Rahim

Kolej Komuniti Bagan Serai, surishuriyani@gmail.com

### Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji persepsi pelajar Sijil Pengoperasian Perniagaan (SPP) Kolej Komuniti Bagan Serai (KKBSe) terhadap aplikasi *i-Learning Classroom* dari segi penerimaan dan keberkesanan. *I-Learning Classroom* merupakan aplikasi yang digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran bagi memudahkan pelajar dan pensyarah. Kajian kuantitatif ini dijalankan dengan menggunakan instrumen soal selidik yang merangkumi 41 orang responden. Responden adalah terdiri daripada pelajar semester 1,2 dan 3 bagi sesi Jun 2020. Data yang diperolehi daripada soal selidik ini dianalisis dengan menggunakan IBM SPSS Statistics untuk mendapatkan nilai skor min. Hasil dapatkan kajian menunjukkan kedua-dua pembolehubah iaitu penerimaan pelajar dan keberkesanan terhadap pelajar mendapat skor min yang tinggi iaitu 4.47 dan 4.29. Secara keseluruhnya, kajian ini mendapat tahap persepsi pelajar terhadap aplikasi inovasi *i-Learning Classroom* berada pada tahap tinggi. Kajian ini dapat membantu pensyarah dalam pembaharuan dan inovasi untuk proses pengajaran dan pembelajaran. Selain itu, kajian ini juga boleh digunakan sebagai panduan kepada institusi dalam menyediakan kemudahan teknologi maklumat dan komunikasi.

**Kata Kunci:** i-Learning classroom, google classroom, aplikasi PdP, pembelajaran atas talian

## Templat Menggulung Popiah Dan Samosa: Intervensi Bagi Pelajar Berkeperluan Khas

Nurul Sabrina Binti Khairuddin<sup>1</sup>, Zaiefanie Mirza Bin Ahmad Eroji <sup>2</sup>,

<sup>1</sup>Kolej Komuniti Ledang, sabrina@lecturer.kklej.edu.my

<sup>2</sup>SMK Tengku Mahmud Iskandar, zaie2843@gmail.com

### Abstrak

Templat menggulung popiah dan samosa merupakan satu alat bantu mengajar (ABM) yang digunakan oleh pensyarah khusus untuk pelajar berkeperluan khas di Kolej Komuniti Ledang, Johor. Ia merupakan intervensi yang digunakan semasa pembelajaran dan pengajaran (PdP) topik Pembuatan Kuih Muih Tempatan dengan tujuan untuk mengatasi masalah pelajar tidak berupaya mengingat langkah menggulung popiah dan samosa dengan baik. Masalah ini kerap berlaku dalam kalangan pelajar berkeperluan khas dan perlu diatasi bagi meningkatkan tahap keberkesanan PdP dalam kelas amali. Justeru, satu kajian tindakan dijalankan untuk mengenal pasti keupayaan intervensi dalam memudahkan pelajar mengingat langkah menggulung popiah dan samosa; dan mengenal pasti keupayaan intervensi dalam meningkatkan kadar keberhasilan produk semasa kelas amali Pembuatan Kuih Muih Tempatan. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif, yang mana pesertanya adalah terdiri daripada tujuh orang pelajar Semester Tiga, Program Sijil Asas Pastri, Kolej Komuniti Ledang. Instrumen kajian yang digunakan terdiri daripada pemerhatian, catatan refleksi dalam jurnal pengkaji dan analisis dokumen penilaian amali. Dapatkan kajian menunjukkan pelaksanaan intervensi berupaya meningkatkan keupayaan pelajar mengingat langkah menggulung popiah dan samosa, dan kadar keberhasilan produk secara signifikan. Kesannya, penggunaan intervensi ini berupaya meninggikan tahap profesionalisme dan kepuasan bekerja para pensyarah.

**Kata kunci:** Templat, pelajar berkeperluan khas

## P TRACE Pemudah Cara Untuk Kelas Hiasan Kek Bagi Pelajar Berkeperluan Khas

Sulaiha Binti Sape'e<sup>1</sup>, Normah Binti Musa<sup>2</sup>, Nurul Sabrina Binti Khairuddin<sup>3</sup>

<sup>1</sup>Kolej Komuniti Ledang, sulaiha@lecturer.kklej.edu.my

<sup>2</sup>Kolej Komuniti Ledang, normah@lecturer.kklej.edu.my

<sup>3</sup>Kolej Komuniti Ledang, sabrina@lecturer.kklej.edu.my

### Abstrak

P Trace ialah templat yang dihasilkan untuk membantu pelajar berkeperluan khas membentuk corak semasa Modul *Piping*. Ia merupakan alat terpandu yang digunakan bagi menambah baik mutu pembelajaran dan pengajaran (PdP) semasa bengkel amali dan dalam usaha mengatasi masalah pelajar tidak dapat membuat corak *piping* yang sekata dan lurus. Oleh itu, kajian ini dijalankan dengan tujuan untuk mengenal pasti keupayaan intervensi dalam membantu pelajar menguasai konsep membentuk corak *piping*; dan mengenal pasti keupayaan intervensi dalam membantu meningkatkan kadar keberhasilan pelajar semasa membentuk corak *piping* yang sekata dan lurus. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui kajian tindakan. Seramai 10 orang pelajar Sijil Asas Pastri Semester Satu, Kolej Komuniti Ledang dipilih sebagai peserta kajian. Instrumen kajian yang digunakan untuk pengumpulan data terdiri daripada nota lapangan ketika pemerhatian dan catatan refleksi dalam jurnal pengkaji. Hasil kajian menunjukkan terdapat kesan positif daripada penggunaan intervensi dalam membantu pelajar menguasai konsep membentuk corak *piping* dan meningkatkan kadar keberhasilan pelajar semasa membentuk corak *piping* yang sekata dan lurus. Selain itu, hasil kajian menunjukkan penggunaan intervensi berupaya meningkatkan kepuasan bekerja dan profesionalisme pensyarah.

**Kata kunci:** P Trace, hiasan kek, pelajar berkeperluan khas, kolej komuniti

## Tahap Penguasaan ‘Cooking Terminology’ dalam Kalangan Pelajar Sijil Kulinari di Kolej Komuniti Bukit Beruang, Melaka

Hairina Binti Zainal<sup>1</sup>, Siti Norakma Binti Abd Muin<sup>2</sup>, Siti Syazana Binti Muhammad Saufi<sup>3</sup>

<sup>1</sup>Kolej Komuniti Bukit Beruang, hairina.kkbbm@celt.edu.my

<sup>2</sup>Kolej Komuniti Bukit Beruang, akma191910@gmail.com

<sup>3</sup>Kolej Komuniti Bukit Beruang, nana\_ska86@yahoo.com

### Abstrak

*Cooking terminology* merupakan istilah masakan yang sering digunakan di dalam dapur masakan termasuklah di hotel, restoran *fine-dining* mahupun *cruise ship*. Setiap *cooking terminology* mempunyai maksud dan fungsi tertentu supaya ia dapat memastikan kerja-kerja didapur menjadi lebih cepat dan terurus. Ia bukan sahaja penting kepada seseorang *chef*, tetapi, ia juga penting kepada pramusaji kerana mereka perlu menjelaskan makanan yang akan dihidang kepada tetamu. Kolej Komuniti Bukit Beruang, Melaka merupakan salah satu institusi pengajian yang melahirkan pelajar dalam bidang penyediaan makanan seperti Sijil Kulinari, dan Sijil Operasi Perhotelan. Sepanjang pengajian pelajar di Kolej Komuniti, mereka secara tidak langsung diterapkan tentang *cooking terminology* ini bermula dari semester 1. Oleh yang demikian kajian ini dilaksanakan untuk mengenalpasti tahap penguasaan *cooking terminology* dikalangan pelajar Sijil Kulinari semester 2 dan 3. Kajian ini juga bertujuan untuk melihat kekerapan penggunaan *cooking terminology* dalam perlaksanaan kerja amali ketika di dalam kelas. Selain itu, kajian ini juga dijalankan bagi melihat perbezaan penguasaan *cooking terminology* dalam kalangan pelajar semester 2 dan 3. Sebanyak 42 orang pelajar semester 2 dan 3 Sijil Kulinari sesi Disember 2020 telah dipilih secara rawak sebagai sampel kajian ini. Pendekatan kuantitatif melalui teknik tinjauan digunakan dengan membuat edaran borang soal selidik yang terdiri dari Skala Likert lima mata. Data berbentuk kuantitatif dianalisis secara deskriptif dengan menggunakan perisian IBM SPSS Statistic 23.0. Hasil dapatan menunjukkan tahap penguasaan *cooking terminology* dalam kalangan pelajar semester 2 dan 3 adalah tinggi. Hasil analisis kajian juga menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam penguasaan *cooking terminology* di antara pelajar semester 2 dan 3. Dapatkan ini penting bagi pensyarah Sijil Kulinari Kolej Komuniti Bukit Beruang, Melaka untuk memberikan pendedahan dan menggunakan dengan lebih kerap didalam kelas supaya pelajar dapat menyesuaikan diri istilah-istilah yang telah dipelajari didalam dunia pekerjaan yang sebenar pada masa akan datang.

**Katakunci:** penguasaan, *cooking terminology*, istilah masakan, kulinari

## Tahap Pemahaman Warga Kolej Komuniti Pagoh Terhadap Simbol Penjagaan Pakaian Dan Fabrik

Junita Shaari<sup>1</sup>, Mohd Rafiq Mujilan<sup>2</sup>, Masithah Jasman<sup>3</sup>,

Kolej Komuniti Pagoh, junita.sha'ari@kkpagoh.edu.my

Kolej Komuniti Pagoh, mohd.rafiq@kkpagoh.edu.my

Kolej Komuniti Pagoh, masithah@kkpagoh.edu.my

### Abstrak

Pada masa kini, kecenderungan dan mengikut trend terkini dalam berfesyen semakin mendapat perhatian di semua peringkat generasi dan hal ini termasuklah pada warga Kolej Komuniti Pagoh. Namun begitu, tidak semua mengambil kisah mengenai cara penjagaan pakaian yang betul. Penjagaan pakaian kini telah diwakili dengan simbol-simbol yang memberi maklumat mengenai cara penjagaan pakaian dengan betul. Fokus kajian ini dilakukan adalah untuk mengenal pasti tahap pemahaman warga Kolej Komuniti Pagoh mengenai simbol penjagaan pakaian dan kesedaran mengenai kepentingan mengetahui simbol penjagaan pakaian. Seramai 40 orang warga Kolej Komuniti Pagoh telah terlibat dalam kajian ini. Satu set soal selidik terhadap kumpulan sasaran digunakan sebagai instrument kajian yang mengandungi 12 item yang merangkumi pemahaman simbol penjagaan pakaian dan kepentingannya. Secara keseluruhannya, 88.3% warga Kolej Komuniti Pagoh mempunyai pengetahuan mengenai simbol penjagaan pakaian ini berbanding 11.6% yang kurang pasti mengenai hal ini. Seterusnya, mengenai pemahaman berkaitan simbol penjagaan pakaian, 67% warga Kolej Komuniti Pagoh mempunyai tahap pemahaman berkaitan simbol penjagaan pakaian manakala 33% adalah kurang pasti. Secara konklusinya, menerusi kajian ini, warga Kolej Komuniti Pagoh mempunyai tahap yang tinggi dalam pengetahuan berkaitan simbol penjagaan pakaian manakala bagi tahap pemahaman pula warga Kolej Komuniti Pagoh masih berada di tahap yang sederhana mengenai kepentingan simbol penjagaan pakaian.

**Kata kunci:** Tahap pemahaman, Warga Kolej Komuniti Pagoh, Simbol Penjagaan Pakaian dan Fabrik

## Kajian Pengetahuan Dan Penguasaan Bacaan Asas Solat Dalam Kalangan Pelajar Kolej Komuniti

Siti Nurul Atikha Binti Rasol<sup>1</sup>, Siti Fatimah Binti Ahmad<sup>2</sup>, Muhammad Faizal Nin<sup>3</sup>

<sup>1</sup> Kolej Komuniti Muar, atikahkkmuar@gmail.com

<sup>2</sup>Kolej Komuniti Ledang, fatimah@lecturer.kklej.edu.my

<sup>3</sup> Kolej Komuniti Bandar Tenggara, faizal@kktenggara.edu.my

### Abstrak

Ibadah solat merupakan peranan yang sangat penting dalam menyumbang ke arah melahirkan generasi yang hebat dan cemerlang. Tanpa solat kita sebagai umat Islam hanya hebat dimata manusia sahaja. Justeru, dalam kajian ini, bacaan asas dalam solat difokuskan kepada kerana ia hanya dapat melahirkan modal insan yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek. Secara tidak langsung akan wujudlah generasi yang berilmu dan berakhhlak mulia. Tujuan kajian ini dijalankan bertujuan untuk membincangkan pengetahuan dan penguasaan bacaan asas solat dalam kalangan pelajar Kolej Komuniti. Kajian ini merupakan kajian tinjauan yang melibatkan tiga buah Kolej Komuniti iaitu Kolej Komuniti Muar, Kolej Komuniti Bandar Tenggara dan Kolej Komuniti Ledang dan mempunyai populasi responden sebanyak 109 orang pelajar yang mengambil subjek Pendidikan Islam. Instrumen kajian ini merupakan set soal selidik yang telah dibangunkan oleh penyelidik mengikut kesesuaian konteks yang dikaji dan diagih kepada responden. Data dikumpul dan dianalisis menggunakan perisian SPSS (*Statistical Package for Social Science*) untuk mendapatkan frekuensi, peratus, min, korelasi pearson dan kemudiannya dipersembahkan dalam bentuk jadual. Dapatan kajian telah menunjukkan responden memberikan maklumbalas yang positif terhadap tahap pengetahuan dan penguasaan bacaan asas solat. Secara keseluruhannya, hasil kajian ini juga menunjukkan pengetahuan pelajar berkaitan solat berada pada tahap yang baik. Kajian ini memberi satu alternatif baru bagi pensyarah Pendidikan Islam untuk penambahan proses pembelajaran dan pengajaran di dalam kelas.

**Kata Kunci:** Pembacaan, Penguasaan, Bacaan Asas Solat, Kolej Komuniti.

## Penilaian Kualiti Modul Do-STEM: Aspek Kesahan Dan Kebolehpercayaan

Nordin Bin Zakariah

Politeknik Ibrahim Sultan, Pasir Gudang Johor, nordin@pis.edu.my

### Abstrak

Plan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) menjadikan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) sebagai satu agenda yang penting. Kajian ini bertujuan untuk menilai kesahan dan kebolehpercayaan Modul Do-STEM. Pembangunan modul ini menggunakan pendekatan Model Pembinaan Modul Sidek. Modul Do-STEM telah diberi kepada empat orang panel bagi menentukan kesahan modul manakala 32 orang pelajar dari semester 1 Diploma Kejuruteraan Mekanikal dari Jabatan Kejuruteraan Mekanikal, Politeknik Ibrahim Sultan telah dipilih untuk menjadi responden kepada kajian rintis untuk mengukur kebolehpercayaan modul. Pelajar menjawab soal selidik kebolehpercayaan modul setelah mengikuti semua aktiviti yang ada dalam Modul Do-STEM. Dapatan menunjukkan Modul Do-STEM memperolehi kesahan kandungan yang tinggi serta kebolehpercayaan yang baik. Penambahbaikan modul telah dilakukan berdasarkan cadangan dan komen panel supaya memastikan modul yang dibangunkan selari dengan objektif dan mampu dilaksanakan. Adalah diharapkan modul ini dapat membantu pelajar menguasai STEM. Justeru itu, diharapkan modul ini dapat digunakan dalam aktiviti PdP berdasarkan pendekatan STEM.

**Kata Kunci:** kesahan; kebolehpercayaan; modul; Do-STEM



## Tahap Keberkesanan Penggunaan Aplikasi Smart Notes oleh Pelajar Semester Tiga di Jabatan Kejuruteraan Awam, Politeknik Kota Bharu

Nik Noorafieda Binti Wan Azraen

Jabatan Kejuruteraan Awam, Politeknik Kota Bharu, afiedaaazraen@gmail.com

### ABSTRAK

Kajian ini diadakan untuk meninjau tahap keberkesanan penggunaan aplikasi *Smart Notes* oleh pelajar semester tiga DKA3D Jabatan Kejuruteraan Awam. Aplikasi ini disediakan untuk Kursus *Project Management* bagi Sesi Jun 2020. Matlamat kajian ini adalah untuk mengenalpasti tahap keberkesanan aplikasi *Smart Notes* terhadap pengajaran dan pembelajaran bagi Kursus *Project Management*. Sampel kajian adalah adalah seramai 29 orang yang merupakan pelajar kelas DKA3D bagi Sesi Jun 2020. Kajian memfokuskan kepada keberkesanan *Smart Notes* dalam proses pembelajaran untuk kursus ini. Hasil kajian menunjukkan para pelajar berpuas hati dengan aplikasi *Smart Notes* dimana banyak memberikan impak yang penting dalam proses P&P dan ia menjimatkan masa para pelajar dalam mempelajari setiap topik dalam kursus ini. Berdasarkan kajian yang dilakukan, *Smart Notes* dapat membuktikan majoriti pelajar kelas DKA3D bersetuju bahawa *Smart Notes* membantu mereka memahami subjek ini dengan baik. Berdasarkan kajian, beberapa perubahan dalam aplikasi *Smart Notes* akan dilakukan agar lebih mesra pengguna dan lebih menarik supaya dapat membantu menambahkan minat pelajar dalam kursus ini. Dapatkan dari kajian ini, diharapkan dapat menjadi panduan kepada semua pensyarah Kursus *Project Management* untuk memperbaiki dan mengubah pendekatan pengajaran yang digunakan sebelum ini agar lebih menarik dan tidak berfokuskan kepada nota sahaja. Dapatkan daripada kajian ini juga akan digunakan untuk menaiktaraf *Smart Notes* agar lebih interaktif dan efektif.

**Kata kunci:** *Smart Notes*, aplikasi, pelajar, keberkesanan, pembelajaran.

## Anxiety In Oral Presentation Among Students In Politeknik Merlimau Melaka

Nor Fazila Binti Shamsuddin

Politeknik Merlimau Melaka, norfazila@pmm.edu.my

### Abstract

Oral Presentation is an essential skill that should be mastered by students nowadays. Mastering good communication skills is undoubtedly essential to the students in order to survive in the workplace later on. Each and every students are expected to have a good oral presentation skills in order to help them perform well in the job soon after graduation. Thus, upon realizing the importance of mastering good communication skills, most academic courses offered at polytechnic require their students to conduct oral presentations as part of the assessments. However, the anxiety in oral presentation among students might effect their performance. The issue of anxiety in oral presentation is not a new issue and it has been discussed ever since by previous researchers. Thus, this paper will discuss the anxiety issue in oral presentation in English subject particularly in DUE10012 subject which normally offered to semester 1 students in polytechnics. This paper aims to look into factors causing oral anxiety during presentations and strategies to overcome speaking anxiety in presentations. The respondents involved in this study were semester 1 students taking DUE10012 subjects. The method of the study is quantitative by using questionnaire and was distributed using Google Form. Findings reveal that most respondents do get anxious during oral presentations due to personal traits such as feel shy and embarrassed, low self esteem and low speaking ability. The study was expected to help students to improve their performance in oral presentation particularly in subject DUE10012.

**Keywords:** Oral Presentation, Malaysian Polytechnic Students, DUE10012, Anxiety

## GP Ruler: Pemudah Cara PdP Kelas Pembuatan Kek

Normah Binti Musa<sup>1</sup>, Sulaiha Binti Sape'e<sup>2</sup>, Nurul Sabrina Binti Khairuddin<sup>3</sup>

<sup>1</sup>Kolej Komuniti Ledang, normah@lecturer.kklej.edu.my

<sup>2</sup>Kolej Komuniti Ledang, sulaiha@lecturer.kklej.edu.my

<sup>3</sup>Kolej Komuniti Ledang, sabrina@lecturer.kklej.edu.my

### Abstrak

*Grease paper ruler* atau nama singkatannya, *GP Ruler* merupakan alat pengukur yang direka khas bagi memudahkan proses penyediaan alas acuan kek berbentuk bulat. *GP Ruler* ini dibuat bagi menambah baik mutu pembelajaran dan pengajaran (PdP) semasa bengkel amali dan dalam usaha mengatasi masalah pelajar tidak dapat menyediakan alas acuan kek dengan cepat dan efisien. Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan dengan tujuan untuk mengenal pasti keupayaan intervensi dalam membantu memudahkan pelajar menyediakan alas acuan kek berbentuk bulat dan mengenal pasti keupayaan intervensi dalam membantu meningkatkan kadar penghasilan alas acuan kek. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui kajian tindakan. Seramai 13 orang pelajar Sijil Pastri Semester Satu, Kolej Komuniti Ledang telah dipilih sebagai peserta kajian. Instrumen kajian yang telah digunakan untuk pengumpulan data terdiri daripada nota kajian lapangan ketika pemerhatian, catatan refleksi dalam jurnal pengkaji. Hasil kajian menunjukkan terdapat kesan positif daripada penggunaan intervensi dalam membantu pelajar menyediakan alas acuan kek berbentuk bulat dan meningkatkan kadar penghasilan alas acuan kek. Selain itu, hasil kajian menunjukkan penggunaan intervensi berupaya meningkatkan kepuasan bekerja dan profesionalisme pensyarah.

**Kata kunci:** GP Ruler, alas acuan kek, kolej komuniti

## Tahap Pencapaian Pelajar Bagi Kursus Matematik (SSM1022) Berdasarkan Analisis Hasil Pembelajaran Kursus (HPK)

Salina Mohamed<sup>1</sup>, Wan Faizah Wan Abdullah<sup>2</sup>, Afidah Alias<sup>3</sup>

<sup>1</sup>Kolej Komuniti Kuala Terengganu, salina@kkktu.edu.my

<sup>2</sup>Kolej Komuniti Kuala Terengganu, wanfaizah@kkktu.edu.my,

<sup>3</sup>Kolej Komuniti Kuala Terengganu, afidah@kkktu.edu.my

### Abstrak

Kursus Matematik (SSM 1022) merupakan satu kursus yang wajib diambil oleh pelajar dari Program Sijil Teknologi Elektrik (SKE), Program Sijil Servis Kenderaan Ringan (SKR) dan Program Sijil Teknologi Pembinaan Bangunan (STP) di Kolej Komuniti Kuala Terengganu. Kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti tahap pencapaian pelajar bagi kursus SSM 1022 sesi Jun 2019 dan sesi Disember 2019 berdasarkan Hasil Pembelajaran Kursus (HPK) serta mengkaji perbezaan tahap pencapaian pelajar berdasarkan program akademik (SKE, STP dan SKR) dan sesi pengajaran (Jun 2019 dan Disember 2019). Sampel kajian terdiri daripada 130 orang pelajar yang mengambil kursus Matematik (SSM 1022) bagi sesi Jun 2019 dan sesi Disember 2019. Data pelajar ini diperolehi daripada Laporan Analisis Hasil Pembelajaran menerusi Sistem Rekod Kehadiran Pelajar (SRKP), KKKT. Data dianalisis menggunakan statistik deskriptif dan statistik inferensi. Keputusan dari ujian kenormalan data mendapati kajian perlu menggunakan statistik non parametrik (ujian Friedman) bagi menjawab persoalan kajian. Dapatkan kajian menunjukkan tahap pencapaian pelajar bagi kursus SSM 1022 sesi Jun 2019 dan sesi Disember 2019 berdasarkan Hasil Pembelajaran Kursus (HPK) adalah pada tahap sangat cemerlang bagi HPK 3 dan pada tahap cemerlang bagi HPK 1 dan HPK 2 manakala terdapat perbezaan yang signifikan pencapaian matematik pelajar berdasarkan program akademik dan sesi pengajaran di mana pelajar dari program SKE lebih menguasai kursus Matematik berbanding pelajar program lain dan sesi Disember 2019 menunjukkan penurunan pencapaian pelajar berbanding sesi sebelumnya disebabkan wujudnya faktor pembelajaran secara atas talian yang menyumbang kepada kemerosotan pencapaian pelajar. Selanjutnya, pengkaji telah mencadangkan satu kajian lanjutan iaitu mengkaji kesan pembelajaran atas talian terhadap pencapaian matematik pelajar memandangkan pembelajaran dan pengajaran matematik dilakukan secara atas talian sepenuhnya pada sesi pengajaran Jun 2020 akibat pandemik COVID-19.

**Kata kunci:** Matematik; Hasil Pembelajaran Kursus (HPK)

## Information Seeking Behaviors Of Hospitality Students At Community College, Malaysia

Noor Azurah binti Abd Jalil<sup>1</sup>, Siti Fatimah binti Dzulkifli<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Kolej Komuniti Selayang, azurah.jalil@kkselayang.edu.my

<sup>2</sup>Kolej Komuniti Selayang, siti.fatimah@kkselayang.edu.my

### Abstract

A library's ability to provide effective information tools and facilities to meet students' information demands requires a study of their information seeking behaviour. The study's purpose is to examine hospitality students' information demands, information sources, behavioural information searching, library utilisation, and behavioural problem at Community College, Malaysia. A questionnaire was designed and administered to 311 sample to investigate the information seeking behaviors. The study highlights the positive aspects of seeking information from the student's perspective as well as the barriers they encountered when seeking course-related information. The study does not distinguish between year of students. The study stated that working along with the library is critical for college officials to resolve these issues so that students' information requirements are properly addressed and their academic performance is enhanced.

Keywords : Information need, information seeking behaviour, library use and information sources.

## Keberkesanan Penggunaan Inovasi Helaian Amali Dengan Teknologi Realiti Bertambah Berasaskan Web (HWebAR) Terhadap Pelajar Di Kolej Komuniti Bagan Datuk

Dr Rosmilawati Binti Ab Rahman<sup>1</sup>, Muhamad Azlin Bin Ismail <sup>2</sup>, Norzalina Binti Mohd Yusof<sup>3</sup>

<sup>1</sup>Kolej Komuniti Bagan Datuk, rosmilawati@kkbgd.edu.my

<sup>2</sup>Kolej Komuniti Bagan Datuk, azlin@kkbgd.edu.my

<sup>3</sup>Kolej Komuniti Bagan Datuk, norzalina@kkbgd.edu.my

### Abstrak

Produk inovasi gabungan realiti bertambah berasaskan Web (HWebAR) dengan helaian amali tradisional merupakan satu inovasi sesi pembelajaran dan pengajaran (PdP) yang direkabentuk untuk membantu pemahaman dan kemahiran pelajar Sijil Sistem Komputer dan Rangkaian (SSK). Kajian dilaksanakan bagi meninjau keberkesanan produk terhadap proses amali pelajar dari aspek keyakinan, motivasi dan kemahiran pelajar. Tinjauan elemen keberkesanan dilaksanakan dalam kalangan 40 orang pelajar Kolej Komuniti Bagan Datuk semester dua (2) yang sebelum ini menggunakan kertas amali konvensional tanpa elemen web realiti tambahan. Rekabentuk kajian ialah kuasi eksperimen di mana 2 kumpulan terlibat iaitu kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan yang dijalankan selama empat minggu. Kumpulan pelajar rawatan terdiri daripada 20 orang manakala 20 orang kumpulan pelajar kawalan. Kumpulan rawatan menjalani kaedah PdP menggunakan HWebAR manakala kumpulan kawalan secara konvensional. Data dianalisis menggunakan perisian IBM Statistical Package for Science Social (SPSS) versi 20 dengan ujian-t. Dapatkan ini menunjukkan prestasi pencapaian amali satu pelajar bagi kursus Teknologi Rangkaian ketara meningkat dengan penggunaan teknologi realiti luasan (AR) melalui HWebAR dalam PdP. Pencapaian amali kumpulan rawatan adalah lebih baik daripada kumpulan kawalan. Rumusannya, penggunaan Teknologi AR melalui HWebAR dalam PdP berjaya meningkatkan pencapaian akademik pelajar khususnya dalam pencapaian amali. Rumusannya penggunaan Teknologi AR melalui HWebAR sebagai satu kaedah baharu telah berjaya merangsang pelajar bertindak dan melaksanakan kerja amali secara kendiri dan seterusnya menjadikan sesi PdP amali Teknologi Rangkaian lebih menarik.

Kata Kunci: menyeronokkan, motivasi, menarik dan Teknologi AR

## Sikap Pelajar Terhadap Aplikasi Kahoot Dalam Pembelajaran

Heather Valarie Benilus

Politeknik Kota Kinabalu, heather@polikk.edu.my

### Abstrak

Bagi memastikan proses pembelajaran pada abad ke-21 ini berjalan dengan lancar, para pendidik perlu kreatif untuk memastikan penumpuan para pelajar. Terdapat beberapa aplikasi yang boleh membantu para pendidik dalam pengajaran; antaranya adalah aplikasi Kahoot. Kajian ini dijalankan dijalankan untuk menilai sejauh mana sikap pelajar terhadap aplikasi Kahoot dalam pembelajaran. Sampel untuk kajian ini adalah seramai 125 orang pelajar yang terdiri daripada pelajar Jabatan Perdagangan, Politeknik Kota Kinabalu. Responden bagi kajian ini adalah pelajar dari ketiga-tiga kursus kursus yang terdapat di Jabatan Perdagangan Politeknik Kota Kinabalu. Instrument analisis bagi kajian ini adalah dengan menggunakan borang kaji selidik yang diedarkan secara dalam talian. Secara keseluruhannya, hasil dapatkan menunjukkan penerimaan Kahoot di kalangan Politeknik Kota Kinabalu adalah sederhana. Politeknik adalah sederhana. Beberapa cadangan juga akan dibincangkan dalam kajian ini.

**Kata Kunci:** Politeknik Kota Kinabalu, Proses Pengajaran dan Pembelajaran, Aplikasi Kahoot

## Kesan Aktiviti Kokurikulum Sukan Terhadap Pembinaan Kesedaran Emosi Pelajar

Suraya Hani binti Kamarolzaman<sup>1</sup>, Nur Aslinda Binti Abdul Rahman <sup>2</sup>,

<sup>1</sup> Kolej Komuniti Kota Melaka, surayahanikamarolzaman@outlook.com

<sup>2</sup> Kolej Komuniti Kota Melaka, misslinda\_kkkm@yahoo.com

### Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti kesan aktiviti kokurikulum sukan terhadap pembinaan kecerdasan emosi pelajar. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dalam penyelidikan temubual untuk mendapatkan dapatan dalam penyelidikan ini. Metodologi yang digunakan dalam penyelidikan ini adalah temubual, di mana persampelan kajian terdiri daripada pelajar yang telah mengambil matapelajaran Kokurikulum. Mereka terdiri daripada kalangan pelajar berumur 18 tahun hingga 19 tahun. Teknik persampelan ‘purposive’ digunakan untuk memilih pelajar-pelajar dalam kajian ini. Dapatkan kajian merumuskan bahawa murid-murid perlu diberi pendedahan positif terhadap kepentingan kokurikulum agar mereka terus yakin dan maju dalam aktiviti-aktiviti kokurikulum yang diminati ataupun diceburi. Penglibatan pelajar dalam kokurikulum dapat membantu bagi mencorakkan kemahiran generik pada diri pelajar sebagai bekalan dalam mempromosikan diri di alam pekerjaan. Hasil kajian ini diharapkan dapat memberikan input kepada pihak kementerian dan pengurusan Kolej Komuniti Kota Melaka untuk merancang strategi dan program agar dapat memberi ruang dan peluang kepada pelajar untuk cemerlang dalam bidang kokurikulum. Kokurikulum juga membantu mencungkil dan mengembangkan bakat pelajar dalam bidang yang mereka minati. Di samping itu, kepemimpinan kolej juga harus melihat dua petunjuk penting iaitu keberkesanam amalan kepemimpinan dan komitmen penglibatan pelajar sebagai hasil yang termaktub dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

**Kata kunci:** Kokurikulum, kecerdasan emosi, kepimpinan, pendedahan positif

## Keberkesan Aplikasi Pembelajaran Mobil PeLaWe Dalam Kursus Pembangunan Laman Web di Kolej Komuniti

Mohd Fadli Ahdon<sup>1</sup>, Nurraihan Md Ramly<sup>2</sup>, Mohd Noor Arif Abdullah<sup>3</sup>

<sup>1</sup> Kolej Komuniti Arau, fadlie187@gmail.com

<sup>2</sup> Kolej Komuniti Arau, nur.ann77@gmail.com

<sup>3</sup> Kolej Komuniti Arau, arifsyukran\_lillah@yahoo.com.sg

### Abstrak

Pembangunan Laman Web merupakan salah satu kursus di Kolej Komuniti bagi program Sijil Sistem Komputer dan Rangkaian (SSK). Berdasarkan kajian rintis yang dijalankan sebelum kajian, sebanyak 78.7% pelajar mengalami masalah dalam memahami konsep-konsep yang terdapat dalam kursus ini kerana mengalami masalah dalam mengingati istilah dan fakta yang diterangkan. Ini ditambah pula dengan kurangnya tumpuan di dalam kelas yang menyebabkan para pelajar memerlukan waktu tambahan untuk mereka membuat ulangkaji dan pembelajaran kendiri (*self-learning*). Sehubungan dengan itu satu aplikasi mobil telah dibangunkan yang dikenali sebagai *PeLaWe: Pembangunan Laman Web Apps* yang membolehkan pelajar untuk belajar tanpa sempadan tempat dan masa. Aplikai *PeLaWe* bertujuan untuk menarik minat dan motivasi pelajar untuk mempelajari kursus pembangunan laman web dengan lebih mendalam menerusi penggunaan elemen grafik dan interaktiviti yang disediakan. Untuk mengkaji keberkesan aplikasi *PeLaWe*, satu kajian telah dijalankan ke atas dua puluh (20) pelajar semester dua (2) Program Sijil Sistem Komputer dan Rangkaian di Kolej Komuniti Arau yang mempelajari kursus SSK2013 Pembangunan Laman Web untuk melihat kesan penggunaan aplikasi *PeLaWe* ke atas sikap, motivasi dan kecekapan kendiri pelajar. Untuk tujuan ini, jumlah markah yang diperolehi oleh pelajar sebelum dan selepas aplikasi *PeLaWe* digunakan telah dibandingkan melalui ujian pra dan pasca. Hasil dapatan mendapatkna kenaikan markah sebanyak 29% dari 55% dalam ujian pra ke 84% dalam ujian pasca. Selain itu, Ujian T turut dijalankan ke atas kumpulan kawalan dan kumpulan eksperimen untuk menguji tahap motivasi dan sikap pelajar semasa menggunakan aplikasi *PeLaWe*. Hasil ujian mendapatkna penggunaan aplikasi *PeLaWe* dapat meningkatkan motivasi dan sikap pelajar dalam menjadikan aplikasi *PeLaWe* sebagai alat *self-learning* untuk kursus Pembangunan Laman Web di Kolej Komuniti. Sehubungan dengan itu, kajian lanjutan boleh dilaksanakan pada masa hadapan dalam mengatasi kekangan yang telah dikenalpasti semasa kajian serta menambah baik aplikasi *PeLaWe* sebagai alat pembelajaran mobil yang berkesan dalam menarik minat dan motivasi pelajar mempelajari kursus Pembangunan Laman Web.

**Kata Kunci:** Pembelajaran Mobil, Pembangunan Laman Web, *Mobile Learning*, Pembelajaran Maya.

## Persepsi di Kalangan Pelajar Mengenai Keberkesan Pembelajaran Berasaskan Simulasi Dalam Pembelajaran Pengurusan Gudang

Khairunnisa Yahaya<sup>1</sup>, Umikalthum Zulkefly<sup>2</sup>

<sup>1</sup> Politeknik Nilai, khairunnisa.pns@celt.edu.my

<sup>2</sup> Politeknik Nilai, umikalthum.zul@gmail.com

### Abstrak

Pembelajaran secara simulasi mengintegrasikan kemahiran kognitif, psaikomotor dan afektif ke dalam lingkungan persekitaran yang realistik. Walau bagaimanapun, adalah menjadi suatu kepentingan untuk memeriksa persepsi pelajar terhadap penggunaan simulasi dalam proses pembelajaran mereka dan sejauh mana aktiviti simulasi boleh mempengaruhi pencapaian hasil pembelajaran yang berkesan. Objektif kajian ini adalah untuk menilai persepsi pelajar terhadap penggunaan simulasi dalam pembelajaran logistik khususnya Pengurusan Gudang. Kaedah kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif di mana persampelan bertujuan dan selektif diambil dari tiga institusi iaitu Politeknik Nilai, Politeknik Kota Kinabalu dan Politeknik Seberang Perai. Ketiga-tiga institusi ini menawarkan program diploma dalam bidang logistik dan rantaian bekalan. Seramai 269 orang pelajar ditinjau dari tiga institusi tersebut; dimana pelajar Politeknik Nilai menyumbang 42.8%; diikuti oleh pelajar Politeknik Seberang Perai 37.5%; dan pelajar Politeknik Kota Kinabalu 19.7%. Soal selidik diedarkan kepada responden dan tinjauan dibuat dalam skala jenis Likert yang terdiri dari skala *extent* dan skala *agreement*. Analisis data dikumpulkan melalui penggunaan aplikasi SPSS bagi mendapatkan nilai peratusan persepsi pelajar terhadap penggunaan simulasi dapat meningkatkan kualiti hasil pembelajaran mereka. Hasil kajian menunjukkan 68.5% pelajar bersetuju dan 31.5% sangat bersetuju dengan keberkesan penggunaan simulasi terhadap hasil pembelajaran pengurusan gudang. Ini menunjukkan pembelajaran berdasarkan simulasi mempengaruhi pencapaian hasil pembelajaran kursus berkaitan Logistik dan seterusnya meningkatkan hasil pembelajaran program Diploma Pengurusan Logistik dan Rantaian Bekalan.

**Kata Kunci:** Simulasi, pembelajaran, hasil pembelajaran

## **Keberkesanan Aircond Smart Controller Dalam Modul Pendawaian Motor Elektrik AT & AU Fasa Tunggal, Sijil Teknologi Elektrik**

Khairul hisham Karim<sup>1</sup>, Suzzana Noordin <sup>2</sup>, Hisamudin Mat Som<sup>3</sup>

<sup>1</sup> Kolej Komuniti Sungai Siput, shamkarim10@gmail.com

<sup>2</sup> Kolej Komuniti Sungai Siput, suzzananoordin617@gmail.com

<sup>3</sup> Kolej Komuniti Sungai Siput, hmsacx7677@yahoo.com.my

### **Abstrak**

Alat bantu mengajar direka untuk meningkatkan keberkesanan dan pemahaman terhadap pelajar. Ia akan merangsang kecenderungan visual pelajar didalam kelas. Pelajar akan lebih berminat untuk mengikuti proses pembelajaran berbanding kaedah lama. Tujuan kajian ini dilakukan adalah untuk menentukan sejauh mana keberkesanan alat sistem pendawaian Smart Aircond Controller kepada peningkatan kefahaman pelajar semester 1 Kolej Komuniti Sungai Siput didalam modul Pendawaian Motor Elektrik AT dan AU Fasa Tunggal. Beberapa ujian dan soal selidik telah dijalankan terhadap 25 orang pelajar semester 1 pada sebelum dan selepas menggunakan kit ini. Dari kajian ini mendapatkan bahawa terdapat peningkatan kefahaman pelajar terhadap subjek yang diambil dan pelajar lebih berminat untuk mempelajari modul Pendawaian Motor AT dan AU Fasa Tunggal. Dari daptan kajian ini juga, diharapkan agar pensyarah mencari kaedah yang berkesan dalam penyampaian pengajaran dan pembelajaran.

Kata kunci: Aircond Smart Controller, tahap pemahaman pelajar.

## **Pelaksanaan Pembelajaran Atas Talian Kursus Electronic Computer Aided Design (ECAD) Sepanjang Pandemik Covid-19: Perspektif Pelajar**

Zaharudin Md Dawam

Politeknik Ibrahim Sultan, din@pis.edu.my

### **Abstrak**

Pembelajaran atas talian pada masa kini telah berkembang pesat dan meliputi pelbagai peringkat institusi pendidikan. Penggunaan pelbagai sumber teknologi maklumat dan komunikasi telah menjadikan ia sebagai pilihan kepada pelajar untuk mengikuti aktiviti pembelajaran. Namun begitu, masih wujud kekangan yang melibatkan banyak aspek dalam memastikan pembelajaran atas talian efektif untuk pelajar. Kajian yang dijalankan ini bertujuan untuk mengetahui perspektif pelajar terhadap pelaksanaan pembelajaran atas talian kursus *Electronic Computer Aided Design (ECAD)*. Kajian ini melibatkan sampel 95 pelajar Jabatan Kejuruteraan Elektrik, Politeknik Ibrahim Sultan yang mengambil kursus ini pada semester tiga sepanjang sesi Jun 2020. Kajian ini adalah berbentuk kuantitatif yang menggunakan kaedah tinjauan deskriptif dengan menggunakan nilai min. Borang soal selidik telah digunakan sebagai instrumen kajian. Terdapat dua aspek yang dikaji iaitu kaedah pelaksanaan pembelajaran atas talian dan kesediaan kandungan bahan pembelajaran atas talian. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa aspek kaedah pelaksanaan pembelajaran atas talian berada pada tahap tinggi (3.81), manakala aspek kesediaan kandungan bahan pembelajaran atas talian berada pada tahap sederhana (3.52). Justeru itu, langkah-langkah bagi penambahbaikan perlu dipergiat dari semasa ke semasa. Aspek pelaksanaan dan kesediaan bahan pembelajaran memerlukan masa dan komitmen. Para pensyarah dan pelajar perlu mengambil peranan masing-masing demi memastikan aktiviti pengajaran dan pembelajaran atas talian lebih berkesan dan menjadi satu kebiasaan baru pada masa akan datang.

Kata kunci: Perspektif, Pelaksanaan Pembelajaran Atas Talian, Bahan Pembelajaran atas talian

## Aplikasi Teknologi Realiti Maya Dalam Pembelajaran Untuk Kursus Teknologi Pembinaan Bagi Pelajar Program Sijil Teknologi Senibina

Noor Azah binti Abdul Raman<sup>1</sup>, Farhana binti Safar<sup>2</sup>, Mohd Hafiz bin Hashim<sup>3</sup>

<sup>1</sup>Kolej Komuniti Jasin, azahraman@gmail.com

<sup>2</sup>Politeknik Ibrahim Sultan, , chaostique0205@gmail.com

<sup>3</sup>Kolej Komuniti Jasin, hafiz6983@gmail.com

### Abstrak

Pendidikan adalah asas bagi masyarakat yang berkembang maju. Pemindahan pengetahuan telah menjadi keutamaan bagi peradaban sejak awal lagi. Pelbagai kaedah penyampaian berkesan diperlukan untuk membuat pemindahan pengetahuan dengan lebih mudah, lebih cepat, dan lebih berkesan sejajar dengan cabaran Revolusi Industri 4.0. Pengenalan kepada penggunaan teknologi realiti maya atau *Virtual Reality (VR)* dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) ialah salah satu pendekatan eksploratif kepada para pelajar dalam dunia pendidikan. Keperluan teknologi realiti maya dalam jurusan senibina adalah untuk meningkatkan pemahaman pelajar terhadap bahan binaan, struktur dan komponen bangunan. Antara masalah yang dihadapi oleh para pelajar adalah pelajar sukar untuk memahami proses pembinaan bangunan, mereka juga sukar membuat lawatan ke tapak pembinaan di atas faktor keselamatan dan penularan wabak COVID-19. Kaedah penyampaian yang lebih berkesan diperlukan dalam PdP untuk mencapai hasil pembelajaran kursus (CLO) yang lebih efektif, di mana pelajar dapat merasai pengalaman pembelajaran eksploratif di tapak pembinaan. Objektif kajian ini adalah untuk mendapat maklum balas para pelajar terhadap pengalaman pembelajaran eksploratif realiti maya terhadap topik-topik yang dipelajari dalam Kursus Teknologi Pembinaan 1 (STS 1032). Oleh itu, kajian awal telah dijalankan ke atas para pelajar semester 1 Sijil Teknologi Senibina sebagai responden. Metodologi kajian adalah menghasilkan video 360° dan seterusnya digunakan dalam proses pembelajaran menggunakan peranti kepala realiti maya. Borang kaji selidik menggunakan Skala Likert 5 mata digunakan untuk mengenal pasti persepsi awal keberkesanan penggunaan realiti maya. Analisis data dibuat menggunakan statistik deskriptif bagi mendapatkan nilai peratus kebolehgunaan realiti maya sebagai alat bantuan pembelajaran abad ke-21. Hasil kajian mendapati bahawa penerapan teknologi realiti maya secara kolaboratif dapat menarik minat pelajar dalam pembelajaran di dalam kelas.

**Kata kunci:** Revolusi Industri 4.0, *Virtual Reality (VR)*, pendekatan eksploratif

## Pengurusan Lean: Penambahbaikan dalam Pengajaran Lipatan Napkin bagi Modul Basic Food and Beverage Skills

Siti Syazana binti Muhammad Saufi<sup>1</sup>, Norasmawati binti Mohd Noor<sup>2</sup>, Rosnita binti Husin<sup>3</sup>

<sup>1</sup>Kolej Komuniti Bukit Beruang, syazana.kkbbm@celt.edu.my

<sup>2</sup>Kolej Komuniti Bukit Beruang, norasmawati.kkbbm@celt.edu.my

<sup>3</sup>Kolej Komuniti Bukit Beruang, rosnila.kkbbm@celt.edu.my

### Abstrak

Modul *Basic Food and Beverage Skills* telah direka bentuk bagi pelajar menguasai kemahiran dalam penyajian makanan dan minuman dan ditawarkan kepada pelajar semester satu. Antara kemahiran asas yang akan didedahkan kepada para pelajar adalah kemahiran dalam melaksanakan lipatan napkin atau *napkin folding*. Sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) kemahiran lipatan napkin ini, tempoh masa yang diambil adalah melebihi dari jangkaan sepatutnya. Lantaran itu, intervensi pengurusan lean telah dimasukkan di dalam proses pengajaran dan pembelajaran lipatan napkin. Kajian ini dilaksanakan untuk menganalisis Peta Aliran Nilai (*Value Stream Map-VSM*) sebelum pelaksanaan penambahbaikan kaedah pengajaran lipatan napkin. Kajian ini juga bertujuan untuk mengenal pasti penambahbaikan selepas pelaksanaan projek lean berkaitan pengajaran lipatan napkin melalui inovasi *Napkin Folding Kit (NF Kit)*. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan menggunakan analisis dokumen pelaksanaan kelas pada 25 Ogos 2020. Kaedah analisis yang digunakan dalam kajian ini adalah kaedah kuantitatif iaitu melalui Peta Aliran Nilai (*Value Stream Map – VSM*) disamping penggunaan inovasi *Napkin Folding Kit (NF Kit)* yang menggunakan kaedah kaizen. Hasil kajian menunjukkan melalui pengurusan lean dalam pengajaran lipatan napkin, proses pengajaran dan pembelajaran telah berkurang dari enam proses kepada tiga proses sahaja. *Process time* bagi sesi pengajaran dan pembelajaran juga telah dapat dijimatkan sebanyak 76.71% dan *performance excellence* meningkat dari 39.7% kepada 95.5% berbanding masa yang digunakan sebelum pendekatan ini dilaksanakan.

**Kata kunci:** Pengurusan lean; pengajaran dan pembelajaran; lipatan napkin; *napkin folding*

## Kesediaan Pelajar Kolej Komuniti Paya Besar Terhadap Pendekatan Pembelajaran Teradun

Noorasmahwati Binti Md Diah<sup>1</sup>, Ayu Hasnidah Binti Zainudin<sup>2</sup> & Norita Binti Ahmad<sup>3</sup>

<sup>1</sup> Kolej Komuniti Paya Besar, asmahwati83@gmail.com

<sup>2</sup> Kolej Komuniti Paya Besar, ayu\_elle83@yahoo.com

<sup>3</sup> Kolej Komuniti Paya Besar, eta305@yahoo.com.my

### Abstrak

Pendidikan merupakan penyumbang utama kepada pembangunan modal sosial dan ekonomi negara. Namun, penularan pandemik Covid-19 telah memberi impak yang besar kepada sektor pendidikan. Penutupan sementara institusi pendidikan mengikut situasi semasa penularan wabak telah mencetus kepada keperluan perlaksanaan perubahan gaya dalam pengajaran dan pembelajaran (P&P). Ini bagi memastikan supaya pembelajaran boleh diteruskan dan para pelajar tidak ketinggalan dalam dunia pendidikan. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji kesediaan pelajar di Kolej Komuniti Paya Besar (KKPB) dan Kolej Komuniti Cawangan Maran (KKCM) terhadap pendekatan pembelajaran teradun (*blended learning*) iaitu pendekatan gabungan yang melibatkan interaksi dalam bilik darjah dan juga penggunaan teknologi untuk menyampaikan pengajaran. Kajian dijalankan secara kuantitatif iaitu dengan mengedarkan borang soal selidik secara atas talian dengan menggunakan aplikasi *Google Forms*. Manakala data dianalisis dengan menggunakan perisian Microsoft Excel 2016. Seramai 110 orang responden terdiri daripada para pelajar dari Program Sijil Teknologi Elektrik (SKE), Sijil Teknologi Maklumat (STM), Sijil Multimedia Kreatif Pengiklanan (SMP) dan Sijil Sistem Komputer dan Rangkaian (SSK) bagi sesi Disember 2020 telah menjawab soal selidik ini. Hasil penemuan kajian mendapat pelajar bersedia dan menyokong kaedah pembelajaran teradun. Kesimpulannya, usaha ke arah mengaplikasikan kaedah P&P berasaskan pembelajaran teradun perlu dipergiatkan di kalangan pensyarah serta pelajar. Ini untuk membolehkan mereka mengikuti sesi P&P dengan lebih baik serta mahir menggunakan teknologi terkini yang turut menyokong kaedah P&P secara atas talian. Selain itu, ia dapat mewujudkan suasana pembelajaran dalam kelas yang lebih menarik dan teratur.

**Kata Kunci :** Kesediaan pelajar, Kolej Komuniti, pembelajaran teradun (*blended learning*)

## Keberkesanan Penggunaan Aplikasi *Flipaclip* dalam Sesi Pembelajaran Atas Talian Bagi Pelajar Program Sijil Animasi 2D di Kolej Komuniti Segamat

Nik Fatin Nadirah Nik Mohamad Saberi<sup>1</sup>, Ibrahim Mohd Arif<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Kolej Komuniti Segamat, nikfatin nadirah@kkseg.edu.my

<sup>2</sup>Kolej Komuniti Segamat, ibrahimmohdarif@kkseg.edu.my

### Abstrak

*Flipaclip* merupakan satu aplikasi telefon yang boleh dimuat turun secara percuma untuk membuat animasi 2D kerana mengandungi peralatan (*tools*) sesuai dan menarik kepada penggunanya. Antaramuka aplikasi *Flipaclip* juga menawarkan pengalaman terbaik dalam menghasilkan animasi 2D yang kreatif dan menarik. Penggunaan aplikasi telefon pintar pada masa kini adalah sejarah dengan perkembangan teknologi yang mampu bergerak seiring dengan perisian komputer. Ketika pandemik Covid-19 menular, industri pendidikan turut terkesan apabila terdapat bidang yang memerlukan penggunaan perisian tertentu dalam proses pembelajaran dan pengajaran (PdP) tidak dapat diteruskan. Apabila pihak institusi melaksanakan pembelajaran dan pengajaran dalam talian (PdPDT), segelintir pelajar tidak mempunyai peralatan dan perisian lengkap apabila berada di rumah seperti kemudahan yang terdapat di kampus. Justeru itu, kajian ini bertujuan untuk mengetahui keberkesanan penggunaan aplikasi *Flipaclip* bagi menggantikan perisian komputer serta membantu seramai 22 orang pelajar Sijil Animasi 2D di Kolej Komuniti Segamat pada sesi PdPDT ketika Pandemik Covid-19. Kaedah kajian yang digunakan adalah secara kuantitatif dengan pengumpulan data soal selidik melalui *Google Form*. Hasil dapatan soal selidik dianalisis menggunakan perisian SPSS (*Statistical Packages for the Social Science*) versi 26. Nilai skor min dan interpretasi berada di tahap tinggi bagi keseluruhan pernyataan soal selidik kajian ini. Secara kesimpulannya, hasil dapatan kajian yang berada di tahap tinggi menunjukkan keberkesanan penggunaan aplikasi *Flipaclip* untuk menggantikan perisian komputer pada sesi PdPDT kepada pelajar Sijil Animasi 2D dalam subjek Asas Animasi 2D adalah baik.

**Kata Kunci:** *Flipaclip*; aplikasi; PdP; animasi 2D.

## Tahap Pemahaman Pelajar Terhadap Pembaharuan Amali Menggunakan Simulasi Circuitverse Bagi Kursus Digital Electronics

Suzeyhareda Abd Hamid<sup>1</sup>, Noraihan Isa<sup>2</sup>

<sup>1</sup> Politeknik Merlimau, suzeyhareda\_h@pmm.edu.my

<sup>2</sup> Politeknik Merlimau, noraihan@pmm.edu.my

### Abstrak

Cabarannya utama sektor pendidikan TVET ketika era pandemik COVID-19 ialah memastikan latihan amali dapat dilaksanakan berikutnya peralihan kaedah pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian sepenuhnya (PDPdT) atau secara hybrid bagi mengekang penularan wabak. Sebelum berlakunya pandemik, tiada perlaksaan amali secara simulasi, ini kerana semua amali adalah secara bersemuka, dimana menggunakan kaedah konvensional yang dipraktikkan iaitu menggunakan fasiliti makmal yang keadaannya sudah uzur dan memerlukan penyelenggaraan serta tempoh perlaksanakan amali yang lama. Selain itu, permasalahan yang timbul adalah akses yang terhad terhadap fasiliti makmal dengan pematuhan SOP serta penjarakan fizikal. Kajian ini menyelidik perlaksanaan simulasi *CircuitVerse* bagi pembaharuan perlaksaan amali untuk kursus *Digital Electronics* terutama yang melibatkan litar digital. Pembaharuan amali ialah dengan menggunakan sumber terbuka internet browser based iaitu *Online digital logic simulator*; *CircuitVerse*. Hasilnya pelajar lebih mudah dan selesa melaksanakan amali secara dalam talian menggunakan simulasi *CircuitVerse* dengan panduan yang diberikan oleh pensyarah menggunakan video sebagai alat bantu mengajar. Faedah yang diperolehi dengan pembaharuan amali secara simulasi ini adalah dapat mengurangkan kebergantungan kepada asset makmal, lebih efektif dan akses penggunaan teknologi secara maya.

**Kata kunci:** PDPdT: *digital logic simulator*; *CircuitVerse*; *Digital Electronics*

## Persepsi Pelajar Terhadap Pengajaran Dan Pembelajaran Secara *Online* Menggunakan Aplikasi Edpuzzle di Kolej Komuniti Pasir Salak

Mohd Nabil Bin Burhanudin<sup>1</sup>, Norazmira Binti Abd Rahman<sup>2</sup>, Mohamad Syahril Bin Mat Saad<sup>3</sup>

<sup>1</sup> Kolej Komuniti Pasir Salak, nabil@kkpsa.edu.my

<sup>2</sup> Kolej Komuniti Pasir Salak, norazmira@kkpsa.edu.my

<sup>3</sup> Kolej Komuniti Pasir Salak, syahril@kkpsa.edu.my

### Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti persepsi pelajar dalam penggunaan aplikasi EdPuzzle bagi modul STM 2023 Asas Rangkaian Komputer di Kolej Komuniti Pasir Salak. Penyelidik menggunakan aplikasi ini untuk menerangkan topik satu iaitu Pengenalan Kepada Rangkaian. Kaedah tinjauan dengan menggunakan soal selidik berskala Likert lima pilihan telah digunakan bagi mengenal pasti persepsi pelajar terhadap penggunaan aplikasi EdPuzzle. Seramai 22 orang pelajar semester dua dari Program Sijil Teknologi Maklumat, Kolej Komuniti Pasir Salak, Perak (KKPS) telah dipilih sebagai responden kajian. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif untuk menilai persepsi pelajar terhadap penggunaan aplikasi ini. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa pelajar sangat berpuas hati menggunakan aplikasi EdPuzzle dalam sesi pengajaran dan pembelajaran mereka. Pelajar menyatakan bahawa aplikasi ini dapat memberikan pengetahuan kepada mereka secara interaktif dan mesra pengguna. Selain itu, mereka juga bersetuju bahawa ia dapat memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran mereka terhadap topik yang diajar. Justeru itu, penggunaan aplikasi Edpuzzle ini berpotensi untuk digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran bagi Modul Asas Rangkaian Komputer Kolej Komuniti Malaysia.

**Kata kunci:** Aplikasi; interaktif; pengetahuan; persepsi



## Tahap Kesediaan Pensyarah Melaksanakan Pengajaran Dan Pembelajaran Kursus Pendek Secara Dalam Talian Di Kolej Komuniti Rompin

Noor Azhar Abd Wahab<sup>1</sup>, Natasha Noremilia Othman<sup>2</sup>, Mohd Zulfakar Mohd Nawi<sup>3</sup>

Kolej Komuniti Rompin, noorazharabd wahab@gmail.com

Kolej Komuniti Rompin, noremilianatasha@yahoo.com

Kolej Komuniti Rompin, zuy.mzmn@gmail.com

### Abstrak

Kajian ini dijalankan bertujuan bagi mengenal pasti sejauh mana kesediaan para pensyarah di Kolej Komuniti Rompin terhadap Pembelajaran dan Pengajaran (PdP) bagi perlaksanaan kursus pendek secara dalam talian berbanding kaedah konvensional iaitu pembelajaran secara bersemuka. Kajian ini dilaksanakan dalam bentuk kuantitatif dengan menggunakan kaedah secara tinjauan. Instrumen kajian menggunakan set soal selidik yang dibina menggunakan *Google Form*. Borang soal selidik ini mengandungi 4 soalan dibahagian A, 8 soalan dibahagian B dan 7 soalan dibahagian C. Penggunaan skala likert 5-mata digunakan bagi menjawab setiap soalan di bahagian B dan C. Seramai 36 pensyarah Kolej Komuniti Rompin telah dipilih sebagai sampel kajian dengan menggunakan persampelan secara rawak. Kajian ini memfokuskan kepada (1) tahap pengetahuan pensyarah tentang pengajaran dan pembelajaran (PdP) kursus pendek secara dalam talian serta (2) tahap kesediaan pensyarah untuk mengajar kursus pendek secara dalam talian. Data yang diperolehi dianalisa bagi mendapatkan nilai peratus dan skor min menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) versi 26.0. Secara keseluruhannya dapatan kajian ini diharap dapat membantu untuk membuktikan kursus pendek mampu dijalankan secara dalam talian di KKRP sebagai medium pembelajaran di norma baru, serta melihat bersedia atau tidak para pensyarah untuk mengajar kursus pendek secara dalam talian.

**Kata:** pengajaran dalam talian, pensyarah, kursus pendek

## Tahap Kepuasan Pelajar Terhadap Kemudahan Fizikal dan Sumber Pendidikan Pengajaran dan Pembelajaran bagi Pelajar Program Teknologi Elektrik di Kolej Komuniti Sungai Siput

Hasnorliza Binti Abdul Hamid,<sup>1</sup>Zaleha Binti Ridzwan,<sup>2</sup>Abdul Hardy Bin Suparna<sup>3</sup>

<sup>1</sup> Kolej Komuniti Sungai Siput, hasnorliza11@gmail.com

<sup>2</sup>Kolej Komuniti Sungai Siput, zaleharidzwan@gmail.com

<sup>3</sup>Kolej Komuniti Sungai Siput, hardykkbb@gmail.com

### Abstrak

Perkhidmatan yang berkualiti dalam sesebuah organisasi dan kemudahan fizikal yang dapat memenuhi keperluan pelanggan akan memberi kepuasan dan juga menyumbang ke arah peningkatan kualiti pendidikan jika ia mencukupi,sesuai dan diselenggara dengan baik. Sejarah dengan teras strategik politeknik dan kolej komuniti yang kedua iaitu memantapkan governan yang responsif dan mampan dimana penambahbaikan operasi secara berterusan dapat dilaksanakan terhadap kualiti penyampaian, produktiviti dan kecekapan institusi. Persekutaran pembelajaran seperti peralatan bengkel dan bahan kerja amali yang mencukupi, ruang bengkel yang bersesuaian, kualiti pengudaraan dan faktor keselamatan perlu ditekankan bagi menjadikan bengkel dan makmal sebagai tempat pengajaran dan pembelajaran yang kondusif.Kehendak dan kepuasan pelajar adalah sangat penting dalam kemajuan organisasi kerana mereka adalah pelanggan kepada institusi pendidikan tersebut. Oleh itu,bagi mengukur tahap kepuasan pelajar terhadap kemudahan fizikal dan sumber pendidikan pengajaran dan pembelajaran yang disediakan di Kolej Komuniti Sungai Siput maka kajian ini telah dilaksanakan keatas 118 pelajar Sijil Teknologi Elektrik bagi sesi pengajaran Julai 2017 sehingga Disember 2019.Penggunaan soal selidik sebagai kaedah kajian berbentuk tinjauan telah dipilih dan hasil dapatan dianalisis menggunakan SPSS 23.0 bagi mendapatkan laporan berbentuk peratusan,sisihan piawai dan min.Dapatkan menunjukkan kesemua item yang diukur adalah pada tahap tinggi iaitu dalam julat min 3.50-4.49. Tahap kepuasan pelajar terhadap pengudaraan dan kebersihan makmal,bengkel dan bilik kuliah berada pada kedudukan min tertinggi iaitu 4.28 diikuti faktor keselamatan iaitu 4.26, peralatan dan keperluan kerja amali semasa pengajaran dan pembelajaran iaitu 4.06 dan kepuasan pelajar terhadap ruang pembelajaran akademik mendapat min terendah iaitu 3.96. Antara cadangan yang dipanjangkan kepada pengurusan KKSS adalah menaiktaraf kemudahan fizikal,menyelenggara kemudahan dan peralatan kerja amali serta memohon peruntukan bagi pembelian perabot dan peralatan kerja amali yang baru. Cadangan ini diharap dapat melahirkan pelajar yang holistik,berketrampilan dalam bidang elektrik dan menepati kehendak industri.

**KataKunci:** Tahap kepuasan,Kemudahan dan perkhidmatan, makmal

## Kesediaan Pelajar Terhadap Revolusi Industri 4.0 Dalam Kalangan Pelajar Kolej Komuniti Malaysia

Siti Fatimah Dzulkifli<sup>1</sup>, Nor Azurah Abd Jalil<sup>2</sup>

<sup>1</sup> Kolej Komuniti Selayang, siti.fatimah@kkselayang.edu.my

<sup>2</sup> Kolej Komuniti Selayang, azurah.jalil@kkselayang.edu.my

### Abstrak

Kolej Komuniti merupakan salah satu institusi yang menawarkan pembelajaran Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) yang ada di Malaysia. Kemunculan Revolusi Industri 4.0 telah memberi satu lonjakan baharu kepada sistem pembelajaran TVET Kolej Komuniti secara keseluruhannya disamping ke arah menjadi peneraju institusi TVET yang unggul. Revolusi industri, istilah ini diperkenalkan oleh ahli sejarah terkenal, Arnold Toynbee (1889-1975). Terdapat empat revolusi industri dari revolusi perindustrian pertama hingga yang keempat. Penyelidikan ini memfokuskan pada kesediaan pelajar untuk menghadapi Revolusi Industri 4.0. Kesediaan pengetahuan dan cabaran Revolusi Industri 4.0 dapat membolehkan pelajar merancang secara komprehensif serta meningkatkan pengetahuan terhadap revolusi industri 4.0 untuk mereka menghadapi teknologi serba canggih. Revolusi Industri 4.0 juga dapat mengatasi kebergantungan pada tenaga sumber yang akan mengubah masa depan dunia pekerjaan dengan ketara. Sehubungan dengan itu, satu kajian dilakukan terhadap 336 pelajar Sijil Kolej Komuniti dalam tiga bidang pengajian iaitu bidang Kulineri, Operasi Perhotelan dan Fesyen Pakaian. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti pengetahuan, sikap, minat dan kesediaan pelajar untuk menghadapi cabaran Revolusi Industri 4.0. Kajian deskriptif ini menggunakan soal selidik berdasarkan Skala Likert. Data itu yang diperolehi diproses dan dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Sciences (SPSS)*. Hasil kajian menunjukkan bahawa pengetahuan pelajar mengenai Revolusi 4.0 adalah lemah. Kajian ini juga mendapati bahawa minat dan sikap pelajar adalah tinggi dan kesediaan pelajar untuk menghadapi Revolusi Industri 4.0 adalah tinggi. Cadangannya adalah institusi perlu mengadakan lebih banyak usaha dalam menganjurkan seminar, kursus dan forum yang berkaitan dengan cabaran Revolusi Industri 4.0. Selain daripada itu pensyarah juga perlu mendorong pelajar meningkatkan kemahiran mereka dalam teknologi maklumat dan pengetahuan berkaitan Revolusi Industri 4.0

**Kata kunci :** Pengetahuan, Sikap, Kesediaan, Revolusi Industri 4.0

## Keberkesanan Pembelajaran dan Pengajaran Atas Talian Bagi Kursus DPM10013 Principles Of Marketing Sesi Jun 2020

Jessica Anak Jawa<sup>1</sup>, Emilia Binti Barayan<sup>2</sup>, Muhamad Qastari Syamim Bin Abdullah<sup>3</sup>

<sup>1</sup> Politeknik METRO Betong Sarawak, jessica@pmbs.edu.my

<sup>2</sup> Politeknik METRO Betong Sarawak, emilia@pmbs.edu.my

<sup>3</sup> Politeknik METRO Betong Sarawak, mqastaris@pmbs.edu.my

### Abstrak

Pembelajaran atas talian merupakan sebuah bentuk pembelajaran dan pengajaran yang disampaikan melalui penggunaan teknologi digital. Ia juga dipanggil sebagai E-pembelajaran yang membolehkan proses pembelajaran yang dilaksanakan tanpa mengira jarak dan bilangan ahli yang melayarinya. Pandemik yang melanda negara telah menukar sistem pembelajaran semasa kepada pembelajaran dalam talian. Situasi ini turut dihadapi oleh pelajar sesi Jun 2020 bagi program Diploma Kewangan dan Perbankan di Politeknik METR0 Betong dan Politeknik Ungku Omar, dan program Diploma Pengajian Perniagaan di Politeknik Mukah. Pastinya, hal ini memberikan penerimaan yang berbeza di kalangan pelajar disebabkan faktor yang pelbagai. Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengukur tahap pemahaman pelajar terhadap pembelajaran dan pengajaran atas talian bagi kursus DPM10013, mengenalpasti tahap pencapaian penilaian berterusan pelajar bagi kursus DPM10013, dan mengukur peratusan kelulusan pelajar bagi kursus DPM10013. Kajian ini mengetengahkan pendekatan secara kuantitatif di mana proses pengumpulan data dilakukan melalui edaran borang soal selidik khas untuk menjawab objektif kajian dan telah diedarkan menerusi aplikasi atas talian. Hasil kajian mendapati 58.6% pelajar sangat setuju dan 13.8% setuju bahawa mereka dapat memahami PdP secara atas talian untuk kursus DPM10013. 98.3% pelajar lulus untuk Penilaian Berterusan berupa Quiz, 87.9% pelajar lulus untuk Penilaian Berterusan berupa Theory Test, dan 100% pelajar lulus untuk Penilaian Berterusan seperti Tutorial Exercise 1, Tutorial Exercise 2, dan Presentation. Selain itu, 100% pelajar lulus untuk kursus DPM10013 pada Penilaian Akhir. Keseluruhan kajian mendapati pembelajaran dan pengajaran secara atas talian bagi kursus DPM10013 Principles of Marketing sesi Jun 2020 berkesan dan memberi impak yang positif kepada pelajar dan pensyarah kursus.

**Kata kunci:** Keberkesanan; PdP atas talian; DPM10013

## **Impak Pembelajaran Atas Talian Terhadap Kualiti Pembelajaran Dan Pengajaran (PdP) Kursus DTM10103 Tourism Geography Dalam Kalangan Pelajar Semester 1, Diploma Pengurusan Pelancongan Di Politeknik Metro Betong Sarawak (PMBS)**

Emiliana binti Barayan<sup>1</sup>, Muhamad Qastari Syamim bin Abdullah<sup>2</sup>, Jessica Anak Jawa<sup>3</sup>

<sup>1</sup> Politeknik METRO Betong, emiliana@pmbs.edu.my

<sup>2</sup> Politeknik METRO Betong, mqastari@pmbs.edu.my

<sup>3</sup> Politeknik METRO Betong k, jessica@pmbs.edu.my

### **Abstrak**

Pembelajaran atas talian (*e-learning*) adalah suatu bentuk pengajaran dan pembelajaran yang disampaikan melalui kaedah digital. Kaedah ini membolehkan pembelajaran dilaksanakan tanpa mengira jarak. Terdapat juga institusi yang menjalankan kaedah pembelajaran teradun (*blended learning*) yang menggunakan gabungan kedua-dua kaedah secara atas talian dan juga bersemuka. Kajian ini dijalankan bagi mengkaji impak pembelajaran atas talian terhadap kualiti pembelajaran dan pengajaran (PdP) bagi kursus DTM10103 dalam kalangan pelajar Semester 1, Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti. Responden yang terlibat adalah seramai 55 orang pelajar Semester 1, Program Diploma Pengurusan Pelancongan, Politeknik METR0 Betong Sarawak (PMBS) bagi Sesi Disember 2019, Jun 2020 dan Disember 2020. Objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti pemahaman pelajar mengenai kursus DTM10103, mengukur minat pelajar terhadap kursus DTM10103 dan mengenalpasti impak pembelajaran atas talian terhadap kualiti pembelajaran dan pengajaran (PdP) bagi kursus DTM10103. Kaedah kajian yang digunakan adalah kaedah kuantitatif. Pengumpulan data kajian dibuat melalui edaran borang kaji selidik dalam google form dan diedarkan kepada pelajar. Dapatkan kajian mendapati 81.8% pelajar mampu membezakan antara faktor tarikan dan faktor tolakan pelancongan dalam subjek DTM10103, bagi menjawab objektif kedua, hasil kajian mendapati 50.9% pelajar berkongsi tahap yang sama iaitu sangat setuju bahawa kursus DTM10103 merupakan kursus yang menarik dan pelajar teruja setiap kali mempelajari ilmu yang baru berkaitan dengan kursus. Bagi objektif ketiga pula, hasil kajian mendapati pembelajaran atas talian terhadap kualiti pembelajaran dan pengajaran (PdP) bagi kursus DTM10103 memberi impak yang positif kepada pelajar.

**Kata kunci:** Impak, PdP atas talian, kursus DTM10103

## **Tahap Kesediaan dan Impak Kaedah Pembelajaran *Mobile* Terhadap Pelajar Kolej Komuniti Paya Besar**

Nurul Najihah Mohammad<sup>1</sup>, Wan Zaimah binti Wan Adnan<sup>2</sup>, Rina Raha binti Abdul Hamid<sup>3</sup>

<sup>1</sup>Nurul Najihah binti Mohammad, Kolej Komuniti Paya Besar, najihah\_mohd@yahoo.com

<sup>2</sup>Wan Zaimah binti Wan Adnan, Kolej Komuniti Paya Besar, zaimah\_kkpb@yahoo.com.my

<sup>3</sup>Rina Raha binti Abdul Hamid, Kolej Komuniti Paya Besar, rinaraha@kkpbe.edu.my

### **Abstrak**

Teknologi maklumat pada masa kini telah membawa perubahan yang dinamik dalam dunia pendidikan dimana terdapat pelbagai kaedah yang digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran (pdp). Salah satunya adalah kaedah pembelajaran mobile. Ia merupakan satu bentuk pembelajaran yang menggunakan teknologi mudah alih dimana infrastrukturnya membolehkan penggunaan teknologi tanpa wayar serta fokus kepada penghantaran kandungan pembelajaran melalui peranti elektronik mudah alih. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengetahui tahap kesediaan pelajar Kolej Komuniti Paya Besar terhadap kaedah pembelajaran mobile serta impak perlaksanaan pembelajaran *mobile* ini. Kajian ini dilakukan secara diskriptif dengan menggunakan satu set borang soal selidik sebagai instrumen kajian. Seramai 107 orang responden terlibat dalam kajian ini yang terdiri daripada pelajar semester 1 hingga semester 3, Kolej Komuniti Paya Besar. Borang soal selidik yang lengkap dikumpul dan dianalisa dengan menggunakan kaedah statistik. Dapatkan kajian menunjukkan tahap kesediaan pelajar Kolej Komuniti Paya Besar terhadap kaedah pembelajaran *mobile* ini masih berada pada tahap sederhana iaitu dengan skor min 3.72. Bagi meningkatkan tahap kesediaan pelajar terhadap kaedah pembelajaran *mobile* ini, dicadangkan agar pihak kolej dapat menyediakan kemudahan internet yang secukupnya bagi memantapkan lagi kaedah pembelajaran *mobile* .

**Kata kunci :** Teknologi, Pembelajaran Mobile , Pendidikan

## Cabaran Pelajar Kolej Komuniti Tasek Gelugor Terhadap Pelaksanaan Pembelajaran Dan Pengajaran Dalam Talian (PdPDT) Berikutan Pandemik Covid-19

Nurdzifazura binti Dzyiauddin<sup>1</sup>, Shabriyah binti Sehat<sup>2</sup>

<sup>1</sup> Nurdzifazura binti Dzyiauddin, Kolej Komuniti Tasek Gelugor, nurdzifazura@gmail.com

<sup>2</sup> Shabriyah binti Sehat, Kolej Komuniti Tasek Gelugor, shabriyah@kktg.edu.my

### Abstrak

Sektor pendidikan berubah hampir sepenuhnya, apabila kerajaan mengumumkan penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang membataskan pergerakan disebabkan pandemik COVID-19. Berikut dengan itu, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) berusaha mengetengahkan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara atas talian dalam memastikan PdP dapat dilaksanakan dengan teratur. Namun begitu, fenomena ini membawa cabaran kepada pengajar dan pelajar dalam mengharungi pengajaran dan pembelajaran atas talian agar proses PdP dapat diteruskan. Oleh itu, kajian yang dijalankan oleh pihak Kolej Komuniti Tasek Gelugor bertujuan mengetahui antara cabaran yang dihadapi pelajar Kolej Komuniti Tasek Gelugor terhadap pelaksanaan pembelajaran dan pengajaran dalam talian (PdPDT) berikutan pandemik covid-19. Kajian ini melibatkan pelajar KKTG yang terdiri daripada Sijil Pastri dan Sijil Teknologi Penyamanan dan Penyejukan Udara. Kajian ini berbentuk kuantitatif yang menggunakan kaedah tinjauan deskriptif. Data dikumpul melalui borang soal selidik yang digunakan sebagai instrumen kajian yang telah diadaptasi dari kajian lepas. Manakala data-data yang diperoleh dianalisis menggunakan pendekatan deskriptif bagi dapatkan frekuensi, peratusan dan skor min. Nilai alpha croanbach yang diperolehi ialah ( $\alpha=0.76$ ). Hasil kajian mendapat cabaran pelajar Kolej Komuniti Tasek Gelugor terhadap pelaksanaan pembelajaran dan pengajaran dalam talian (PdPDT) berikutan pandemik COVID-19 berada pada tahap sederhana. Hasil ini juga merupakan usaha menambahbaik dan mempertingkatkan mutu pembelajaran. Secara tidak langsung, ia dapat membantu pihak pengurusan Kolej Komuniti Tasek Gelugor membuat perancangan dan merangka aktiviti akademik yang bersesuaian bagi memperkasakan sistem pembelajaran dan pengajaran dalam talian (PdPDT) dalam menangani cabaran pandemik COVID-19 masa kini.

**Kata Kunci:** Cabaran,Pembelajaran atas talian, COVID-19

## Exploring the Impact of Slang Words Used on Social Media on ESL Learners' Writing Skills: A Case Study of Bagan Datuk Community College

Muhammad Afiq Norazman<sup>1</sup>, Muhamad Azlin Ismail<sup>2</sup>, Mahani Mohd Zin<sup>3</sup>

<sup>1</sup> Kolej Komuniti Bagan Datuk,.afiq@kkbgd.edu.my

<sup>2</sup>Kolej Komuniti Bagan Datuk, m.azlin@kkbgd.edu.my

<sup>3</sup>Kolej Komuniti Bagan Datuk, mahani@kkbgd.edu.my

### Abstract

There are some factors known to affect English as a Second Language (ESL) learners' writing skills. However, the emergence of modern technology has opened up a new path for other factors to be discovered. Social media for instance is known for its manipulative nature. There has been a lot of researches done to elicit the influence of social media towards students' life which some resulted in positive notes, while some otherwise, depending on the focus of the study. Nonetheless, very few researches were done to study the impact of social media which houses a lavish amount of slang words vis-à-vis students' language skills. Thus, this study tries to explore and seek the relationship between the slang words used on social media and how it can affect ESL learners' writing skills. The study was conducted at Bagan Datuk Community College. The study employs qualitative research design and adopts Social Learning Theory in exploring the research subject matter. The study administers an experimentation which requires the participants to write an opinion-based essay as the research instrument and utilizes content analysis in analysing the data. It was found that there is a connection between slang words used on social media and ESL learners' writing performance whereby students are inclined to misconstrue words due to the influence of the extensive use of slang words on social media. The study recommends that English Language Teachers (ELT) expose slang words and its actual meaning to students so that ESL learners are aware of the differences.

**Keywords:** *ESL, Slang Words, Writing Skills, Community College*

## Pengamalan Inovasi Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Dikalangan Pensyarah Kolej Komuniti Jasin Ke Arah Revolusi IR 4.0

Mohd Hafiz bin Hashim<sup>1</sup>, Noor Azah binti Abdul Raman<sup>2</sup>, Farhana binti Safar<sup>3</sup>

<sup>1</sup>Mohd Kolej Komuniti Jasin, hafiz6983@gmail.com

<sup>2</sup>Kolej Komuniti Jasin, azahraman@gmail.com

<sup>3</sup>Politeknik Ibrahim Sultan, chaostique0205@gmail.com

### Abstrak :

Inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran adalah sesuatu yang baharu dalam sistem pendidikan yang dilaksanakan oleh pensyarah. Penglibatan pensyarah dalam melaksanakan inovasi bagi meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran, adalah penting bagi menyelesaikan masalah yang dihadapi dalam pengajaran dan bagi meningkatkan pemahaman pelajar dalam pembelajaran. Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti pengamalan inovasi pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan pensyarah di Kolej Komuniti Jasin ke arah revolusi IR4.0 dari perspektif pendidik. Kajian ini memfokuskan kepada empat aspek iaitu pengamalan inovasi pengajaran dan pembelajaran di kolej, jenis latihan yang telah diikuti oleh pensyarah, faktor-faktor yang menjadi halangan dan juga peluang-peluang atau galakan kepada pensyarah dalam melaksanakan inovasi pengajaran dan pembelajaran di Kolej Komuniti Jasin. Seramai 47 orang pensyarah telah dipilih sebagai responden kajian ini. Hasil dapatan daripada kajian ini adalah untuk membantu pensyarah di Kolej Komuniti Jasin mengamalkan inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran di kolej. Pensyarah Kolej Komuniti Jasin dibekalkan dengan beberapa latihan untuk membantu melaksanakan inovasi pengajaran dan pembelajaran di kolej. Kajian ini juga mendapat kerjasama yang baik daripada pihak kolej dalam melaksanakan inovasi pengajaran dan pembelajaran di kolej dengan berkesan. Instrumen soal selidik dengan skala likert 5 mata menggunakan dalam kajian ini. Data kajian dianalisis menggunakan SPSS dengan melibatkan peratusan dan skor min. Hasil daripada kajian, pengkaji mencadangkan agar lebih banyak bentuk latihan perlu disediakan untuk meningkatkan kesediaan pensyarah Kolej Komuniti Jasin dalam mengamalkan inovasi dalam pembelajaran dan pengajaran.

**Kata kunci:** Inovasi Pengajaran Dan Pembelajaran, Pensyarah, Perspektif Pendidik, Kolej Komuniti Jasin

## Kajian Mengenai Persepsi Pelajar Terhadap Lawatan Industri Dalam Proses Pembelajaran

Umikalthum Zulkefly Khairunnisa Yahaya<sup>2</sup>,

<sup>1</sup> Politeknik Nilai, umilkalthum.zul@gmail.com

<sup>2</sup> Politeknik Nilai, khairunnisa.pns@celt.edu.my

### Abstrak

Lawatan industri memberi peluang kepada pelajar untuk belajar dalam suasana yang sebenar dan merapatkan jurang di antara teori dan praktik. Kajian ini dibangunkan bertujuan untuk mengenalpasti persepsi pelajar terhadap lawatan industri dalam proses pembelajaran dalam kalangan pelajar yang mengambil kursus elektif *Port Operation Management* di Politeknik Nilai, Negeri Sembilan dan Politeknik Seberang Prai, Pulau Pinang. Objektif kajian ini adalah untuk; 1) mengetahui sama ada lawatan industri akan memberikan pengalaman yang sebenar dalam pembelajaran jangka panjang dalam kalangan pelajar 2) mengetahui sama ada lawatan industri akan membantu pelajar untuk lebih berminat dalam kursus yang mereka pelajari dan 3) mengetahui sama ada lawatan industri akan memberi pendekatan praktikal yang bermanfaat kepada pelajar. Kajian ini merupakan kajian tinjauan dimana satu soal selidik yang telah diadaptasi daripada Markom, et al., (2010) dan Randell R. Regunio, (2017) telah digunakan dalam kajian ini dan diolah mengikut kesesuaian konteks yang dikaji. Seramai 146 orang pelajar dari Politeknik Nilai (PNS) dan Politeknik Seberang Prai (PSP) yang mengambil kursus elektif *Port Operation and Management* telah dipilih secara rawak daripada 180 orang pelajar yang mengambil kursus tersebut. Hasil dapatan yang diperolehi telah dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) untuk mendapatkan nilai peratusan persepsi pelajar terhadap lawatan industri dalam proses pembelajaran mereka. Hasil kajian menunjukkan bahawa pelajar sangat bersetuju dengan lawatan industri sebagai satu kaedah yang berkesan dalam meningkatkan kefahaman mereka dengan lebih mendalam untuk memahami teori dan konsep dalam kursus *Port Operation Management* yang diajar semasa didalam bilik kuliah. Lawatan industri dapat meningkatkan pengetahuan dan prestasi dalam pembelajaran mereka serta memperoleh pengalaman dalam jangka masa panjang.

**Kata Kunci:** Lawatan industri; Hasil pembelajaran; Persepsi pelajar

## Implikasi Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) Dalam Talian Terhadap Afektif Pelajar Kolej Komuniti Jasin

Ida Harianti Binti Hasan @ Talib<sup>1</sup>, Normadiah Binti Mohamad<sup>2</sup>, Siti Rahayu Binti Ab Rauf<sup>3</sup>

<sup>1</sup>Kolej Komuniti Jasin, idaharianti@gmail.com

<sup>2</sup>Kolej Komuniti Jasin, twotriple1@gmail.com

<sup>3</sup>Kolej Komuniti Jasin, ctrahayu809@yahoo.com

### Abstrak

Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat pandemik Covid-19 yang telah melanda dunia menyaksikan perubahan landskap pendidikan yang mana proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara dalam talian yang diperkenalkan sebelum ini digunakan secara meluas. Ianya bertujuan mengelakkan berlakunya keciciran terhadap silibus yang perlu dipelajari oleh semua pelajar. PdP dalam talian merupakan jalan penyelesaian yang agak baharu bagi kebanyakan institusi pendidikan dan ianya bukan suatu perkara mudah apabila penyampaian ilmu dilaksanakan di luar kawalan tenaga pengajar dan pelajar, malahan jauh dari pandangan mata. Walaubagaimanapun, PdP dalam talian merupakan satu keperluan penting dalam pendidikan Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0) untuk generasi pada masa kini dan akan datang. Oleh itu, kajian ini dilaksanakan untuk mengetahui implikasi PdP dalam talian terhadap afektif pelajar Kolej Komuniti Jasin yang mana afektif ditafsirkan sebagai perasaan dan emosi seseorang termasuklah sikap, minat dan nilai hidup seseorang yang melibatkan skop responsif, penerimaan dan karakter. Bilangan responden bagi kajian ini adalah seramai seratus tujuh puluh orang pelajar yang terdiri daripada pelajar-pelajar semester satu hingga semester empat. Kajian ini berbentuk kuantitatif yang mana data kajian ini diperoleh menggunakan borang soal selidik dalam talian. Soalan soal selidik "Kesedaran, Penerimaan, Keberkesanan Dan Hubungkaitnya Terhadap Perlaksanaan E-Pembelajaran Dalam Kalangan Pensyarah Politeknik Merlimau", "Persepsi Dan Sikap Pelajar Terhadap Pendekatan Konstruktivisme Serta Kesan Terhadap Pencapaian Dalam Mata Pelajaran Matematik Di Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia" dan item penilaian tekanan semasa pandemik Covid-19 telah diolah mengikut kesesuaian kajian ini. Data telah dianalisa menggunakan perisian SPSS versi 21 bagi mendapatkan nilai min. Hasil daripada kajian ini didapati bahawa tahap implikasi kepada pelajar dari segi afektif apabila PdP dalam talian dilaksanakan berada pada tahap sederhana tinggi. Diharapkan juga supaya hasil kajian ini dapat membantu pensyarah untuk meningkatkan tahap kesediaan pelajar untuk menghadapi PdP dalam talian secara berterusan pada masa akan datang serta mampu meningkatkan kualiti afektif pelajar.

**Kata kunci:** Afektif, Pengajaran dan Pembelajaran, Dalam Talian, Responsif, Penerimaan, Karakter

## Persepsi Pelajar Terhadap Pembelajaran Secara Atas Talian Di Kolej Komuniti Jempol

Umi Halawati Ahbarruddin<sup>1</sup>, Nor Azawati Abu Talib<sup>2</sup>, Arni Kesumawati Hasan<sup>3</sup>

<sup>1</sup>Kolej Komuniti Jempol, umi.halawati7@gmail.com

<sup>2</sup>Kolej Komuniti Jempol, norazawati2002@gmail.com

<sup>3</sup>Kolej Komuniti Jempol, kesom78@gmail.com

### Abstrak

Umum mengetahui pada ketika ini dunia sedang dilanda pandemik COVID-19. Keadaan ini telah membataskan banyak aktiviti harian. Antara yang terjejas adalah aktiviti persekolahan atau pembelajaran. Antara inisiatif yang dilakukan adalah pembelajaran secara atas talian. Kajian ini dijalankan adalah untuk mengetahui persepsi pelajar terhadap pembelajaran secara atas talian di Kolej Komuniti Jempol yang dijalankan dalam era norma baharu. Kajian ini melibatkan seramai 40 orang responden pelajar Kolej Komuniti Jempol. Kajian yang dijalankan ini adalah berbentuk kuantitatif yang menggunakan kaedah tinjauan. Instrumen yang digunakan bagi mendapatkan persepsi pelajar terhadap pembelajaran secara atas talian adalah melalui boring soal selidik. Sebanyak lima aspek telah dikaji dalam menjalankan kajian ini. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa aspek kandungan pembelajaran, maklumbalas pensyarah dan strategi motivasi berada pada tahap sederhana dengan skor min 3 dan aspek interaksi atas talian dan kemudahan mengakses aplikasi pembelajaran atas talian berada pada tahap rendah dengan skor 2. Hasil daripada kajian ini diharapkan dapat membuka ruang bagi penambahbaikan sistem pembelajaran kerana dalam pembelajaran norma baharu tumpuan adalah lebih kepada pembelajaran secara atas talian berbanding pembelajaran secara bersemuka. Demi memastikan pengajaran dan pembelajaran dalam norma baharu ini dapat dilaksanakan dengan berkesan diharap pelajar dan pensyarah sama-sama bersedia dan memberi komitmen antara satu sama lain.

**Kata kunci:** persepsi, pelaksanaan pembelajaran secara atas talian, pelajar kolej komuniti jempol

## Mengkaji Gaya Pembelajaran yang Dominan di Kalangan Pelajar Teknikal di Kolej Komuniti Masjid Tanah

Hasmaini Hashim<sup>1</sup>, Haslina Hashim<sup>2</sup>, Norazean Miswat<sup>3</sup>

<sup>1</sup> Kolej Komuniti Masjid Tanah, , hasmainie@gmail.com.my

<sup>2</sup> Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah, yblina8081@gmail.com

<sup>3</sup> Politeknik Port Dickson, , nurazr78@yahoo.com

### Abstrak

Gaya pembelajaran merupakan cara bagi seseorang menerima pelajaran yang dipelajari dengan lebih mudah. Setiap pelajar mempunyai gaya pembelajaran yang berbeza dan tersendiri. Dalam kajian ini, gaya pengajaran pelajar merujuk kepada Model Gaya Pembelajaran Felder-Silverman (1988) di mana ianya terdiri daripada lapan (8) elemen iaitu *active, reflective, sensory, intuitive, visual, verbal, sequential, and global*. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji gaya pembelajaran yang dominan dikalangan pelajar teknikal di Kolej Komuniti Masjid Tanah. Metodologi yang digunakan adalah kuantitatif iaitu tinjauan melalui soal selidik. Instrumen yang digunakan terdiri dari 20 item yang diadaptasi dari kajian yang serupa (Ancona et al., 1997; Kintakaningrum, 2012). Kaedah persampelan pula pengkaji memilih persampelan secara rawak dalam kalangan pelajar teknikal di Kolej Komuniti Masjid Tanah, Melaka. Seramai 52 orang yang dipilih secara rawak untuk dijadikan responden. Hasil dari analisis tinjauan menunjukkan bahawa elemen tertinggi di antara lapan (8) pembelajaran gaya adalah pelajar *active* pada 73.08% manakala dimensi tertinggi bagi gaya pembelajaran ialah *ActVisSenSeq* (*Active, Visual, Sensing, Visual, Sequential*), nilainya 34.62%. Hasil dapatan kajian akan digunakan untuk membantu pensyarah bagi menghasilkan bahan pengajaran dan pembelajaran yang efektif berdasarkan kepada elemen bagi gaya pembelajaran pelajar.

**Kata Kunci:** Gaya pembelajaran; dominan; teknikal

A large, modern skyscraper with a glass and steel facade, viewed from a low angle looking up. The building's surface reflects the sky and clouds. The background is a light yellow color with dark blue and yellow diagonal stripes.

# **ABSTRAK KEUSAHAWANAN/ PERNIAGAAN / EKONOMI / PERAKAUNAN**

## Kertas Konsep Kaedah Pembelajaran Dan Pemudahcaraan (PdPc) dalam Prinsip Perakaunan di Sekolah

Afaf Ahmad Jalaludin<sup>1</sup>, Suhaida Abdul Kadir<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia, ainfo84@gmail.com

<sup>2</sup>Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia, suhaida@upm.edu.my

### Abstrak

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 telah menekankan kaedah penilaian pendidikan yang telah diberi penambahbaikan dengan mewujudkan Pentaksiran Berasaskan Sekolah atau lebih dikenali sebagai PBS. Pelaksanaan PBS dikatakan mampu mencungkil kemahiran dan bakat murid yang tidak dapat dilahirkan melalui penilaian pengajaran dan penilaian konvensional. Namun begitu, pada masa yang sama, murid perlu mencapai prestasi akademik yang cemerlang dalam peperiksaan konvesional. Tujuan penulisan kertas konsep ini adalah untuk menyediakan maklumat penting kepada guru-guru Prinsip Perakaunan berkaitan kaedah pengajaran yang sering digunakan dan terbukti berkesan bagi mata pelajaran Prinsip Perakaunan dan pada masa yang sama PBS juga dapat dijalankan oleh para guru. Literatur untuk tinjauan sistematis ini berasal dari pencarian luas daripada pangkalan data yang berbeza seperti Google Scholar, Science Direct, EBSCOhost, SAGE Online, ProQuest, Scopus, Taylor & Francis Online, koleksi Sains Sosial, dan koleksi perpustakaan. Kajian konsep ini merangkumi kajian yang diterbitkan dari tahun 1993 hingga 2020. Pencarian juga disempitkan untuk mencari kajian yang memberi tumpuan kepada kajian di Malaysia. Walau bagaimanapun, carian hanya menemui beberapa kajian khusus untuk konteks PdPc mata pelajaran Prinsip Perakaunan di Malaysia termasuk negara-negara Barat juga disertakan. Secara keseluruhan, 40 buah artikel termasuk buku, makalah penyelidikan dan laporan diperoleh daripada carian pangkalan data. Kemudian sejumlah 9 buah artikel yang dianggap tidak relevan dikeluarkan. Selebihnya 31 buah artikel kemudian dikaji dan data yang relevan diambil untuk menyokong kertas konsep ini. Kajian ini mendapat antara kaedah pengajaran Abad ke 21 yang sering digunakan dan dikatakan kaedah yang berkesan ialah pembelajaran berdasarkan masalah, pembelajaran koperatif, pembelajaran berdasarkan kes dan pembelajaran berdasarkan kaedah permainan.

**Kata Kunci:** kaedah pengajaran dan pemudahcaraan, Prinsip Perakaunan, pembelajaran berdasarkan masalah, pembelajaran koperatif, pembelajaran berdasarkan kes dan pembelajaran berdasarkan kaedah permainan.

## Tahap Kesediaan Menceburi Bidang Keusahawanan Dalam Kalangan Pelajar Kolej Komuniti Ledang

Khairul Anwar Johari

Kolej Komuniti Ledang, anwar@kklej.edu.my

### Abstrak

Keusahawanan adalah suatu proses pengembangan satu perniagaan secara berterusan yang dapat menyumbang kepada pembangunan ekonomi sesebuah negara. Kebelakangan ini, bidang keusahawanan telah menjadi pilihan sebagai salah satu bidang kerjaya profesional. Subjek keusahawanan juga telah menjadi salah satu subjek yang perlu diambil oleh pelajar ketika menuntut di institusi pendidikan seperti Kolej Komuniti Ledang. Pihak kementerian terutamanya Kementerian Pengajian Tinggi memandang serius dalam melahirkan lebih ramai usahawan di kalangan rakyat Malaysia. Pelan Tindakan Keusahawanan IPT 2016-2020 diwujudkan, dan diteruskan dengan Pelan Tindakan Keusahawanan IPT 2021-2025. Justeru itu, tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk melihat tahap kesediaan pelajar-pelajar semester akhir Kolej Komuniti Ledang menceburi bidang keusahawanan sebagai satu kerjaya. Pelajar-pelajar yang terlibat sebagai responden adalah pelajar-pelajar daripada Sijil Pastri, Sijil Servis Kenderaan Ringan, Sijil Teknologi Penyejukan dan Penyamanan Udara dan Sijil Pengoperasian Perniagaan. Perkara-perkara yang dipertimbangkan ialah minat dan persekitaran yang mendorong. Kaedah kuantitatif telah digunakan dan borang soal selidik yang dibangunkan telah diedarkan kepada 90 orang pelajar semester akhir yang mewakili keseluruhan populasi terlibat dalam kajian penyelidikan ini. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan perisian SPSS (Statistical Packages for Social Sciences). Secara keseluruhan, hasil kajian menunjukkan bahawa kebanyakan pelajar Kolej Komuniti Ledang berminat untuk menjadi usahawan yang berjaya tetapi masalah kewangan menjadi salah satu perkara utama bagi memulakan sesuatu perniagaan.

**Kata kunci:** Keusahawanan; Tahap Kesediaan; minat; persekitaran; pelajar

## Status Kerjaya Keusahawanan Dalam Kalangan Graduan Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin

Mohd Zahir @ Mohd Zaid bin Abdul Kadir  
Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin, zahir@psmza.edu.my

### Abstrak

Keusahawanan memainkan peranan yang penting dalam menyumbang kepada pembangunan negara. Justeru itu, satu kajian telah dijalankan bertujuan untuk melihat status graduan Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin (PSMZA) menceburii bidang keusahawanan. Kajian ini dijalankan pada tahun 2020 yang melibatkan responden yang telah tamat pengajian pada bulan Jun dan Disember tahun 2019. Objektif kajian ialah untuk mengenalpasti kecenderungan graduan menjadi usahawan, program pengajian, modal perniagaan dan pendapatan graduan usahawan di PSMZA. Reka bentuk kajian adalah bentuk kuantitatif dimana instrumen kajian yang digunakan adalah berbentuk soal selidik dan kajian dijalankan secara atas talian. Proses menganalisa data menggunakan perisian Statistical Package for Social Science (SPSS) versi 21. Penganalisaan data menggunakan skor bilangan dan peratusan. Program Diploma Kejuruteraan Awam merupakan program yang paling ramai graduan yang menjadi usahawan iaitu sebanyak 26.9 peratus. Penglibatan graduan dalam bidang keusahawanan adalah kerana ingin berdikari dan memilih waktu kerja yang lebih fleksibel. Punca modal perniagaan diperolehi daripada keluarga dan diri sendiri. Kajian ini juga menunjukkan bahawa 59.6 peratus graduan usahawan berpendapatan RM 1000.00 dan ke bawah. Ini menunjukkan gaji yang diperolehi oleh graduan usahawan agak rendah berbandingkan gaji minima yang telah ditetapkan oleh kerajaan. Hasil daripada kajian menunjukkan 12.9 peratus graduan memilih bidang keusahawanan sebagai kerjaya. Dapatkan yang diperolehi ini melebihi sasaran 5.0 peratus yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi kepada sesbuah institusi untuk melahirkan usahawan selepas tamat pengajian.

**Kata kunci:** Keusahawanan, program pengajian, graduan, pendapatan

## Persepsi Pelajar Kolej Komuniti Kota Tinggi Terhadap Penerapan Keusahawanan

Hanirah Mohamad Nur<sup>1</sup>, Hasniza Lawyer<sup>2</sup>, Mohd Ramadan Mohd Khalid<sup>3</sup>

<sup>1</sup> Kolej Komuniti Kota Tinggi, hanirahkkkt@yahoo.com.sg

<sup>2</sup> Kolej Komuniti Kota Tinggi, hasniza80@gmail.com

<sup>3</sup>Kolej Komuniti Kota Tinggi, mohdramadan@ymail.com

### Abstrak

Kolej Komuniti adalah salah satu platform yang mempunyai pengaruh yang besar yang memainkan peranan dalam melaksanakan agenda keusahawanan di kalangan pelajar. Kajian ini dilakukan adalah untuk mendapatkan maklumbalas daripada pelajar semester akhir Kolej Komuniti Kota Tinggi (KKKT) terhadap penerapan bidang keusahawanan. Objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti kesedaran, sikap, amalan dan faktor yang memotivasi pelajar terhadap penerapan bidang keusahawanan. Kajian ini berbentuk deskriptif dengan instrumen soal selidik yang mengandungi 25 item. Sampel kajian membabitkan seramai 56 responden iaitu semua pelajar akhir kemasukan Julai 2018 dan 2019. Data yang diperolehi telah dikumpulkan dan dianalisis dengan menggunakan perisian Statistical Package for Social Science (SPSS) for Windows 23. Analisis kajian dinyatakan dalam deskriptif. Dapatkan dari hasil kajian mendapati secara keseluruhannya pelajar menunjukkan sikap yang positif terhadap penerapan bidang keusahawanan. Mereka juga turut sedar dan bersetuju bahawa penerapan bidang keusahawanan adalah penting. Walau bagaimanapun jika dilihat dari aspek pengamalan, kemahiran keusahawana ini di lihat masih kurang diamalkan oleh pelajar. Dari aspek motivasi pula, didapati pensyarah Kolej Komuniti Kota Tinggi menjadi faktor utama yang memotivasi pelajar selain daripada rangsangan pelajar melihat kejayaan orang lain di dalam bidang keusahawanan. Secara keseluruhnya dapat pelajar Kolej Komuniti Kota Tinggi sedar akan penerapan keusahawanan namun mereka masih kurang kemahiran keusahawanan.

**Kata kunci:** Penerapan Keusahawanan; kemahiran keusahawanan; motivasi: pelajar

## Pelajar Terhadap Perkhidmatan Koperasi Kolej Komuniti Segamat Berhad

Mohd Hisham Sidi Ahmad<sup>1</sup>, Muhammad Zuhairy Zulkifli<sup>2</sup>, Mohd Shah Mohamad Rawi<sup>3</sup>

<sup>1</sup>Kolej Komuniti Segamat, mohdhisham@kkseg.edu.my

<sup>2</sup>Kolej Komuniti Segamat, zuhairy@kkseg.edu.my

<sup>3</sup>Kolej Komuniti Segamat, mohdshah@kkseg.edu.my

### Abstrak

Kepuasan pelanggan boleh mempengaruhi kecenderungan pembelian dan membantu meningkatkan jualan sesebuah perniagaan. Justeru, kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti tahap kepuasan pelajar terhadap Koperasi Kolej Komuniti Segamat Berhad (KKSB) dari segi kualiti produk, harga produk, layanan pekerja dan persekitaran. Pengkaji memilih kaedah diskriptif dalam menjalankan penyelidikan dan mengedarkan borang soal selidik kepada 150 orang responden yang terdiri daripada pelajar Kolej Komuniti Segamat. Data yang telah diperolehi kemudiannya dianalisis menggunakan perisian SPSS (*Statistical Package for The Social Science*) versi 26 dan dinyatakan dalam bentuk nilai skor min purata. Hasil dapatan kajian menunjukkan nilai skor min purata bagi kualiti produk, harga produk, layanan pekerja dan persekitaran berada pada tahap interpretasi yang tinggi. Dengan ini, dapat disimpulkan bahawa para pelajar mempunyai tahap kepuasan yang tinggi terhadap perkhidmatan yang disediakan oleh KKSB, di mana nilai keseluruhan bagi ke empat-empat konstruk utama berada dalam julat skor min yang tinggi memberikan interpretasi yang tinggi iaitu 4.15 bagi kualiti produk, 4.08 bagi harga produk, 4.32 bagi layanan pekerja dan 4.18 bagi persekitaran.

**Kata Kunci:** Kepuasan Pelajar, Kualiti produk, Harga produk, Layanan pekerja

A large, modern skyscraper with a glass and steel facade, viewed from a low angle looking up. The building's surface reflects the sky and clouds. The background is a light yellow color with dark blue and yellow diagonal stripes.

# **ABSTRAK HAL EHWAL PELAJAR DAN PSIKOLOGI**

## Efikasi Kendiri Terhadap Pemilihan Kerjaya dalam Kalangan Lulusan Kolej Komuniti

Yunisra Yusof<sup>1</sup>, Nurul Hidayah Ahmad Alemi<sup>2</sup>, Norazamimah Mak Jim<sup>3</sup>

<sup>1</sup> Kolej Komuniti Masjid Tanah, yunisra.yusof@yahoo.com

<sup>2</sup> Kolej Komuniti Masjid Tanah, hidayahalemi@gmail.com

<sup>3</sup> Kolej Komuniti Masjid Tanah, norazamimah9277@gmail.com

### Abstrak

Lulusan Kolej Komuniti merupakan produk keluaran kolej komuniti yang menyumbang kepada bekalan tenaga mahir dalam pasaran industri. Justeru itu, tahap efikasi kendiri kerjaya dalam kalangan lulusan kolej komuniti memainkan peranan penting dalam perancangan dan pemilihan kerjaya graduan. Kajian ini dijalankan untuk melihat tahap efikasi kendiri lulusan kolej komuniti dalam pemilihan kerjaya berdasarkan jantina dan program pengajian. Seramai 222 lulusan kolej komuniti terlibat sebagai sampel kajian. Ujian normaliti menggunakan telah dijalankan dan membuktikan taburan data yang diperolehi adalah normal. Analisis ujian kenormalan menggunakan skewness & kurtosis menunjukkan kedua-duanya adalah terletak antara nilai -1.96 dan +1.96. Oleh itu, data ini mempunyai taburan yang normal kerana nilai skewness = -0.025 dan nilai kurtosis = -0.186 berada di dalam lingkungan nilai +-1.96. Seterusnya, melalui analisis deskriptif menunjukkan tahap efikasi kendiri kerjaya berada pada tahap tinggi dengan skor min ( $\mu=4.04$ ). Melalui analisis ANOVA satu hala pula menunjukkan wujud perbezaan yang signifikan efikasi kendiri antara program pengajian [ $F = 2.35$ ,  $p>.05$ ]. Hasil dapatkan ujian t mendapat tidak wujud perbezaan antara berlainan jantina [ $t = -1.195$ ,  $p > .05$ ]. Kajian menjelaskan bahawa lulusan kolej komuniti mempunyai tahap keyakinan yang tinggi dalam pemilihan kerjaya seiring dengan peratus kebolehpasaran graduan kolej komuniti yang dicapai setiap tahun. Cadangan kajian akan datang akan melihat kepada faktor-faktor yang signifikan yang membantu meningkatkan efikasi kendiri kerjaya lulusan terhadap eksplorasi keusahawanan.

**Kata Kunci:** Efikasi Kendiri, Pemilihan Kerjaya dan Kolej Komuniti

## Tahap Pencapaian Pelajar Latihan Industri Sijil Teknologi Elektrik di Kolej Komuniti Bandar Darulaman

Rosmawati binti Dahaman<sup>1</sup>, Maizatul Aqmam binti Othman<sup>2</sup>, Nor Izzati binti Harizan<sup>3</sup>

<sup>1</sup> Kolej Komuniti Bandar Darulaman, rosmawati@staf.kkbda.edu.my

<sup>2</sup> Kolej Komuniti Bandar Darulaman, aqmam@staf.kkbda.edu.my

<sup>3</sup>Universiti Utara Malaysia, nor\_izzati\_@sapsp.uum.edu.my

### Abstrak

Kajian ini adalah mengkaji tahap pencapaian pelajar latihan industri Sijil Teknologi Elektrik di Kolej Komuniti Bandar Darulaman. Objektif umum kajian ini adalah melihat tahap pencapaian pelajar latihan industri Sijil Teknologi Elektrik di Kolej Komuniti Bandar Darulaman berdasarkan kriteria-kriteria yang telah ditetapkan bagi setiap pelajar. Tujuan utama kajian ini diperincikan kepada beberapa objektif khusus iaitu mengenalpasti tahap kemahiran teknologi pelajar yang digunakan di tempat kerja sebenar, mengenalpasti tahap pengamalan peraturan keselamatan dan amalan baik pelajar di tempat kerja dan mengenalpasti tahap keyakinan diri pelajar dan kemahiran berkomunikasi yang berkesan di tempat kerja. Kajian ini dijalankan dalam bentuk kuantitatif dan menggunakan soal selidik dan melibatkan responden daripada majikan yang mengambil pelajar semester empat daripada Kolej Komuniti Bandar Darulaman yang telah menjalani latihan industri di industri yang berkaitan. Penyelidik mendapat peratusan tahap pencapaian pelajar Sijil Teknologi Elektrik berada di tahap memuaskan. Namun begitu, masih terdapat beberapa pelajar di dalam kategori amat lemah dan lemah. Oleh yang demikian, penyelidik mencadangkan untuk menambahbaik kemahiran dan ilmu pengetahuan pelajar ketika berada di Semester 1 sehingga Semester 3 sebelum menjalani latihan industri. Penyelidik juga mencadangkan pada masa hadapan terdapat tinjauan maklumbalas daripada syarikat terhadap pelajar Kolej Komuniti Bandar Darulaman untuk melihat kembali penambahbaikan yang telah dirancang dilaksanakan sebaiknya.

**Kata kunci:** tahap pengetahuan; Sijil Teknologi Elektrik; latihan industri

## Faktor Pemilihan Politeknik dan Diploma Dalam Kalangan Pelajar Politeknik METRO Johor Bahru

Mohd Ghadafi bin Shari<sup>1</sup>, Erlia binti Nasir<sup>2</sup>, Nur Shazwani binti Sadzali<sup>3</sup>

<sup>1</sup>Politeknik METRO Johor Bahru, ghadafi.shari@pmjb.edu.my

<sup>2</sup>Politeknik METRO Johor Bahru, erlia.nasir@pmjb.edu.my

<sup>3</sup>Politeknik METRO Johor Bahru, nurshazwani.s@pmjb.edu.my

### Abstrak

Kajian ini dijalankan adalah bertujuan untuk mengkaji faktor-faktor yang dominan bagi pemilihan politeknik dan diploma dikalangan pelajar Politeknik METRO Johor Bahru (PMJB). Bagi mendapatkan faktor dominan tersebut, satu set soal selidik telah diubahsuai dari kajian lepas yang merangkumi empat maklumat demografi iaitu jantina, umur, bangsa, dan status. Kajian ini telah dibahagikan kepada dua bahagian berdasarkan kepada pandangan pelajar terhadap faktor pemilihan politeknik dan faktor pemilihan pengajian diploma. Sampel kajian terdiri daripada 100 pelajar PMJB yang dipilih secara rawak. Analisa min dan kekerapan bagi kajian menggunakan "Statistics Package of the Social Science" (SPSS25), dimana mendapat nilai Alpha Croanbach untuk faktor pemilihan politeknik dan faktor pemilihan pengajian diploma adalah melebihi tanda aras yang telah ditetapkan iaitu 0.6. Dapatkan kajian mendapat faktor pemilihan politeknik paling dominan adalah "pelajar ingin memperolehi pengalaman baru" ( $M=4.49$ ), manakala faktor pemilihan pengajian diploma yang paling dominan adalah "jaminan potensi pekerjaan pada masa hadapan" ( $M=4.33$ ). Kesimpulan, kajian ini telah berjaya mencapai objektif kajian dan implikasi kajian dapat membantu pihak yang berkaitan di dalam memenuhi beberapa faktor pemilihan pelajar agar diploma dan politeknik menjadi pilihan utama.

**Kata Kunci:** pemilihan pelajar, pengajian politeknik, pengajian diploma

## Kajian Mengukur Status Kesihatan Mental Warga Kolej Komuniti Ledang Yang Terlibat Pembelajaran Anak Di Rumah (PDPR)

Noorashikin Saari<sup>1</sup>, Muhammad Afiq Syazwan Lukmanulhakim<sup>2</sup>, Mohd Rashid Zali<sup>3</sup>

<sup>1</sup>Kolej Komuniti Ledang, noorashikin@kklej.edu.my,

<sup>2</sup>Kolej Komuniti Ledang, afiq\_syazwan@kklej.edu.my,

<sup>3</sup>Kolej Komuniti Ledang, rashid@kklej.edu.my,

### Abstrak

Pertubuhan Kesihatan Sedunia ( WHO ) telah membuat pengisytiharaan pandemik Covid19 pada Januari 2020. Bermulanya pengisytiharaan tersebut, seluruh negara khususnya Malaysia telah mengambil langkah berjaga-jaga bagi memastikan penularan wabak Covid19 tidak menjadi semakin parah. Ekoran dengan situasi pandemik yang membimbangkan kerajaan Malaysia di bawah Kementerian Pendidikan dan Kementerian Pengajian Tinggi telah mengeluarkan arahan kepada institusi pendidikan di bawah kementerian untuk melaksanakan pembelajaran (pdpr) di rumah.Pembelajaran di rumah dengan menggunakan medium secara dalam talian ini telah dilaksanakan kepada murid sekolah rendah dan juga sekolah menengah.Mengikut petikan akhbar Sinar Harian Online bertajuk "Pembelajaran Online Boleh Beri Kesan Kesihatan Mental" yang diterbitkan pada 14 Jun 2021, maka pengkaji berminat untuk melaksanakan kajian kepada warga Kolej Komuniti Ledang yang bergelar ibu bapa dan mempunyai anak yang bersekolah. Tujuannya adalah untuk mengetahui status kesihatan mental responden yang terlibat. Sekiranya status kesihatan mental responden menunjukkan bacaan yang tidak normal maka pihak institusi khususnya Unit Psikologi Kolej Komuniti Ledang perlu melaksanakan program intervensi berfokus kepada kesejahteraan mental. Kajian ini memerlukan responden yang terdiri daripada warga kerja Kolej Komuniti Ledang bergelar ibu bapa dan mempunyai anak yang bersekolah.Seramai 49 responden telah menjawab soal selidik yang diberikan dalam talian dan mengikut kriteria demografi iaitu mempunyai anak bersekolah menunjukkan seramai 46 orang responden mempunyai anak bersekolah dan kajian ini menggunakan alat pengukuran Saringan Status Kesihatan Mental ( SSKM )

**Kata Kunci :** Belajar dalam talian,Kesihatan Mental,Intervensi

## Kajian Kepuasan Pelajar Terhadap Pengurusan Biasiswa,Bantuan Kewangan, Insurans, Penginapan Dan Aduan Di Kolej Komuniti Pagoh

Fariza Mohd Hatta<sup>1</sup>; Nor Idayu Shafiza Mohd Najib<sup>2</sup>

<sup>1</sup> Kolej Komuniti Pagoh, farizacpcm2019@gmail.com

<sup>2</sup> Kolej Komuniti Pagoh, idayu@kkpagoh.edu.my

### Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti kepuasan pelajar terhadap pengurusan biasiswa, bantuan kewangan, insuran, penginapan pelajar dan aduan pelajar. Kajian ini melibatkan 26 orang responden ambilan Disember 2020. Kajian ini menggunakan kaedah soal selidik melalui soalan tertutup dan soalan terbuka. Data ini dianalisis menggunakan kaedah penyelidikan kuantitatif dengan menggunakan *Google Form*. Dapatkan kajian ini menunjukkan bahawa pelajar Kolej Komuniti Pagoh berpuas hati dengan semua aspek yang dikaji berkaitan pengurusan kebajikan pelajar oleh Unit Pembangunan Pelajar.

**Kata kunci:** Biasiswa; penginapan pelajar; aduan pelajar; bantuan kewangan

## Isu Perlindungan Data Peribadi Dan Tahap Kesedaran Kepada Golongan Pengguna Muda

Nor Sarina Osman<sup>1</sup>; Zaini Ahmad<sup>2</sup>; Maisarah Mohamed Zulkifli<sup>3</sup>

<sup>1</sup> Kolej Komuniti Jasin, norsarina@yahoo.com.my

<sup>2</sup> Kolej Komuniti Jasin, zainiahmad25@yahoo.com

<sup>3</sup> Kolej Komuniti Jasin, sarahluvzulkifli@gmail.com

### Abstrak

Pada era digital ini, tidak dinafikan semua masyarakat melakukan pelbagai urusan harian secara dalam talian. Untuk pendaftaran akaun sendiri, data-data peribadi seperti nombor akaun bank, nombor telefon, nombor kad pengenalan, alamat rumah atau pejabat dan sebagainya perlu digunakan secara tidak langsung. Walaupun urusan secara dalam talian ini memudahkan pengguna, namun terdapat juga keburukan dan risiko yang tidak dapat dielakkan. Risiko penyelewengan, penyalahgunaan, dan penipuan data peribadi oleh pihak tidak bertanggungjawab yang akan menyebabkan kehilangan wang ringgit dan lebih terdedah kepada risiko tuduhan jenayah. Oleh itu, tahap kesedaran dan kepekaan pengguna terhadap keselamatan data-data peribadi mereka boleh diukur dan dinilai melalui kajian ini. Secara keseluruhannya, kajian ini akan membincangkan hasil-hasil dapatan yang merangkumi peranan-peranan agensi kerajaan dan swasta, teknologi rangkaian, perundangan dan komunikasi.

**Kata Kunci :** Perlindungan Data Peribadi; Masyarakat Pengguna

## Kajian Faktor-Faktor yang mempengaruhi Kepuasan Majikan Terhadap Pelajar Latihan Industri Kolej Komuniti Masjid Tanah

Nurul Hidayah Ahmad Alemi<sup>1</sup>, Haliza Haron<sup>2</sup>, Yunisra Yusof<sup>3</sup>

<sup>1</sup>Kolej Komuniti Masjid Tanah, hidayahalemi@gmail.com

<sup>2</sup>Kolej Komuniti Masjid Tanah, haliza@kkmt.edu.my

<sup>3</sup>Kolej Komuniti Masjid Tanah, yunisra.yusof@yahoo.com

### Abstrak

Majikan merupakan pemegang taruh kepada Kolej Komuniti Masjid Tanah yang memberi penawaran peluang pekerjaan kepada graduan Kolej Komuniti Masjid Tanah. Oleh itu, kepuasan majikan terhadap prestasi pelajar latihan industri mempengaruhi majikan untuk menawarkan pekerjaan kepada pelajar sebaik sahaja tamat menjalani latihan industri. Kajian ini dijalankan untuk melihat faktor-faktor yang mempengaruhi kepuasan majikan terhadap pelajar latihan industri Kolej Komuniti Masjid Tanah. Sebanyak 83 majikan dipilih sebagai sampel kajian dan analisis Inferensi (Regressi Pelbagai) telah dilaksanakan menggunakan SPSS 23.0 bagi menjawab persoalan kajian. Ujian normaliti telah dijalankan bagi membuktikan data yang diperoleh adalah bertabur secara normal. Analisis ujian kenormalan menggunakan Kolmogorov-Smirnova menunjukkan nilai signifikan ( $p>0.05$ ). Oleh itu, data ini mempunyai taburan yang normal kerana nilai signifikan = 0.200 yang melebihi ( $p>0.05$ ). Seterusnya melalui analisis diskriptif mendapati tahap kepuasan majikan ( $\mu = 4.154$ ,  $\sigma = 0.55$ ) terhadap pelajar LI KKMT adalah tinggi dan melalui analisis Regressi Pelbagai telah menunjukkan wujud penglibatan signifikan faktor-faktor yang mempengaruhi kepuasan majikan terhadap pelajar Latihan Industri Kolej Komuniti Masjid Tanah. Satu (1) faktor iaitu Kemahiran ( $\beta = 0.684$ ;  $p = 0.00$ ) merupakan faktor signifikan dalam mempengaruhi kepuasan majikan terhadap pelajar Latihan Industri Kolej Komuniti Masjid Tanah. Dua (2) faktor lain iaitu Pengetahuan ( $\beta = -0.016$ ;  $p = 0.867$ ) dan Kemahiran Insaniah ( $\beta = 0.114$ ;  $p = 0.234$ ) pula terbukti bukanlah faktor yang menyumbang kepada kepuasan majikan terhadap pelajar Latihan Industri Kolej Komuniti Masjid Tanah. Hasil kajian ini boleh digunakan oleh pihak pengurusan dan pensyarah kolej komuniti untuk meningkatkan kualiti kaedah pengajaran dan pembelajaran terhadap pelajar kolej komuniti dengan mengambil kira faktor peramal ini sebagai panduan.

**Kata Kunci:** Kepuasan Majikan, Latihan Industri dan Kolej Komuniti

## Hubungan Personaliti Pelajar Kolej Komuniti Dalam Aktiviti Kokurikulum

Muhamad Firdaus Ismail<sup>1</sup>, Siti Nurul Atikha Rasol<sup>2</sup>, Muhammad Faizal Nin<sup>3</sup>

<sup>1</sup> Kolej Komuniti Batu Pahat, firdaus.ismail@kkbpj.edu.my

<sup>2</sup> Kolej Komuniti Muar, atikahkkmuar@gmail.com

<sup>3</sup> Kolej Komuniti Bandar Tenggara, faizal@kktenggara.edu.my

### Abstrak

Aktiviti kokurikulum adalah satu kegiatan pembelajaran yang dirancang selain daripada proses pembelajaran dan pengajaran dan biasa dilakukan di luar bilik darjah. Bagi mencapai objektif pembelajaran dan pengajaran dalam aktiviti kokurikulum, ianya dilaksanakan samada melalui aktiviti badan beruniform, persatuan, kelab, sukan dan permainan. Dalam kajian ini, kokurikulum difokuskan kepada aktiviti sukan sahaja kerana ianya mampu menjana kemajuan dari segi fizikal, mental, sosial dan emosi individu. Tujuan dijalankan kajian ini adalah bertujuan untuk membincangkan hubungan personaliti pelajar yang terlibat dalam aktiviti kokurikulum (sukan) di Kolej Komuniti. Kajian ini berbentuk kuantitatif yang melibatkan tiga Kolej Komuniti iaitu Kolej Komuniti Batu Pahat, Kolej Komuniti Bandar Tenggara dan Kolej Komuniti Muar dan mempunyai populasi responden sebanyak 130 orang pelajar. Instrumen kajian ini merupakan set soal selidik yang telah dibangunkan dan diagih kepada responden. Data dikumpul dan dianalisis menggunakan perisian SPSS (*Statistical Package for Social Science*) untuk mendapatkan frekuensi, peratus, min, Korelasi Pearson dan kemudiannya dibuat dalam bentuk jadual. Dapatkan kajian telah menunjukkan responden memberikan maklum balas yang positif terhadap tahap penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum (sukan) dan tahap pembinaan personaliti pelajar. Secara keseluruhannya, hasil kajian ini juga menunjukkan terdapat hubungan antara tahap penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum (sukan) dengan tahap personaliti pelajar.

**Kata Kunci:** Tahap, Kokurikulum, Personaliti, Kolej Komuniti

## Kajian Terhadap Kepuasan Mengikuti Pengajian Sijil Teknologi Elektrik : Dari Perspektif Graduan Kolej Komuniti Sungai Siput

Zaharah Alang Ahmad<sup>1</sup>, Suzzana Noordin<sup>2</sup>, Mazlini Mastura Yusof<sup>3</sup>

<sup>1</sup>Kolej Komuniti Sungai Siput, zaharaha712@gmail.com

<sup>2</sup>Kolej Komuniti Sungai Siput, suzzananoordin617@gmail.com

<sup>3</sup>Kolej Komuniti Sungai Siput, mmh\_171@yahoo.com

### Abstrak

Alumni merupakan suatu aset utama dan dianggap duta bagi sebuah pusat pengajian tinggi seperti Kolej Komuniti. Lanjutan daripada itu, maka setiap pandangan daripada para alumni berkaitan dengan sistem pengoperasian yang melibatkan kurikulum, pensyarah, prasarana dan bimbingan kerjaya adalah amat diperlukan. Tujuan kajian ini adalah untuk mendapatkan pandangan alumni Sijil Teknologi Elektrik Kolej Komuniti Sungai Siput berkenaan empat elemen yang dinyatakan di atas. Pendekatan kajian ini adalah berbentuk kuantitatif dengan menggunakan pengedaran soal selidik secara dalam talian kepada pelajar ambilan Julai 2017 dan Jun 2018 yang telah pun bergraduan. Analisis data pula adalah menggunakan perisian SPSS. Bilangan alumni yang memberi maklumbalas adalah seramai lapan puluh empat (84) orang. Dapatan kajian mendapati bahawa alumni memberikan jawapan yang memberansangkan dan berpuashati dengan kurikulum, layanan pensyarah, prasarana di kolej dan bimbingan kerjaya yang diberi. Kesimpulan daripada kajian ini menunjukkan bahawa sistem pengoperasian di Kolej Komuniti Sungai Siput yang melibatkan empat elemen iaitu kurikulum, pensyarah, prasarana dan bimbingan kerjaya yang dikaji adalah berada pada landasan yang baik dan betul.

**Kata kunci:** Kurikulum; Pensyarah; Prasarana

## Persepsi Pelajar Terhadap Penubuhan Artgeng KKS Sebagai Tapak Permulaan Pelajar Kolej Komuniti Segamat Berkarya

Sahirda Ithnain

Kolej Komuniti Segamat, , ezrida83@gmail.com

### Abstrak

Kelab Animasi Kolej Komuniti Segamat dengan kerjasama Unit Animasi 2D Kolej Komuniti Segamat telah bersepakat untuk menujuhkan satu platform untuk pelajar menonjolkan bakat melalui penubuhan Artgeng KKS. Penubuhan Artgeng KKS adalah salah satu inisiatif untuk membuka ruang kepada pelajar Kolej Komuniti Segamat bagi menunjukkan bakat dan kebolehan untuk terus berkarya. Jika dilihat, pelajar Kolej Komuniti Segamat kurang terdedah dengan aktiviti penglibatan luar terutama dalam mengembangkan idea dan bakat dalam seni kreatif sedangkan peluang terbuka luas. Oleh itu, Artgeng KKS berperanan menyebarkan maklumat dan informasi berkaitan peluang-peluang pameran dan menjadi pusat menimba ilmu. Oleh demikian, objektif kajian ini dijalankan untuk mengkaji kesan penubuhan Artgeng KKS dan persepsi pelajar terhadap Artgeng KKS sebagai tapak permulaan pelajar Kolej Komuniti Segamat berkarya. Seramai 18 orang responden yang terdiri daripada pelajar Kolej Komuniti Segamat telah dipilih sebagai responden dalam kajian ini. Instrumen borang soal selidik secara atas talian telah digunakan untuk memperoleh data kuantitatif. Analisis data adalah menggunakan perisian *Statistical for Social Science (SPSS) version 26* dan menggunakan analisis statistik deskriptif yang melibatkan peratus dan nilai skor min. Dapatan kajian terhadap kesan penubuhan Artgeng KKS menunjukkan skor min 4.47 ditahap yang tinggi, manakala skor min bagi persepsi terhadap Artgeng KKS sebagai tapak permulaan pelajar Kolej Komuniti Segamat berkarya ialah 4.31 juga ditahap tinggi.

**Kata Kunci:** Kelab Animasi Kolej Komuniti Segamat; Artgeng KKS; Pelajar Kolej Komuniti Segamat



## Kajian Kebolehpasaran Graduan Diploma Kejuruteraan Mekanikal (Pembuatan) Di Politeknik

Mohd Zahir @ Mohd Zaid bin Abdul Kadir  
Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin, zahir@psmza.edu.my

### Abstrak

Kebolehpasaran graduan adalah penunjuk prestasi bagi kejayaan sesebuah insitusi dalam usaha untuk mengeluarkan tenaga kerja. Pelbagai program telah ditawarkan diperingkat Sijil, Diploma dan Ijazah demi memenuhi keperluan industri. Untuk menilai keberkesanan program maka ia perlu dinilai melalui kadar kebolehpasaran. Sehubungan itu, satu kajian kebolehpasaran graduan telah dijalankan terhadap program Diploma Kejuruteraan Mekanikal (Pembuatan) (DTP) yang ditawarkan di politeknik. Tujuan utama kajian ini dijalankan ialah bagi melihat peratusan status pekerjaan graduan yang bekerja, melanjutkan pengajian, meningkatkan kemahiran, menunggu penempatan pekerjaan dan belum bekerja. Responden kajian adalah seramai 654 orang graduan daripada 12 politeknik yang menawarkan program DTP. Kajian ini dijalankan pada tahun 2020 yang melibatkan responden yang telah berkonvoksyen dalam tahun 2020. Reka bentuk kajian adalah bentuk kuantitatif dimana instrumen kajian yang digunakan adalah berbentuk soal selidik dan dijalankan secara atas talian. Proses menganalisa data menggunakan perisian Statistical Package for Social Science (SPSS) versi 21. Penganalisaan data menggunakan skor bilangan dan peratusan. Dapatkan kajian menunjukkan status kebolehpasaran graduan yang bekerja adalah sebanyak 73.8 peratus, melanjutkan pengajian 16.8 peratus, meningkatkan kemahiran 0.6 peratus, menunggu penempatan pekerjaan 2.1 peratus dan belum bekerja sebanyak 6.6 peratus. Secara keseluruhan kadar kebolehpasaran program DTP adalah sebanyak 93.6 peratus. Dapat yang diperolehi melebihi sasaran 80 peratus yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi dan ini menunjukkan kebolehpasaran graduan DTP masih relevan dengan keperluan industri.

**Kata kunci:** Graduan, kebolehpasaran, politeknik

A large, modern skyscraper with a glass and steel facade is shown from a low-angle perspective, appearing to rise towards the sky. The building's surface reflects the surrounding environment. The background is a clear blue sky with some wispy clouds. The entire image is framed by a yellow border with blue diagonal stripes.

# **ABSTRAK**

# **PENGURUSAN**

# **ORGANISASI DAN**

# **SISTEM**

# **PENTADBIRAN**

## Persepsi Kakitangan Kolej Komuniti Kuantan Terhadap Aktiviti Kecergasan Fizikal

Mohd Yusof bin Zakaria<sup>1</sup>, Cik Siti Nor Suhaila binti Che Amat<sup>2</sup>, Wan Ghani bin Wan Pi<sup>3</sup>

<sup>1</sup> Kolej Komuniti Kuantan, Yusofzakaria@gmail.com

<sup>2</sup> Kolej Komuniti Kuantan, Csuhaila.cheamat@gmail.com

<sup>3</sup> Politeknik Kota Bharu, wanpiwanghani@gmail.com

### Abstrak

Aktiviti kecergasan fizikal merupakan salah satu aktiviti yang dijalankan oleh masyarakat Malaysia pada hari ini. Kesihatan diri boleh dicapai dengan menjaga pemakanan, rehat yang mencukupi dan melakukan aktiviti kecergasan fizikal. Kesihatan yang baik memainkan peranan yang penting kepada sesebuah organisasi dalam melahirkan kakitangan yang cemerlang dan mampu berdaya saing. Justeru itu, kajian ini dibentuk bagi mengenalpasti persepsi kakitangan Kolej Komuniti Kuantan terhadap aktiviti kecergasan fizikal, mengenalpasti apakah jenis motivasi yang menggalakkan kakitangan melakukan aktiviti kecergasan fizikal dan mengenalpasti jenis aktiviti kecergasan fizikal yang sering dilakukan oleh kakitangan. Kajian ini menggunakan soal selidik yang dijalankan secara atas talian dengan penggunaan *google form* sebagai medium instrument kajian. Sebanyak 69 responden yang terdiri daripada kakitangan Kolej Komuniti Kuantan dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package For Social Science* (SPSS) yang diyakini bersetujuan dengan kajian berbentuk kuantitatif. Hasil dapatan kajian yang diperolehi menunjukkan bahawa persepsi kakitangan dalam melakukan aktiviti kecergasan fizikal di tahap sederhana tinggi. Dimana skor min tertinggi adalah 4.09 iaitu responden bersetuju bahawa "Mereka yang selalu bersenam dan kerap melakukan aktiviti fizikal mempunyai kekuatan otot,stabiliti yang lebih baik dan kurang berisiko untuk cedera". Manakala jenis motivasi yang menggalakkan kakitangan melakukan aktiviti kecergasan adalah kakitangan suka melibatkan diri dalam aktiviti fizikal secara berkumpulan dimana skor min adalah 4.17. Melalui kajian ini juga, didapati kakitangan Kolej Komuniti Kuantan tidak berminat kepada aktiviti olahraga tetapi lebih menggemari aktiviti berkumpulan Dapatkan kajian ini dapat membantu pihak pengurusan menambah baik keperluan kakitangan dalam melakukan aktiviti kecergasan fizikal. dengan melihat kesesuaian dari segi faktor kepada masa, kewangan dan peralatan

**Kata kunci :** Kecergasan fizikal, kakitangan, pengurusan

## Keberkesanan Penggunaan OSC@KKBDA Dalam Kalangan Staf Kolej Komuniti Bandar Darulaman

Mazuin Stapah @ Salleh<sup>1</sup>, Zaili Ibrahim<sup>2</sup>, Norzeti Zainal<sup>3</sup>

<sup>1</sup> Kolej Komuniti Bandar Darulaman, mazuin@staf.kkbda.edu.my

<sup>2</sup> Kolej Komuniti Bandar Darulaman, zaili@staf.kkbda.edu.my

<sup>3</sup> Kolej Komuniti Bandar Darulaman, zety@kkbda.edu.my

### Abstrak

Pengkomputeran awan telah menjadi tren kepada kebanyakan organisasi di seluruh dunia kerana capaian data boleh dilakukan di mana-mana sahaja dengan cepat dan tepat. Kolej Komuniti Bandar Darulaman merupakan pusat pengajian tinggi yang sentiasa memerlukan teknologi terkini dalam proses pengurusan, komunikasi dan kaedah penyampaian maklumat. Staf KKBDA sering berdepan dengan masalah komunikasi dan penyampaian maklumat yang kurang efisien. Menjadi satu kerugian kepada pihak pengurusan apabila terdapat staf yang menghadapi keciciran maklumat terkini dan kadangkala berlaku kehilangan data. Kos pengurusan juga menjadi tinggi kerana melibatkan penggunaan kertas yang banyak bagi tujuan cetakan surat, memo, borang dan sebagainya. Sebagai langkah penyelesaian, pihak Pengurusan dan Unit Jaminan Kualiti telah memutuskan untuk membina satu platform yang diberi nama One Stop Centre (OSC@KKBDA). Platform ini membolehkan staf KKBDA untuk memuat naik fail yang boleh dikongsi bersama. Kewujudan OSC mampu berfungsi sebagai platform sandaran untuk mengelakkan kehilangan data dan maklumat. Selain itu, ia juga dapat menjimatkan kos pengurusan dari segi bahan cetak, masa dan mudah dicapai di mana sahaja. Proses pembangunan OSC menggunakan model reka bentuk bersistem ADDIE yang merangkumi fasa Analisis untuk mengenalpasti masalah, fasa Rekabentuk untuk menghasilkan mock up sistem, fasa Pembangunan untuk membina Google Site, fasa Implementasi merangkumi hebahan penggunaan serta fasa Pengujian meliputi kajian keberkesanan. Soal selidik berbentuk skala likert 5 mata yang terdiri daripada bahagian maklumat demografi responden dan soalan pengujian keberkesanan penggunaan OSC@KKBDA telah diedarkan kepada 45 orang responden. Data menunjukkan min bagi konstruk kebergunaan adalah 4.2, kecekapan adalah 4.1 dan kesesuaian adalah 4.1. Min keseluruhan bagi kajian ini adalah 4.1. Cadangan penambahanbaikan adalah untuk menjadikan fungsi OSC lebih dinamik dan menjadi medium komunikasi serta penyampaian maklumat utama di KKBDA. Kesimpulannya, OSC@KKBDA telah membantu pihak pengurusan dalam meningkat kecekapan penyampaian maklumat kepada semua staf KKBDA.

**Kata kunci:** pengkomputeran awan, OSC@KKBDA, komunikasi; penyampaian maklumat

## Analisa Pemahaman Sasaran Kerja Tahunan (SKT) Dan Laporan Nilaian Prestasi Tahunan (LNPT) Serta Penggunaan Rubrik Penilaian Di kalangan Pegawai Kolej Komuniti Kuala Pilah

Ahmad Afandi Abd Khalil<sup>1</sup>, Normazlina Othman<sup>2</sup>, Farah Zurin Salleh<sup>3</sup>

<sup>1</sup>Kolej Komuniti Kuala Pilah, pgrhkkpilah@mohe.gov.my

<sup>2</sup>Kolej Komuniti Kuala Pilah, normazlina@kkp.edu.my

<sup>3</sup>Kolej Komuniti Kuala Pilah, farah@kkp.edu.my

### Abstrak

Penilaian Laporan Nilaian Prestasi Tahunan (LNPT) merupakan kaedah menilai penjawat awam dalam melaksanakan tugas dengan berpandukan kepada Sasaran Kerja Tahunan (SKT) dan wajib dilaksanakan di dalam sistem Perkhidmatan Awam Malaysia. Penulisan analisa ini dibuat bagi melihat pemahaman pegawai dalam membuat penetapan Sasaran Kerja Tahunan serta keperluan kepada pegawai penilai untuk melaksanakan pemantauan pencapaian secara berterusan agar pegawai yang diselia dapat mencapai prestasi yang baik bagi kepentingan kerjaya dan seterusnya menyumbang kepada pencapaian prestasi institusi. Penulisan analisa ini dibuat secara kuantitatif menggunakan instrumen soal selidik yang mengandungi 20 item soalan berkaitan serta contoh rubrik penilaian Laporan Nilai Prestasi Tahunan bagi melihat keberkesanan penggunaan instrumen (rubrik) sebagai panduan kepada pegawai yang diselia supaya lebih berfokus dalam menjalankan tugas. Borang soal selidik ini telah diedarkan kepada seramai 35 responden yang terdiri daripada Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi (PPPT) kategori Pengurusan dan Profesional serta pegawai sokongan. Soal selidik yang dibuat berfokuskan kepada permaianan, hubungkait prestasi dan keperluan garis panduan dalam pengisian dan penilaian prestasi. Hasil dapatkan menunjukkan pemahaman di kalangan pegawai berkaitan keperluan mengisi Sasaran Kerja Tahunan adalah 85.7%. Tahap pemahaman pegawai berkaitan keperluan perbincangan bersama pegawai penilai dalam penetapan Sasaran Kerja Tahunan adalah 82.9%. Pemahaman hubung kait Sasaran Kerja Tahunan bersama tugas hakiki dan tugas sampingan adalah 85.7%. Manakala 80% mengetahui prestasi pegawai mempengaruhi pencapaian prestasi sesebuah institusi. Secara keseluruhan fungsi instrumen rubrik dalam memastikan penilaian prestasi dilakukan dengan sistematik dan telus dipersetujui oleh 80% responden.

**Kata Kunci:** SKT; LNPT; Rubrik

## Kajian Indeks Kepuasan Pensyarah Kolej Komuniti Jasin Bagi Tahun 2020

Dian Ainor Mizan<sup>1</sup>, Roslinda Osman<sup>2</sup>

<sup>1</sup> Kolej Komuniti Jasin, Merlimau Melaka, dian@kkjs.edu.my

<sup>2</sup> Kolej Komuniti Jasin, Merlimau, Melaka, roslinda@kkjs.edu.my

### Abstrak

Dalam membincangkan berkenaan jaminan kualiti pendidikan tinggi, penambahbaikan secara berterusan (CQI), pemantauan dan penyemakan merupakan elemen-elemen yang penting yang perlu dilaksanakan oleh sesebuah institusi Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT). Input-input daripada pihak berkepentingan luaran mahupun dalaman seperti pihak industri, komuniti, pensyarah dan pelajar perlu dinilai. Kajian Indeks Kepuasan Pensyarah ini dijalankan untuk mengenalpasti tahap kepuasan pensyarah terhadap amalan pengurusan di Kolej Komuniti Jasin bagi tahun 2020. Seramai 42 orang responden telah menjawab soalselidik skala Likert yang diedarkan secara dalam talian. Dapatkan soal selidik tersebut telah dianalisa menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science* (SPSS) versi 22.0. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa pensyarah Kolej Komuniti Jasin sangat bersetuju (sangat berpuas hati) pada bahagian Persekitaran Tempat Kerja dan setuju (puas hati) terhadap bahagian lain iaitu bahagian Indeks Kepuasan Staf Akademik, Kepimpinan Penyelia, Pengiktirafan/Kemajuan Kerjaya, Hubungan Tempat Kerja dan Kemudahan Pembelajaran dan Pengajaran (PdP). Terdapat beberapa cadangan penambahbaikan yang dikemukakan bagi tujuan semakan semula pihak pengurusan khususnya dari segi pelaksanaan penggiliran tugas dan peluang mendapatkan penghargaan bagi tugas yang cemerlang. Kesimpulannya, pensyarah Kolej Komuniti Jasin bersetuju (berpuas hati) dengan kepimpinan pengurusan bagi tahun 2020.

**Kata kunci:** indeks kepuasan, pensyarah, Kolej Komuniti Jasin

## Pengaruh Kepuasan Kerja Terhadap Prestasi Kerja: Satu Kajian Ke Atas Pensyarah Akademik

Mohammad Firdaus Ani<sup>1</sup>, Norbaizurina Mat Nayan<sup>1</sup>, Mohd Azizi Omar<sup>1</sup>

<sup>1</sup> Kolej Komuniti Taiping, firdaus@kktaiping.edu.my

<sup>2</sup> Kolej Komuniti Taiping, baizurina@ kktaiping.edu.my

<sup>3</sup> Kolej Komuniti Taiping, azizi@ kktaiping.edu.my

### Abstrak

Objektif utama kajian adalah untuk menilai tahap kepuasan kerja dan prestasi kerja di kalangan kakitangan pensyarah di Kolej Komuniti Taiping, Perak. Perhubungan di antara dimensi-dimensi kepuasan kerja dan prestasi kerja dinilai dalam kajian ini. Selain itu, kajian ini mengenal pasti dimensi-dimensi signifikan yang mempengaruhi tahap kepuasan kerja mereka. Responden dalam kajian ini terdiri daripada 24 orang pensyarah akademik yang bertugas di Kolej Komuniti Taiping, Perak. Perisian "Statistical Packages for Social Science (SPSS)" versi 25.0 telah digunakan untuk memproses data yang diperolehi. Pengumpulan data dilakukan dengan kaedah pengedaran borang soal selidik secara atas talian menggunakan "Google Form". Penilaian melalui teknik analisis deskriptif telah digunakan bagi menilai tahap prestasi kerja dan kepuasan kerja berdasarkan empat dimensi iaitu bidang tugas, penyelia, pengiktirafan dan rakan sekerja. Kajian ini juga menggunakan analisis inferensi bagi tujuan mengenalpasti hubungan dan pengaruh antara boleh ubah bersandar dan boleh ubah bebas. Ujian korelasi Pearson dan regresi juga digunakan dalam kajian ini. Penulis mendapat terdapat hubungan yang signifikan di antara kepuasan kerja terhadap prestasi kerja. Kepuasan kerja telah mempengaruhi prestasi kerja sebanyak 45.1%. Kesimpulannya, kajian ini berjaya membuktikan bahawa dimensi kepuasan kerja mempengaruhi prestasi kerja di kalangan para pensyarah.

**Kata kunci:** pengaruh kepuasan kerja, prestasi kerja, hipotesis, analisis deskriptif

## Tahap Kepuasan Bekerja Dalam Kalangan Kakitangan Kolej Komuniti Paya Besar dan Kolej Komuniti Cawangan Maran

Mohd Hasrizam Bin Hasan<sup>1</sup>, Basliza binti Mohamad Noor<sup>2</sup>, Mohd Sanusi Mohd Mokhtar<sup>3</sup>

<sup>1</sup> Kolej Komuniti Paya Besar, mohd.hasrizam@yahoo.com

<sup>2</sup> Kolej Komuniti Paya Besar, basliza2002@gmail.com

<sup>3</sup> Kolej Komuniti Paya Besar, m.sanusi05@gmail.com

### Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji tahap kepuasan bekerja dalam kalangan kakitangan Kolej Komuniti Paya Besar dan Kolej Komuniti Cawangan Maran, Kementerian Pengajian Tinggi. Kepuasan bekerja adalah emosi yang menyenangkan terhadap pekerjaan. Terdapat empat skop yang dinilai seperti persekitaran, kemudahan dan peralatan, pengurusan dan kendiri. Semua skop ini dinilai bagi mengenalpasti tahap kepuasan bekerja kakitangan KKPB dan KKCM. Kajian ini dilakukan secara diskriptif dengan menggunakan satu set borang soal selidik sebagai instrumen kajian. Responden terdiri daripada para kakitangan yang berkhidmat di KKPB dan KKCM. Dapatkan kajian menunjukkan Tahap Kepuasan Bekerja bagi kakitangan KKPB dan KKCM adalah sebanyak 71.9% dari aspek persekitaran, kemudahan dan peralatan yang disediakan berada pada tahap 79.7%, pengurusan sumber manusia sebanyak 86% dan kendiri adalah 91.3%. Ternyata semua aspek ini memainkan peranan penting dalam memastikan tahap kepuasan bekerja bagi kakitangan KKPB dan KKCM berada pada tahap yang baik. Kajian ini perlu dibuat dengan lebih mendalam dengan menambah skop yang lain seperti skop luaran bagi membantu pihak institusi memastikan tahap kepuasan bekerja kakitangan adalah sentiasa berada pada tahap yang baik dari semua segi. Secara keseluruhan tahap kepuasan bekerja di KKPB dan KKCM berada pada tahap 82.2% iaitu pada tahap baik.

**Katakunci:** kepuasan, bekerja, kakitangan

## Hubungan Governan Terhadap Pembangunan Inovasi dan Pengkomersialan di Kolej Komuniti

Utami Hidayah Abdul Aziz<sup>1</sup>, Mohd. Norhadi Muda<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Kolej Komuniti Kuala Langat, utamiaziz@gmail.com

<sup>2</sup> Pusat Penyelidikan dan Inovasi, norhadimuda@gmail.com

### Abstrak

Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) merupakan sistem pendidikan yang mempunyai matlamat dalam penyelidikan, inovasi dan pengkomersialan untuk menghasilkan penemuan baharu dan permindahan teknologi. Kolej Komuniti juga tidak ketinggalan untuk merealisasi amalan ini khususnya dalam pembangunan inovasi dan pengkomersialan. Salah satu halangan aktiviti pembangunan inovasi dan pengkomersialan adalah keperluan kepada governan dan seliaan yang berfokus berstruktur. Justeru governan yang efektif boleh menambahbaik proses pembangunan inovasi dan pengkomersialan Kolej Komuniti sejajar dengan pelan strategik. Penambahbaikan produk dan perkhidmatan yang dibangun hasil kepakaran dan kreativiti pensyarah dan pelajar kolej komuniti. Objektif kajian ini mengenal pasti faktor governan yang mempengaruhi aktiviti pembangunan inovasi dan pengkomersialan. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan menggunakan instrumen borang soal selidik dan responden adalah 90 Ketua Penyelidikan, Inovasi dan Komersial Kolej Komuniti Malaysia. Hasil analisis kolarasi iaitu 0.54-0.77 membuktikan faktor governan iaitu prosedur, polisi, struktur organisasi, pekeliling dan operasi mempunyai hubungan yang kuat. Hasil kajian ini boleh dijadikan panduan kepada Kolej Komuniti merancang dan menentu hala tuju pembangunan inovasi dan pengkomersialan.

**Kata Kunci:** faktor governan, inovasi, pengkomersialan, Kolej Komuniti,

## Kecenderungan Menjalankan Penyelidikan dan Inovasi di Kalangan Pensyarah: Satu Kajian di Kolej Komuniti Segamat

Muhammad Zuhairy Zulkifli<sup>1</sup>, Norsharizan Abd Wahab<sup>2</sup>, Nazila Masdor<sup>3</sup>

<sup>1</sup>Kolej Komuniti Segamat, zuhairy@kkseg.edu.my

<sup>2</sup>Kolej Komuniti Segamat, , n\_abdwahab@kkseg.edu.my

<sup>3</sup>Kolej Komuniti Segamat, , nazila@kkseg.edu.my

### Abstrak

Kajian ini dijalankan adalah untuk mengenalpasti tahap kecenderungan pensyarah dalam menjalankan penyelidikan dan inovasi di Kolej Komuniti Segamat. Responden kajian ini terdiri daripada 43 orang pensyarah daripada semua program di Kolej Komuniti Segamat. Instrumen kajian menggunakan borang soal selidik yang mengandungi dua skop utama kajian iaitu tahap pengetahuan pensyarah terhadap penyelidikan dan inovasi dan faktor-faktor yang mempengaruhi mereka untuk menjalankan penyelidikan dan inovasi. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan perisian Statistical for Social Science (SPSS) v26. Dapatkan kajian menunjukkan para pensyarah mempunyai pengetahuan yang tinggi terhadap penyelidikan dan inovasi. Walau bagaimanapun terdapat enam faktor yang kurang memberi impak dalam mendorong mereka untuk menjalankan penyelidikan dan inovasi iaitu galakan dan sokongan pihak pengurusan, kemudahan pakar rujuk luar, kemudahan peralatan dan fasiliti, peruntukan masa, sumber kewangan dan kursus atau bengkel persediaan dalam menjalankan penyelidikan dan inovasi. Daripada dapatan kajian, penyelidik telah mencadangkan beberapa pendekatan yang boleh dilaksanakan seperti membuat sistem ganjaran, jaringan kolaborasi dengan pakar rujuk luar, menaik taraf kemudahan fasiliti, memperuntukkan masa khas kepada pensyarah dan menyediakan peruntukan kewangan bagi menarik minat mereka.

**Kata Kunci:** Penyelidikan; inovasi; pensyarah

## Kepuasan Bekerja Staf Akademik Jabatan Kejuruteraan Perkapalan Politeknik Bagan Datuk, Perak Tahun 2020

Zunuwanas Bin Mohamad<sup>1</sup>, Nurhaslinda Binti Yaakub<sup>2</sup>,

<sup>1</sup> Politeknik Bagan Datuk, zunuwanas@yahoo.co.uk

<sup>2</sup> Politeknik Bagan Datuk, nurhaslinda@pbd.edu.my

### Abstrak

Dalam menentukan kejayaan sesebuah organisasi pelbagai pengukuran yang telah dilaksanakan oleh organisasi. Satu kaedah yang selalu digunakan adalah dengan mengkaji kepuasan bekerja di kalangan staf atau pekerja sesebuah organisasi. Jika sesenuah organisasi dapat memberikan kepuasan bekerja kepada pekerjanya, ianya akan dapat meningkatkan imej sesebuah organisasi dan juga dapat meningkatkan motivasi serta produktiviti semua pekerjanya. Tujuan utama kajian ini dilaksanakan adalah untuk mengenaplasti faktor kepuasan bekerja dikalangan staf akademik Jabatan Kejuruteraan Perkapalan (JKP), Politeknik Bagan Datuk, Perak. Seramai 16 responden terlibat dalam kajian yang berbentuk kuantitatif kajian kes ini. Instrumen yang digunakan adalah soal selidik dan dianalisis menggunakan perisian "Statistical Package of the Social Sciences ( SPSS)" untuk mendapatkan statistik deskriptif dalam bentuk kekerapan, peratus dan min. Dapatian kajian menunjukkan bahawa responden menyatakan beberapa faktor kepuasan bekerja iaitu kepimpinan, persekitaran kerja, kemudahan fasiliti, peningkatan kerjaya, governan, pengiktirafan & ganjaran, pengajaran dan pembelajaran dan kepuasan bekerja. Hasil dapatan kajian ini, dicadangkan beberapa penambahbaikan yang sesuai bagi meningkatkan tahap kepuasan bekerja di kalangan staf akademik JKP, Politeknik Bagan Datuk, Perak.

**Kata kunci:** Jabatan Kejuruteraan Perkapalan, Politeknik Bagan Datuk, Kepuasan bekerja

## Cabaran Dan Cadangan Penambahbaikan Terhadap Peningkatan Pencapaian Key Performance Indicator (KPI) Jabatan Pendidikan Politeknik Dan Kolej Komuniti (JPPKK) Politeknik Merlimau

Noraihan Isa

<sup>1</sup> Politeknik Merlimau,, noraihan@pmm.edu.my

### Abstrak

Pengurusan, pemantauan dan pencapaian KPI di sesuatu jabatan atau institusi menjadi pemangkin kelancaran Pelan Strategik Politeknik dan Kolej Komuniti 2018-2025. Hal ini bertepatan dengan Visi Pelan Strategik tersebut untuk menjadi peneraju Institusi *Technical and Vocational Education and Training* (TVET) yang unggul menjelang tahun 2025. KPI di Politeknik Merlimau bagi tahun 2018-2020 menunjukkan satu peningkatan yang baik, namun masih ada KPI yang ditetapkan tidak mencapai skor sasaran yang digariskan oleh Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK). Dalam keadaan itu, tiada garis panduan bertulis yang membincangkan kaedah atau langkah-langkah yang perlu diambil bagi mencapai KPI mengikut skor sasaran yang ditetapkan. Kertas kajian ini membincangkan cabaran yang dihadapi oleh *Person In-Charge* (PIC) Institusi KPI yang tidak mencapai skor sasaran bagi tahun 2018-2020 serta cadangan penambahbaikan. Metodologi yang digunakan berbentuk kualitatif, yang melibatkan pemerhatian, temubual dan penyemakan dokumen pegawai yang bertanggungjawab dalam pelaksanaan KPI yang berkaitan. Hasil kajian menunjukkan melalui tindakan wajar yang diambil oleh kesemua PIC yang terlibat telah menunjukkan peningkatan prestasi institusi daripada 91.4% pada tahun 2018 meningkat kepada 99.68% pada tahun 2020 dengan purata kenaikan tahunan sebanyak 4.14%. Hasil penyelidikan ini dapat meningkatkan pencapaian KPI Institusi khususnya Politeknik Merlimau dan sekaligus menaikkan peratus pencapaian KPI JPPKK tahunan.

**Kata kunci:** Key Performance Indicator (KPI); skor sasaran; strategi penambahbaikan



## Persepsi Pensyarah Terhadap Pelaksanaan Bekerja Dari Rumah (BDR) Dalam Tempoh Pandemik Covid-19

Fairulnizar bin Rahmat<sup>1</sup>, Mohd Lazim bin Sadikan <sup>2</sup>


<sup>1</sup>Kolej Komuniti Bandar Penawar, fairulnizar@kkbpenawar.edu.my

<sup>2</sup>Kolej Komuniti Bandar Penawar ,lazim@kkbpenawar.edu.my

### Abstrak

Berikutan pengumuman Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) semua pekerja sektor penjawat awam dan swasta telah diarahkan untuk bekerja dari rumah bagi membendung penularan wabak Coronavirus (Covid-19). Arahan BDR telah dikuatkuasakan di semua agensi melalui edaran pekeliling garis panduan bekerja dari rumah kepada penjawat awam dan ketua jabatan bagi membendung penularan wabak Covid-19. Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti mengenai persepsi pensyarah terhadap pelaksanaan Bekerja Dari Rumah (BDR) semasa tempoh pandemik Covid-19. Rekabentuk kajian menggunakan pendekatan secara kuantitatif dengan kaedah tinjauan menggunakan soal selidik berskala Linkert 5 mata untuk mencari dan mengkaji kelebihan dan kelemahan bekerja dari rumah (BDR) semasa pandemik COVID-19. Dalam kajian ini, responden adalah terdiri dari 40 orang pensyarah di Kolej Komuniti Bandar Penawar dan Kolej Komuniti Cawangan Gelang Patah. Hasil kajian menunjukkan persepsi pensyarah berada pada tahap tinggi terhadap kelebihan pelaksanaan bekerja dari rumah (BDR) dan terdapat kelemahan terutama dari gangguan ahli keluarga dan kekurangan kemudahan dan alatan semasa bekerja dari rumah (BDR). Hasil kajian beberapa cadangan yang praktikal untuk menjayakan pelaksanaan bekerja dari rumah dengan lebih berkesan dalam tempoh pandemik Covid-19.

**Kata kunci:** Persepsi, Pandemik COVID-19, Bekerja Dari Rumah (BDR)

A large, modern skyscraper with a glass and steel facade is positioned on the left side of the page, angled towards the center. The building's surface reflects the sky and clouds. The background is a light yellow color with dark blue and yellow geometric shapes (triangles and trapezoids) overlaid, creating a dynamic composition.

# **RINGKASAN *BEST PRACTICE***

## Pengenalan

Slot *Best Practice* ini merupakan platform untuk berkongsi amalan terbaik yang menjadi kekuatan institusi dalam melaksanakan pembelajaran sepanjang hayat (PSH). PSH di politeknik di bawah seliaan Bahagian Kolaborasi Industri dan Komuniti dan manakala PSH di kolej komuniti di bawah seliaan Bahagian Kurikulum serta PSH Bermodul (Kredit) secara khususnya di bawah seliaan Bahagian Peperiksaan dan Penilaian.

Sebuah politeknik dan lima buah kolej komuniti telah terpilih sebagai Anugerah Institusi Cemerlang PSH 2020 yang telah diumumkan semasa Majlis Aspirasi Ketua Pengarah JPPKK 2021. Politeknik dan kolej komuniti tersebut akan berkongsi amalan terbaik dalam pelbagai pengurusan PSH di institusi seperti pengurusan penyelarasan PSH, jaringan kolaborasi dengan kementerian, jabatan atau agensi dalam menjalankan PSH, pengurusan akaun amanah dan hebahan dalam mempromosi PSH kepada kumpulan sasaran. Perkongsian ini diharapkan dapat menjadi contoh dan panduan kepada politeknik dan kolej komuniti lain bagi memantapkan pengurusan PSH.

**PEMBENTANGAN 1  
PEMBENTANG****: PELAKSANAAN PROGRAM DAN KOLABORASI PSH POLITEKNIK**

: Puan Yusma binti Yusof  
Pengarah Bahagian Kolaborasi Industri dan Komuniti

PSH@Politeknik adalah suatu pendekatan pendemokrasian pendidikan melalui penawaran kursus secara formal, informal dan non-formal. Politeknik menjadi institusi dan pusat kecemerlangan latihan yang relevan bagi memenuhi matlamat PSH negara melalui perancangan dan kendalian tadbir urus yang berdaya saing dengan pelbagai produk yang segar dan memenuhi keperluan pembangunan modal insan terutama TVET, mempunyai sumber yang berkemahiran dan pakar dalam bidang teknikal. Politeknik menawarkan kursus PSH secara formal iaitu Kursus Secara Sambilan (KSS) yang dijalankan selepas waktu pejabat terutama pada hujung minggu. Majoriti pelajar KSS adalah orang dewasa yang bekerja dengan tujuan memperoleh kelayakan akademik di peringkat diploma. Selain itu, juga Politeknik juga menawarkan customized program, reskilling & upskilling dan kursus jangka pendek bagi memastikan peserta dapat peningkatan kemahiran serta memperoleh kemahiran baharu selaras dengan perkembangan teknologi dan keperluan semasa.

**PEMBENTANGAN 2****: AMAZING KKSY : THE SECRET ARTS OF LIFELONG LEARNING MANAGEMENT FOR THE COMMUNITY****PEMBENTANG**

: Puan Sulianah binti Sani  
Ketua Unit PSH, Kolej Komuniti Selayang

Program Pemerksaan Ekonomi Komuniti Bandar (PEKB) – Jahitan Kreatif telah terlaksana pada 24 hingga 30 Ogos 2020 bertempat di Hotel Royal Chulan, Bukit Bintang, Kuala Lumpur. Program ini Anjuran Kementerian Perumahan Kerjaan Tempatan (KPKT) diuruskan oleh Pertubuhan Pembangunan Wanita Putrajaya (PEWARNA) dan dilaksanakan oleh Kolej Komuniti Selayang fokus pada Program Kemahiran. Sebelas orang peserta dipilih daripada portal eKasih yang menetap di Negeri Selangor daripada kategori miskin bandar / B40. Terdapat tiga fasa perlaksanaan program ini iaitu fasa pertama melibatkan Program Keusahawanan selama dua hari, fasa kedua merupakan perlaksanaan Program Kemahiran selama lima hari dan fasa ketiga merupakan sesi pemantauan kepada peserta setelah tamat kursus selama satu bulan. Pada fasa kedua terdapat sembilan projek jahitan kreatif telah di laksanakan iaitu jahitan upcycle - Banner kepada duffle bag dan Kemeja terpakai kepada mini skirt, jahitan bag, jahitan ruffle pouch bag, jahitan facemask, jahitan twilly, jahitan bantal quilting, jahitan applique dan sulaman benang. Program ini telah berjaya memberi nilai tambah kepada pengalaman, pengetahuan dan kemahiran kepada peserta. Rekabentuk program yang berstruktur ini akan di teruskan pada masa akan datang kepada komuniti setempat..

**PEMBENTANGAN 3****PEMBENTANG****: WANITA BERDAYA DAN BERKEMAHIRAN : BENGKEL KEUSAHAWANAN  
KOLEJ KOMUNITI HULU LANGAT BERSAMA PUSPANITA KEBANGSAAN**

: Puan Nornazlina binti Mohd Nor  
Ketua Unit PSH, Kolej Komuniti Hulu Langat  
Puan Salmiah binti Mohd Salleh  
Pensyarah Kolej Komuniti Hulu Langat

Program Wanita Berdaya dan Berkemahiran merupakan sebuah program kemahiran serta keusahawanan kerjasama antara Kolej Komuniti Hulu Langat (KKHL) dan Puspanita Kebangsaan. Program ini diilhamkan oleh Puspanita Kebangsaan sejak Tahun 2014 lagi, bertujuan untuk menjadikan ahlinya berdaya dan berkemahiran. Berdaya ditafsirkan sebagai berkemampuan, berupaya atau dapat menyelesaikan masalah dengan menggunakan kemahiran yang telah diberi. Kemahiran pula difokuskan kepada kursus bidang masakan yang selari dengan permintaan semasa dan keusahawanan sebagai value added pada setiap kursus disamping kemahiran tambahan lain mengikut permintaan peserta. Sasaran peserta ialah Ahli Puspanita yang terdiri daripada penjawat awam dan isteri-isteri penjawat awam. Sehingga kini, sebanyak 130 kursus telah berjaya dilaksanakan dengan bilangan peserta seramai 2,430 orang peserta. Pelaksanaan program ini turut memberi impak kepada jumlah aliran tunai ke akaun amanah KKHL. Kursus ini turut memberi impak yang baik terhadap peningkatan kemahiran komuniti, meningkatkan sosio ekonomi, serta akan lahir lebih ramai usahawan dalam kalangan komuniti.

**PEMBENTANGAN 4  
PEMBENTANG****: FROM ZERO TO HERO**  
: Puan Shairul Al-Suzana binti Shahidan  
Ketua Unit PSH, Kolej Komuniti Kuching

**KOLEJ KOMUNITI KUCHING (KKKG)** adalah salah satu kolej komuniti *pioneer* yang bermula operasi pada tahun 2001. Selain daripada mempunyai program sepenuh masa, KKKG juga tidak ketinggalan di dalam melaksanakan program Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH). Dari sehari ke sehari KKKG semakin mantap di bawah naungan setiap pengaruhnya dengan kerjasama dari para pensyarah yang bertugas silih berganti sepanjang beroperasi. Banyak pengalaman telah diperolehi bagi melaksanakan pelbagai jenis kursus sama ada kursus pendek mahupun yang berjangka masa panjang. Disebabkan keyakinan yang teguh inilah maka apabila Penjara Puncak Borneo mengundang kami untuk berkolaborasi bersama mereka, KKKG dengan senang hati menerima lamaran tersebut. Hati lebih berbunga apabila dimaklumkan bahawa kami akan membantu para pelajar di Henry Gurney Kuching untuk menambah kemahiran disamping pelajaran akademik mereka. Setelah beberapa kali perbincangan diadakan, maka terbentuklah idea **PROGRAM KEUSAHAWANAN KOMUNITI PRODUK BATIK: CANTIKK@HG**. Bangga di hati kami kerana dapat membantu para peserta yang pada masyarakat mungkin tidak membawa apa-apa keperluan tetapi untuk kami dengan berpegang pada motto kolej komuniti iaitu "Tidak penting di mana kita bermula, yang penting di mana kita berakhir", maka kami telah berjaya mendidik mereka untuk mempunyai kemahiran yang boleh mendatangkan kewangan untuk mereka sendiri. Hasil jualan dari program ini semuanya diberikan kepada para peserta. Mereka diberi 100% kepercayaan untuk menghasilkan produk mereka sendiri, dengan tunjuk ajar para pensyarah KKKG dan melihat sendiri hasil kerja mereka dijual dan sudah semestinya akan menaikkan semangat dan motivasi mereka. Insyaallah mereka ini akan menjadi usahawan yang berjaya suatu masa nanti. Batu yang pudar akan bersinar sekiranya kita sentiasa menggilap batu tersebut tanpa jemu dan dengan cara yang betul. Tiada mustahil dalam dunia dan jangan dihukum mereka kerana kesilapan mereka dahulu tetapi berilah mereka peluang dan kepercayaan untuk berdiri teguh semula. #KOLEJ KOMUNITI KUCHING HEBAT!

**PEMBENTANGAN 5****PEMBENTANG****: KEMAHIRAN MEMBANTU PENINGKATAN SOSIOEKONOMI IBU TUNGGAL DAN WANITA B40**

: Puan Hasniza Lawyer  
Ketua Unit PSH, Kolej Komuniti Kota Tinggi

Puan Alimah Binti Haji Ahmad merupakan usahawanita dan tenaga pengajar kursus pendek di Kolej Komuniti Kota Tinggi sejak 2018 lagi. Pada tahun 2020 sebanyak 22 kursus pendek di bawah kluster makanan telah dilaksanakan dengan melatih seramai 385 orang wanita daripada golongan wanita B40 dan ibu-ibu tunggal. Sekaligus telah melonjak nama Kolej Komuniti Kota Tinggi dalam kalangan komuniti Daerah Kota Tinggi. Niat usahawanita ini ingin melatih lebih ramai lagi ibu-ibu tunggal dan golongan wanita B40 dalam meningkatkan sosioekonomi mereka. Kolej Komuniti Kota Tinggi juga telah menjalankan Program bersama Yayasan Pembangunan Wanita Daerah Kota Tinggi dalam usaha membantu golongan ibu-ibu tunggal dan golongan wanita B40. Sebanyak lebih kurang 124 orang wanita daripada golongan B40 dan ibu-ibu tunggal telah dilatih dan diberi kemahiran dalam membantu mereka untuk meningkatkan sosioekonomi mereka. Kolej Komuniti Kota Tinggi sentiasa berharap dapat membantu lebih ramai golongan bagi meningkatkan lagi ekonomi mereka terutama dalam keadaan pandemik COVID19 ini.

**PEMBENTANGAN 6  
PEMBENTANG****: JOM TEROKAI CSR KURSUS PENDEK DI KOLEJ KOMUNITI KLANG**

: Ts. Rahizam bin Karim  
Pengarah Kolej Komuniti Klang  
Puan Nik Norazimah bt Nik Abdullah  
Ketua Unit PSH, Kolej Komuniti Klang

Program CSR adalah bertujuan untuk menggalakkan Kolej Komuniti Klang mempraktikkan perkongsian tanggungjawab sosial dengan mengutamakan kepentingan masyarakat dalam kemahiran kursus pendek yang ditawarkan oleh kolej komuniti. Objektif CSR adalah seperti membudayakan konsep Kebajikan Tanggungjawab Bersama di kalangan sektor kerajaan, menggalakkan sektor kerajaan untuk terus melaksanakan tanggungjawab sosial kepada masyarakat dan pembangunan sosial negara. Seterusnya, menyemarakkan semangat kesukarelaan di kalangan masyarakat dan memupuk budaya "Komuniti untuk Komuniti" melalui "social empowerment." CSR adalah program kerjasama strategik Kolej Komuniti Klang untuk membantu Pertubuhan Kebajikan Darul Wardah dalam pelaksanaan program kepada kumpulan sasar selaras dengan konsep "Kebajikan Tanggungjawab Bersama". Program CSR merupakan satu manifestasi atau terjemahan komitmen tanggungjawab sosial sesebuah organisasi terhadap masyarakat. Komitmen CSR diusahakan khusus bagi meningkatkan ekonomi dan kualiti hidup pelatih Pertubuhan Kebajikan Darul Wardah.



## PEMBENTANGAN 7 PEMBENTANG

### : PENDEKATAN STRATEGIK PCP@PMTG - *BENGKEL PITCHING*

: Puan Mariati binti Ahamad Zabidi

Ketua Unit Latihan & Pendidikan Lanjutan Politeknik Metro Tasik Gelugor

En. Mohamad Azarol Faizal bin Abdul Jalil

Pegawai Latihan & Pendidikan Lanjutan

Politeknik Metro Tasik Gelugor

*Pitching Workshop Of Professional Competency Program@PMTG* merupakan program profesional yang ditawarkan di Politeknik Metro Tasek Gelugor (PMTG). Pelbagai program persijilan profesional yang sedia ditawarkan kepada industri mengikut kesesuaian industri. Pelaksanaan PCP @ PMTG telah meningkatkan jumlah aliran tunai ke akaun amanah PMTG. Selain itu, kerjasama antara rakan strategik PCP PMTG dapat ditingkatkan dalam meneruskan program PSH di PMTG.

## PEMBENTANGAN 8 PEMBENTANG

### : PELAKSANAAN PSH BERMODUL (KREDIT) DI KOLEJ KOMUNITI TAMPIN

: Puan Jalilah bt Ali

Ketua Unit PSH, Kolej Komuniti Tampin

Kolej Komuniti Tampin mula melaksanakan Program PSH Bermodul (Kredit) sejak Tahun 2016 dengan jumlah awal pengambilan seramai 19 orang yang terdiri daripada pelbagai peringkat umur, agama dan bangsa. Program pertama yang ditawarkan kepada peserta adalah Sijil Dandanan Rambut. Dengan menggunakan kepakaran dalaman, program ini telah mendapat sambutan dan diperluaskan sehingga mencecah 130 penyertaan sehingga Tahun 2020. Ini termasuk penawaran Sijil Fesyen dan Pakaian pada tahun 2019. Seramai enam orang peserta berjaya melengkapkan kesemua kursus dan modul serta memperolehi 45 kredit sekali gus mencatatkan pencapaian yang amat membanggakan bagi Kolej Komuniti Tampin sebagai lulusan pertama Program Sijil PSH Bermodul (Kredit), Kolej Komuniti Malaysia. Lulusan ini telah berjaya mengorak langkah sebagai usahawan dengan *Barber Shop* mereka sendiri di samping menjadi *freelance* dalam bidang dandanan rambut. Program ini akan terus dilaksanakan dan disebarluas kepada orang ramai dan khasnya masyarakat setempat kini dan pada masa akan datang.



# JAWATANKUASA

## Jawatankuasa Induk

BIL	JAWATANKUASA	JABATAN / KOLEJ KOMUNITI / POLITEKNIK	NAMA
1.	Penaung (Ketua Pengarah JPPKK)	Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti	YBrs. Ts. Zainab binti Ahmad
2.	Penasihat (Pengarah Pusat Penyelidikan Dan Inovasi)	Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti	YBrs. Dr. Ishak bin Mohamad
3.	Pengerusi	Pengarah Kolej Komuniti Ledang	En. Md Nor bin Abdul Halim
4.	Pengerusi Bersama	Pengarah Bahagian Kurikulum, JPPKK	Dr. Hajah Norhayati binti Zakaria
		Pengarah Bahagian Kolaborasi Industri dan Komuniti, JPPKK	Pn. Yusma binti Yusof
		Pengarah Bahagian Peperiksaan Dan Penilaian, JPPKK	Tn. Haji Rosli bin Idris
		Ketua Unit Komunikasi dan Hubungan Korporat, JPPKK	En Mohd Sahran@ Awang bin Mohidin
		Pengarah Politeknik Melaka	En. Razali bin Johari
		Pengarah Politeknik Mersing	Pn. Hilmun binti Mohamed
		Pengarah Kolej Komuniti Segamat	En. Zazallii bin Lazim
		Pengarah Kolej Komuniti Segamat 2	En. Norizam bin Sekak
		Pengarah Kolej Komuniti Kluang	En. Ali bin Sis
		Pengarah Kolej Komuniti Tanjung Piai	En. Suffian bin Mohd Fabilah
		Pengerusi Koperasi Kolej Komuniti Ledang Berhad	En. Mohamad Nasrul Hakem bin Mohamad Hashim



# JAWATANKUASA

BIL	JAWATANKUASA	JABATAN / KOLEJ KOMUNITI / POLITEKNIK	NAMA
5.	Timbalan Pengerusi	Timbalan Pengarah Akademik Kolej Komuniti Ledang	En. Zid Abrar bin Akbar
		Timbalan Pengarah Pengurusan Kolej Komuniti Ledang	En. Ridzuan bin Aris
6.	Pengarah Program	Kolej Komuniti Ledang	En. Khairul Anwar bin Johari
7.	Timbalan Pengarah Program I	Kolej Komuniti Kluang	Ir. Dr. Mohd Rizal bin Lias
8.	Timbalan Pengarah Program II	Kolej Komuniti Ledang	Pn. Zurani binti Buang
9.	Setiausaha	Kolej Komuniti Ledang	Pn. Noorashikin binti Saari
10.	Setiausaha II	Kolej Komuniti Ledang	Pn. Siti Fatimah binti Ahmad
11.	Setiausaha Bersama	Unit Pusat Penyelidikan Inovasi, JPPKK	Pn. Rozanna binti Sa'ari
12.	Bendahari	Kolej Komuniti Ledang	Pn. Faridah Shariyah binti Sharudin
13.	Timbalan Bendahari	Kolej Komuniti Ledang	Pn. Normah binti Musa



# JAWATANKUASA

## Jawatankuasa Pelaksana

BIL	JAWATANKUASA	JABATAN / KOLEJ KOMUNITI / POLITEKNIK	NAMA
1	<i>Floor Manager</i>	Kolej Komuniti Segamat	Pn. Rusnani binti Yahya
2	Jawatankuasa Teknikal Panel (Review Kertas Kajian dan Pembentangan)	Politeknik Melaka	Dr. Hjh Rosnani binti Affandi (K)
			Dr. Erita Mazwin binti Mazlan
			En. Hussein bin Mat Zan
			Pn. Rosmaria binti Ismail
		Politeknik Merlimau	Hj. Zamali bin Omar
3	Jawatankuasa Teknikal Kertas Kajian Seminar Penyelidikan	Politeknik Melaka	Dr. Norhana binti Ahad (K)
		Kolej Komuniti Segamat	Pn. Fara Ellina binti Khaidzir
			Pn. Nor Rasida binti Abd Rahman
			Pn. Nurazrina binti Mohammad Faudzi
			Pn. Sahirda binti Ithnain
4	Jawatankuasa Teknikal dan Data	Kolej Komuniti Ledang	Pn. Zaidah binti Zaini (K)
		Kolej Komuniti Segamat	Pn. Nurshabihan binti Khamis
		Kolej Komuniti Kluang	En. Mohd Reza bin Md Tahir
Jawatankuasa Teknikal <i>Platform Online</i>			
5	a) Multimedia (Pembentangan Peserta)	Kolej Komuniti Ledang	En. Irwan bin Husni (K)
			En. Mohd Nasrul bin Hamdan
			En. Norden bin Sirat
			En. Noorazmi bin Mohd Samsuddin
	b) Moderator (Hos)	Kolej Komuniti Ledang	Pn. Razzatul Iza Zurita binti Rasalli (K)
			Pn. Latifah binti Nen
	c) Teknikal Ms Team	Kolej Komuniti Ledang	Pn. Razzatul Iza Zurita binti Rasalli (K)
	d) Facebook Live	Kolej Komuniti Tanjung Piai	En. Muhamad Syahman bin Mahdi (K)
			En. Mohd Fadzli bin Salem
			Pn. Sharifah Masitah binti Syed Salim
			Pn. Tunisa binti Ab Rahman

BIL	JAWATANKUASA	JABATAN / KOLEJ KOMUNITI / POLITEKNIK	NAMA
	e) Panel dan Juri	Kolej Komuniti Jasin	<b>Dr. Noor Azah binti Abdul Raman (K)</b> Pn. Noorbeha Jamaluddin Pn. Normadiah binti Mohamad
6	Jawatankuasa Reka Bentuk dan Percetakan	Kolej Komuniti Ledang	<b>Pn. Siti Hazwani binti Rosli (K)</b> Pn. Norazila binti Aniah
		Kolej Komuniti Segamat 2	Pn. Siti Norsiah binti Ahmad Pn. Norazila binti Samuri
7	Jawatankuasa Hebahana / Promosi	Kolej Komuniti Muar	<b>Pn. Aini Afeera binti Ali (K)</b>
		Kolej Komuniti Ledang	En. Md Nor bin Bachok
		Kolej Komuniti Bandar Penawar	En. Norlizan bin Misran
		Kolej Komuniti Segamat	En. Salleh bin Mohd Yusof
8	Jawatankuasa Buku e-Prosiding	Politeknik Mersing	<b>Dr. Norhafizah binti Ismail (K)</b> En. Yasin bin Yusoff En. Kamarul Ariff bin Abu Mansor En. Nazid bin Sarji En. Mohd Sallehin bin Abas
9	Jawatankuasa Jemputan	Kolej Komuniti Ledang	<b>Pn. Zarina binti Samin (K)</b> Pn. Munira binti Mokhtar Pn. Hanim binti Abdul Rahim En. Mohd Izzudin bin Othman
10	Jawatankuasa Pendaftaran Peserta	Kolej Komuniti Ledang	<b>Pn. Rizarina binti Ekhwan (K)</b> En. Mohamad Nasrul Hakem bin Mohamad Hashim
11	Jawatankuasa Cenderahati, Sijil dan Hadiah	Kolej Komuniti Ledang	<b>Pn. Hanimarlia binti Hassan (K)</b> Pn. Fatihah binti Norizam En. Omar bin Anuar
12	Jawatankuasa Protokol	Kolej Komuniti Ledang	<b>Pn. Suraya binti Abd Rahman (K)</b>
13	Jawatankuasa Pengacara Majlis Dan Pembacaan Doa	Kolej Komuniti Tanjung Piai	<b>Pn. Khulia binti Abd Samat (K)</b> Pn. Nasibah Husna binti Mohd Kadir Pn. Eliza Seth En. Mohd Fazli bin Abd Rahman
		Kolej Komuniti Bandar Tenggara	En. Muhammad Faizal Bin Nin



# JAWATANKUASA

BIL	JAWATANKUASA	JABATAN / KOLEJ KOMUNITI / POLITEKNIK	NAMA
14	Jawatankuasa Teks Ucapan	Kolej Komuniti Segamat 2	<b>Dr. Muhammad Helmi bin Abu Bakar (K)</b> Pn. Datin Sakinah binti Mupit Pn. Aniza Hanim binti Amran Pn. Siti Nurr Hidayah binti Mohd Sanif Pn. Fadilah binti Mohamad Najuri
15	Jawatankuasa Fotografi, Videografi, Montaj Dan Gimik	Kolej Komuniti Segamat	<b>En. Muhammad Zuhairy bin Zulkifli (K)</b> En. Ibrahim bin Mohd Arif En. Nordziakon bin Husnan
		Kolej Komuniti Ledang	En. Khairul Fekry bin Abdull Rahman
16	Jawatankuasa Makanan dan Minuman	Kolej Komuniti Ledang	<b>En. Muhammad Fikri bin Samsudin (K)</b> En. Saifol bin Senapi En. Saiful bin Mohd Ali En. Mohd Rais bin Azhar
17	Jawatankuasa Peralatan dan Persiapan Tempat	Kolej Komuniti Ledang	<b>En. Muhamad Nur Rahman bin Abdullah (K)</b>
18	Best Practice	Bahagian Kurikulum , JPPKK  Bahagian Peperiksaan dan Penilaian, JPPKK	Pn. Wan Marina binti Wan Mohd Nowalid Pn. Roswani Binti Ab. Rahman En. Firdaus Bin Hassan En. Zul Affandi Bin Mohamed Ali Pn. Akalili Binti Abdullah  Pn. Norzila Binti Abdul Razak Cik Rosmaizura binti Mohamad Radzuan Pn. Roazliza binti Baharin Pn. Nadia binti Rajat Pn. Nurul Zaitul Aizan binti Mohamad Jahis En. Aziz Zuddin bin Othman
19	Tugas-Tugas Khas	Bahagian Kolaborasi Industri Dan Komuniti, JPPKK	Cik Juliana binti Mahpol Pn. Tamil Chelvi a/p Vadivelu Dr. Hanida bt Abdullah Pn. Nor Salasiah binti Mat Rashid



norazilasamuri